

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**KEUSAHAWANAN BERASASKAN SUNNAH
RASULULLAH S.A.W: KAJIAN PENGAMALAN DALAM
KALANGAN USAHAWAN MELAYU MARA KEDAH**



HAZIRAH BINTI OMAR

UUM
Universiti Utara Malaysia

**SARJANA SASTERA (PENGAJIAN ISLAM)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2017**



Awang Had Salleh
Graduate School
of Arts And Sciences

Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

HAZIRAH OMAR

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree of)

SARJANA

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

**"KEUSAHAWANAN BERASASKAN SUNNAH RASULULLAH S.A.W: KAJIAN PENGAMALAN
DALAM KALANGAN USAHAWAN MELAYU MARA KEDAH"**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada : **11 Oktober 2016**.

*That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on:
October 11, 2016.*

Pengerusi Viva:
(Chairman for VIVA)

Assoc. Prof. Dr. Ruzlan Md Ali

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar:
(External Examiner)

Dr. Mohd Shukri Hanapi

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Dalam:
(Internal Examiner)

Dr. Mohd Nizho Abd Rahman

Tandatangan
(Signature)

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia:
(Name of Supervisor/Supervisors)

Dr. Solahuddin Abdul Hamid

Tandatangan
(Signature)

Tarikh:
(Date) **October 11, 2016**

Kebenaran Mengguna

Dalam membentangkan tesis ini sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah sarjana Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju bahawa Perpustakaan Universiti boleh memilikinya secara percuma untuk pemeriksaan. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran untuk penyalinan karya ini dalam apa-apa cara, secara keseluruhan atau sebahagiannya, bagi tujuan akademik mestilah mendapat kebenaran daripada penyelia saya atau Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences. Difahami bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau penggunaan karya ini atau sebahagian daripadanya untuk keuntungan kewangan tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Ia juga difahami bahawa pengiktirafan yang sewajarnya diberikan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia untuk sebarang penggunaan ilmiah yang boleh dibuat daripada apa-apa bahan yang terdapat dalam tesis saya.

Permintaan untuk kebenaran untuk menyalin atau menggunakan bahan-bahan lain dalam tesis ini, secara keseluruhan atau sebahagiannya, hendaklah dialamatkan kepada:

Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences

UUM College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Abstrak

Pembangunan keusahawanan di kalangan orang Melayu kini semakin memberangsangkan hasil dorongan oleh pelbagai bantuan daripada agensi-agensi kerajaan berkaitan seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA). Pembangunan tersebut juga dikatakan telah dipengaruhi oleh teori Max Weber dan McClelland yang mengaitkan nilai keagamaan dengan keinginan pencapaian dengan ciri-ciri keusahawanan. Namun begitu, kajian tentang bagaimana tasawur Islam melihat aktiviti komersial ini dengan ciri-ciri keusahawanan yang dijalankan oleh Rasulullah S.A.W masih kurang dilakukan. Tambahan pula, tahap pengamalan keusahawanan yang berasaskan sunnah baginda dalam kalangan usahawan Melayu masih belum diterokai. Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti tasawur Islam terhadap aktiviti keusahawanan, menerangkan elemen-elemen yang terdapat dalam keusahawanan berasaskan sunnah Rasulullah S.A.W dan menganalisa tahap pengamalannya dalam kalangan usahawan Melayu. Kajian ini hanya memfokuskan kepada tiga konsep iaitu konsep akidah, syariah dan akhlak. Kajian ini juga melibatkan 268 orang usahawan kecil dan sederhana MARA yang mendapat pembiayaan tidak lebih daripada RM10,000. Kajian yang berbentuk kuantitatif dan kualitatif ini menggunakan pendekatan kajian kes. Data-data diperoleh melalui soal selidik dan kajian literatur. Hasil kajian mendapati, tahap pengamalan keusahawanan yang berasaskan sunnah Rasulullah S.A.W dalam kalangan usahawan Melayu adalah tinggi dan semakin menjadi ikutan. Hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi sumber rujukan yang berautoriti kepada semua pihak, khususnya usahawan Melayu dan dapat membantu MARA serta agensi kerajaan berkaitan dalam merangka pelan pembangunan keusahawanan yang lebih efisien dan bersifat holistik. Selain itu, inisiatif ini diharapkan dapat membentuk identiti usahawan yang selari dengan sunnah Rasulullah S.A.W, bukan sahaja dalam pelaksanaan aktiviti komersial, bahkan dalam pelaksanaan keusahawanan sosial yang berasaskan kepada tasawur Islam.

Kata kunci: Keusahawanan sunnah, Tasawur Islam, Usahawan Melayu

Abstract

The development of entrepreneurship among Malays is increasingly encouraging due to driven by numerous forms of assistance from relevant government agencies such as Majlis Amanah Rakyat (MARA). The development is also said to have been influenced by theories from Max Weber and McClelland, which relate the religious values with and the needs for achievement to entrepreneurial characteristics. However, studies on how Islamic worldview views this commercial activity and the entrepreneurial characteristics of the Prophet Muhammad S.A.W are still lacking. Moreover, entrepreneurial practices based on the sunnah among Malay entrepreneurs is yet to be discovered. Therefore, this study had identified the Islamic worldview pertaining to entrepreneurial activities, elaborated on the entrepreneurial elements that are based on the sunnah of the Prophet S.A.W and analyzed the level of its practices among Malay entrepreneurs. Since the entrepreneurial concept based on the sunnah is a broad concept, this study is focused on three main concepts, which are faith (akidah), sharia (syariah) and morals (akhlak). This study has also involved 268 small and medium entrepreneurs who received funding from MARA that amounted to no more than RM10,000. This quantitative and qualitative research uses a case study approach. The data were obtained through questionnaires and literature review. The findings indicate that the level of entrepreneurial practices based on the sunnah of the Prophet S.A.W among Malay entrepreneurs is high and fast becoming a trend. Hopefully, the results of this study would become an authoritative reference to all parties, especially Malay entrepreneurs and it can help MARA and relevant government agencies in planning more efficient and holistic entrepreneurial development plans. In addition, this initiative should be able to establish an entrepreneurial identity similar to the sunnah of the Prophet S.A.W, not only in the implementation of commercial activities but also in the implementation of social entrepreneurship based on the Islamic worldview.

Keywords: Sunnah Entrepreneurship, Islamic worldview, Malay entrepreneurs

Penghargaan

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, segala puji dan syukur diucapkan atas limpah kurnia daripada Allah S.W.T, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga, para sahabat dan pengikut baginda yang terus mempertahankan syariat Islam sehingga ke akhir zaman. Melalui petunjuk, ketabahan dan kesabaran yang dikurniakan oleh Allah S.W.T menjadikan saya berkeinginan tinggi dalam menyelesaikan kajian ini.

Ucapan terima kasih dan penghargaan diucapkan kepada Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences serta Pusat Pengajian Umum (PPU), Kolej Sastera dan Sains (CAS) Universiti Utara Malaysia kerana banyak membantu memudahkan proses menyiapkan kajian ini .

Seterusnya, ucapan terima kasih kepada penyelia bagi kajian ini Dr. Solahuddin Abdul Hamid, pensyarah-pensyarah, ibu bapa serta orang perseorangan yang telah membantu menjayakan kajian ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Semoga dianugerahkan barakah dan rahmat oleh Allah S.W.T. Adalah menjadi harapan saya, sedikit ilmu dan pengalaman yang diperolehi daripada kajian ini akan memberi manfaat kepada kita semua. *Insyallah.*

Terima kasih.

Isi Kandungan

Kebenaran Mengguna	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Isi Kandungan	vi
Senarai Singkatan	ix
Senarai Rajah	x
Senarai Jadual	xi
Senarai Lampiran	xii
 BAB SATU: PENGENALAN	 1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	11
1.5 Objektif Kajian	11
1.6 Skop dan Limitasi Kajian	12
1.7 Kepentingan Kajian	13
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	14
1.9 Definisi Konsep	15
1.9.1 Keusahawanan	15
1.9.2 Sunnah Rasulullah S.A.W	16
1.9.3 Pengamalan	18
1.9.4 Melayu	19
1.10 Kesimpulan	20
 BAB DUA: ULASAN KARYA	 21
2.1 Pendahuluan	21
2.2 Sejarah Keusahawanan Dalam Islam	21
2.3 Tasawur Islam Terhadap Keusahawanan	24
2.4 Personaliti Usahawan Muslim	28

2.5	Islam dan Keusahawanan Melayu	29
2.6	MARA dan Pembangunan Keusahawanan Melayu	31
2.7	Kajian Lepas	36
	i. Kajian Keusahawanan dan Pengaruh Agama	36
	ii. Kajian Keusahawanan dan Sunnah	47
	iii. Kajian Keusahawanan Melayu	49
2.8	Kesimpulan	52
BAB TIGA: METODOLOGI KAJIAN		54
3.1	Pendahuluan	54
3.2	Reka Bentuk Kajian	54
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	55
	3.3.1 Soal Selidik	55
	3.3.2 Kajian Kepustakaan	59
3.4	Sampel Kajian	59
3.5	Kajian Rintis	60
3.6	Analisis Data	62
3.7	Kesimpulan	63
BAB EMPAT: ANALISIS KAJIAN		64
4.1	Pendahuluan	64
4.2	Tasawur Islam Terhadap Aktiviti Keusahawanan	64
	4.2.1 Perspektif al-Quran	65
	4.2.2 Perspektif al-Sunah	73
4.3	Elemen-Elemen Yang Terdapat Dalam Keusahawanan Yang Berasaskan Sunnah Rasulullah S.A.W.....	83
	4.3.1 Akidah	83
	4.3.2 Syariah	91
	4.3.3 Akhlak	102
4.4	Tahap Pengamalan Keusahawanan Yang Berasaskan Sunnah Dalam Kalangan Usahawan Melayu	107
	4.4.1 Maklumat Deskriptif Responden	107
	4.4.2 Hubungan Antara Akidah, Syariah dan Akhlak	112

4.4.3 Tahap Amalan Keusahawanan Yang Berasaskan Sunnah Rasulullah S.A.W Dalam Kalangan Usahawan Melayu	112
4.4.4 Perbincangan	118
4.5 Kesimpulan	119
BAB LIMA: RUMUSAN DAN KESIMPULAN	120
5.1 Pendahuluan	120
5.2 Implikasi Kajian	120
5.3 Cadangan Kajian	124
5.3.1 Cadangan Kepada Usahawan	125
5.3.2 Cadangan Kepada MARA	127
5.3.3 Cadangan Kepada Masyarakat	129
5.3.4 Cadangan Kepada Agamawan	130
5.4 Cadangan Usulan Penyelidikan	130
5.5 Kesimpulan	132
BIBLIOGRAFI	133
LAMPIRAN	144

Senarai Singkatan

a.s	<i>'Alaihissalam</i>
BMA	Baitul Mal Aceh
DEB	Dasar Ekonomi Baru
HDC	Halal <i>Industry Development Corporation</i>
IAT	Industri Asas Tani
IBS	<i>Industrialised Building System</i>
IKS	Industri Kecil dan Sederhana
KPI	<i>Key Performance Indicator</i>
LPU	Latihan Pembentukan Usahawan
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MTDC	Malaysia Technology Development Corporation Sdn. Bhd.
NCER	Wilayah Ekonomi Koridor Utara
PKEN	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri
PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
PUNB	Perbadanan Usahawan Nasioanal Berhad
PUTEK	Pembangunan Pemasaran dan Program Usahawan Teknikal
r.a	<i>Rodhiyallahu 'anhu/'anha</i>
RIDA	Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan (<i>Rural Industrial Development Authority</i>)
S.A.W	<i>Sollallahu 'alaihi wasallam</i>
S.W.T	<i>Subhanahu wa ta'ala</i>
SHTI	Syarikat Hindia Timur Inggeris
SKNP	Skim Khidmat Nasihat Perniagaan
SME	Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Berhad
SPiKE	Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres
SPiM	Skim Pembiayaan Mudah Jaya
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
TEKUN	Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga
UPEN	Unit Perancang Ekonomi Negeri
YAB	Yang Amat Berhormat
YaPEIM	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia

Senarai Rajah

Rajah 1.1	Kerangka Konseptual Pengamalan Keusahawanan Berasaskan Sunnah Rasulullah S.A.W.....	14
-----------	--	----



Senarai Jadual

Jadual 3.1	Pembahagian Item-Item Soalan Pengamalan Keusahawanan Sunnah Usahawan	56
Jadual 3.2	Bilangan Responden Mengikut Daerah-daerah di Negeri Kedah Darul Aman	60
Jadual 3.3	Ujian Kebolehpercayaan Pemboleh Ubah-Kajian Rintis	61
Jadual 4.1	Maklumat Deskriptif Personaliti Responden (n=268)	109
Jadual 4.2	Maklumat Deskriptif Aktiviti Keusahawanan Responden (n=268) .	111
Jadual 4.3	Korelasi Perkara Akidah, Syariah dan Akhlak	112
Jadual 4.4	Peratus Mengikut Item Bagi Gagasan Akidah (n=268)	114
Jadual 4.5	Peratus Mengikut Item Bagi Gagasan Syariah (n=268)	116
Jadual 4.6	Peratus Mengikut Item Bagi Gagasan Akhlak (n=268)	118



UUM
Universiti Utara Malaysia

Senarai Lampiran

Lampiran A	Borang Kaji Selidik	144
------------	---------------------------	-----



BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Aktiviti keusahawanan bukan sahaja sebagai nadi kepada pertumbuhan ekonomi, malahan juga melibatkan pembangunan sosio-ekonomi masyarakat dan individu. Selain memperkukuh struktur ekonomi dengan perluasan pasaran, keperluan serta kehendak masyarakat turut dipenuhi melalui penyediaan pelbagai produk dan perkhidmatan yang diperlukan. Aktiviti komersial ini juga menjadi penyumbang kepada peningkatan taraf hidup dengan menawarkan peluang pekerjaan kepada masyarakat. Dalam konteks Islam, aktiviti keusahawanan merupakan satu kerjaya yang sangat mulia. Nabi Muhammad S.A.W merupakan seorang usahawan sejak awal remaja. Baginda mengembala kambing untuk penduduk Mekah. Ketika usia 25 tahun, baginda berniaga untuk Khadijah binti Khuwailid (Mustofa Husni As-Sibaie, 1985). Sepanjang penglibatan dalam keusahawanan, baginda berniaga dengan penuh komited dan jujur. Kajian ini mengenal pasti tasawur Islam (*Islamic worldview*) terhadap aktiviti keusahawanan. Seterusnya, menganalisis konsep dan pelaksanaannya berasaskan sunnah Rasulullah S.A.W serta pengamalannya dalam kalangan usahawan Melayu yang berdaftar dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA) di negeri Kedah.

Bab ini akan membincangkan latar belakang kajian, permasalahannya, persoalan, objektif serta skop dan limitasi kajian. Selain itu, kepentingan kajian kerangka konseptual dan definisi konsep bagi empat terminologi iaitu keusahawanan, sunnah, pengamalan dan Melayu akan turut dibincangkan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Majoriti kaum berpandangan bahawa masalah ekonomi atau kemiskinan sebagai suatu keadaan yang tidak baik, malah ada kelompok yang melabelkannya sebagai satu azab (Yusuf al-Qaradhawi, 2009). Faktor terbaik bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi adalah dengan berlakunya penambahan bilangan usahawan. Kajian Linan *et al.* (2005) dan Schragger (2010) mendapati, pengaruh aktiviti keusahawanan dalam pertumbuhan dan daya saing ekonomi tidak dapat dipertikaikan lagi kerana bidang ini dapat mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan serta mendorong kemajuan dalam kalangan masyarakat, pertambahan nilai ekonomi dan peningkatan hasil kekayaan negara serta merangsang pembangunan dalam bidang-bidang lain. Dapatan tersebut menunjukkan bahawa peningkatan bilangan usahawan dan perniagaan yang berpotensi adalah antara elemen yang kritikal dalam proses pembangunan sesebuah negara terutamanya dalam sektor ekonomi (Mohamed Khaled Nordin, 2009).

Dalam konteks agama Islam, aktiviti keusahawanan adalah kerjaya yang mulia. Rasulullah S.A.W sendiri bukan sahaja menjadi suri teladan dalam urusan agama yang bersifat *ukhrawi*, bahkan baginda merupakan insan yang hebat dalam urusan duniawi seperti keusahawanan. Hart (1992) telah menyatakan dalam bukunya, "*The 100: A Ranking of The Most Influential Persons in History*" bahawa kejayaan Nabi Muhammad S.A.W dalam menggabungkan pengaruh agama (*ukhrawi*) dan sekular (duniawi) dalam kehidupan sememangnya melayakkan baginda menjadi tokoh yang paling berpengaruh dalam sejarah manusia. Rasulullah S.A.W telah membuktikan bahawa keusahawanan merupakan kerjaya strategik yang perlu dihayati oleh umat Islam seluruhnya (Ab. Mumin *et. al*, 2005).

Keusahawanan merupakan antara aspek yang penting dalam perjalanan hidup Rasulullah S.A.W sebelum kerasulan baginda. Rasulullah S.A.W memulakan kariernya sebagai usahawan pada usia 12 tahun dengan mengikuti ekspedisi perdagangan bapa saudaranya, Abu Talib ke negeri Syam (Yusuf Ismail al-Nabhani, 1994). Baginda berusaha keras membina kemahiran dalam bidang keusahawanan. Seiring dengan keperibadiannya yang mulia, baginda semakin dikenali ramai dan dipercayai oleh semua orang sehingga mendapat gelaran *al-Amin*. Nabi Muhammad S.A.W melayan semua pelanggan baginda dengan baik dan sabar, tidak kira sama ada pelanggan tersebut membeli mahupun tidak barangan dagangannya (Muslim Kelana, 2009). Keperibadian yang baik serta mengamalkan etika perniagaan seperti kejujuran, integriti, amanah, empati terhadap pelanggan serta mengembalikan pinjaman tepat pada waktunya telah mendorong orang ramai, para pedagang serta para pelabur tertarik untuk bekerjasama dan mempunyai hubungan perniagaan dengan baginda.

Puncak kegemilangan Rasulullah S.A.W dalam aktiviti keusahawanan berlaku ketika baginda berusia 20 tahun iaitu apabila seorang saudagar kaya yang bernama Siti Khadijah melantik baginda sebagai pengurus dalam rombongan perdagangannya ke Syam (Yusuf Ismail al-Nabhani, 1994). Setelah melihat kejayaan rombongan perdagangan tersebut dengan keuntungan yang berlipat ganda, Siti Khadijah telah memberi sepenuh kepercayaan kepada baginda untuk terus memimpin ekspedisi perdagangannya sebanyak lima kali dari Yaman ke Syam (Muslim Kelana, 2009). Rasulullah S.A.W membuktikan bahawa baginda merupakan seorang usahawan yang berintegriti dan sering kali berjaya meraih keuntungan yang besar dalam setiap ekspedisi perdagangan yang dipimpinnya. Kejayaan ini juga merupakan hasil daripada sifat ikhlas dan jujur yang ada dalam diri baginda.

Islam menggalakkan pembangunan keusahawanan dengan personaliti yang jujur dan amanah apabila Rasulullah S.A.W pernah memberi jaminan syurga kepada peniaga yang mempunyai ciri-ciri tersebut melalui sabdanya yang bermaksud:

*“Peniaga yang jujur dan amanah akan bersama para nabi, siddiqin dan syuhada di dalam syurga”.*¹

Rasulullah S.A.W turut menyatakan ganjaran yang akan diperoleh hasil daripada sikap jujur dalam perniagaan berdasarkan sabda baginda yang bermaksud:

*“Penjual dan pembeli memiliki kesempatan memilih selagi kedua-duanya belum berpisah. Apabila kedua-duanya jujur dan berterusterang, jual beli mereka akan dipenuhi keberkatan. Sekiranya mereka berdusta dan saling menyembunyikan sesuatu, pasti terhapus keberkatan jual beli tersebut.”*²

Dalam pada itu, baginda turut mengingatkan larangan perbuatan menipu tentang sesuatu produk atau perkhidmatan berdasarkan sebuah hadis yang bermaksud:

*Rasulullah S.A.W melewati selongkok makanan (biji-bijian), lalu baginda memasukkan tangan ke dalam longgokan tersebut, kemudian tangan baginda S.A.W menyentuh sesuatu yang basah, maka baginda pun bertanya: "Apakah ini wahai pemilik makanan?" Peniaga tersebut menjawab, "Makanan tersebut terkena air hujan wahai Rasulullah". Lalu baginda Rasulullah S.A.W bersabda: “Mengapakah engkau tidak meletakkan bahagian yang basah ini di atas supaya pembeli dapat melihatnya? Barangsiapa yang menipu, maka dia bukanlah termasuk dalam golonganku”*³

¹ Abu Isa Muhammad bin Isa bin Surah al-Tirmizi (wafat: 256H), *Al-Jami' Al-Sahih, Kitab Al-Buyu', Bab Ma Jaa Fi Al-Tujjar Wa Tasmiyatu Al-Nabi S.A.W Iyyahum*, no:1209. Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Sa'id al-Khudri r.a dan Abu Isa menyatakan bahawa hadis ini berstatus 'Hasan'.

² Abu al-Husain Muslim bin al-Hajjaj Qushayri al-Nisaburi (wafat:261H), *Al-Musnadu Al-Sahih Bi Naqli Al-Adli, Kitab Al-Buyu', Bab Al-Sidqu Fi Al-Bai' Wa Al-Bayan*, no: 1535. Hadis ini diriwayatkan oleh Hakim bin Hizam r.a.

Hadis ini daripada perawi yang sama iaitu Hakim bin Hizam r.a terdapat juga dalam *Sahih Al-Bukhari, Kitab Al-Buyu', Bab Iza Bayyana Bayyi'ani Walam Yaktuma Wanasoha*, no: 2079, 2082, 2110.

³ Muslim (wafat: 261H), *Sahih Muslim, Kitab Al-Iman, Bab Qaul Al-Nabi S.A.W “Man Ghasysyana Falaisa Minna”*, no: 104. Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a yang terkenal sebagai salah seorang sahabat baginda yang banyak meriwayatkan hadis.

Dalam konteks masyarakat Melayu, aktiviti keusahawanan telah menjadi budaya dalam kalangan masyarakat. Malahan, pelbagai usaha digerakkan oleh kerajaan agar pembangunan keusahawanan dalam kalangan masyarakat Melayu lebih maju. Sebagai contoh, Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan agar sesuatu bidang ekonomi tidak tertumpu kepada satu-satu kaum tertentu. Namun begitu, sehingga ke hari ini bilangan usahawan Melayu yang berjaya masih gagal menandingi bilangan usahawan bukan Melayu (Yahaya Ibrahim dan Norsiah Ahmad, 2006). Berdasarkan maklumat Suruhanjaya Syarikat Malaysia, penyertaan usahawan bumiputera juga adalah rendah. Pada tahun 2014, sebanyak 1,026,100 syarikat telah didaftarkan. Hanya 27.6% atau 283,200 syarikat merupakan syarikat Bumiputera (Malaysia, 2015).

1.3 Permasalahan Kajian

Penulisan dan kajian yang mengaitkan hubungan antara nilai agama dengan keusahawanan lebih banyak dipelopori oleh sarjana bukan Islam sama ada dari Barat seperti Weber (1930) dan Geerts (1965) atau dari Timur seperti Shichihei (1992) dan Bellah (1957). Sebagai contoh, Audretsch dan Meyer (2009) menjelaskan, faktor kepercayaan dan amalan agama sangat mempengaruhi tingkah laku ekonomi masyarakat. Dapatan tersebut selari dengan rumusan Neusner (1977) bahawa pendidikan agama dalam kepercayaan Calvinistik merupakan faktor yang membawa kepada pembangunan sebahagian besar elemen-elemen yang menjadi asas kepada proses perindustrian moden. Menurut Neusner (1977), kitab yang dianggap suci oleh penganut Mormon iaitu "*The Doctrine and Covenants*" menjelaskan, dua faktor utama kehidupan mereka iaitu agama dan perusahaan adalah saling berkaitan. Model keusahawanan Weber (1958) juga menunjukkan bahawa nilai keagamaan seperti kejujuran adalah asas kepada kejayaan usahawan. Manakala keyakinan yang tinggi

terhadap nilai-nilai keagamaan akan menyebabkan penganut bersemangat dan bersungguh-sungguh menjalankan aktiviti komersial ini. Andaian tersebut adalah berdasarkan kajian terhadap penganut agama Protestant yang telah berjaya dalam bidang ekonomi.

Dalam pada itu, McClelland (1961) mengemukakan teori yang mengaitkan elemen psikologi dengan pencapaian dalam keusahawanan. Beliau mengandaikan bahawa kunci kepada pencapaian keusahawanan terletak kepada tahap motivasi seseorang usahawan. Motivasi tersebut adalah keinginan pada pencapaian (*need of achievement*) atau (*nAch*), keinginan pada kekuasaan (*need of power*) atau (*nPow*) dan keinginan pada hubungan (*need of affiliation*) atau (*nAff*). Seseorang usahawan yang mempunyai tahap keinginan yang tinggi terhadap pencapaian, akan berusaha dengan lebih kuat untuk mencapai sesuatu matlamat kerana sifatnya yang tidak pernah berasa puas dengan segala yang dicapai sebelumnya. Teori McClelland antara yang mendapat sambutan dalam bidang ini terutama berkaitan pencapaian dan produktiviti usahawan (Robbins dan Judge, 2007).

Walau bagaimanapun, Solahuddin Abdul Hamid *et. al.* (2013) mengkritik konsep motivasi tersebut yang mengabaikan konsep kesepaduan antara material dengan spiritual. Pengabaian terhadap elemen kerohanian akan menyebabkan berlaku kepincangan dalam pengurusan setiap aktiviti keusahawanan kerana segala yang diusahakan lebih berpaksikan kepada kepuasan nafsu semata-mata. Manakala Wan Rafaei Abdul Rahman (1993) juga menyatakan, teori tersebut telah digunakan secara meluas oleh agensi kerajaan tertentu di Malaysia dalam usaha membangunkan usahawan bumiputera tanpa dikaji terlebih dahulu akan kesesuaiannya untuk

diaplikasikan di Malaysia. Pandangan tersebut adalah selari dengan rumusan para sarjana seperti Wan Mohd Nor Wan Daud (2001), Zaid Ahmad (2001) dan Muhammad Abu Bakar (1994) bahawa kerangka epistemologi konsep pembangunan Barat yang bersifat anti agama dilihat gagal untuk membawa keharmonian yang seimbang dalam kalangan negara Islam yang mempraktikkannya termasuk Malaysia. Muhammad al-Buraey (1985) menegaskan, meskipun meminjam beberapa budaya asing yang baik adalah amalan yang sihat, tetapi kebergantungan secara mutlak merupakan tanda-tanda kehancuran sesuatu bangsa. Syed Nawab Haider Naqvi (1981) turut mengingatkan bahawa tingkahlaku sosial manusia mesti dikawal dan dibimbing dengan syariat bagi meningkatkan kualiti hidup dan ketamadunan mereka.

Selain itu, sistem keusahawanan Barat yang bersifat kapitalisme juga mempunyai kelemahannya apabila mutakhir ini berlaku kemerosotan dalam sektor ekonomi Barat dan Eropah, malah keadaan ekonomi mereka juga semakin meruncing (Mohd Adib Abd Muin, Shuhairimi Abdullah dan Azizan Bahari, 2015; Saifuddin Abdullah, 2009). Malahan, dalam sistem kapitalisme, peluang perniagaan kelihatan lebih didominasi oleh elit kapitalis yang berkepentingan dalam industri (kroni), manakala usahawan yang tiada kepentingan akan diabaikan. Afzal-Ur-Rahman (1991) menyatakan bahawa sistem ekonomi ini juga bukan sahaja mencetuskan ketidakseimbangan masyarakat, malah cenderung menyebabkan golongan kaya tidak menggunakan sebahagian daripada hartanya untuk membantu golongan yang lebih memerlukan. Di samping itu, sistem ekonomi Barat juga mendorong usahawan untuk mengamalkan riba dalam aktiviti keusahawanan mereka sebagai petanda atau harga bagi permintaan atau penawaran wang. Pemikiran dan tingkah laku tersebut jelas melanggar nilai dan estetika Islam di mana sifat telus dan adil tidak lagi menjadi

tonggak dalam urusan perniagaan. Pelbagai bentuk pelanggaran nilai dan etika yang berlaku ini sangat memerlukan kepada satu mekanisme penyelesaian menyeluruh berpandukan ajaran Islam yang murni (Buerah Tunggak dan Hussin Salamon, 2014).

Dalam konteks kehidupan dan persaingan, ajaran Islam tidak pernah menafikan keinginan umatnya untuk berjaya dan berharta. Malah, Islam sendiri melihat dan menilai kekayaan sebagai salah satu nikmat yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T kepada umat manusia yang wajib disyukuri (Yusuf al-Qaradhawi, 2009). Hal ini kerana umat Islam dianjurkan supaya berdikari dalam mencari nafkah yang halal dan tidak sesekali membebankan orang lain seperti yang dinyatakan dalam hadis baginda yang bermaksud:

“Tidaklah seorang (hamba) memakan makanan yang lebih baik daripada hasil usaha tangannya (sendiri) dan sesungguhnya Nabi Daud a.s makan daripada hasil usaha tangannya (sendiri)”.⁴

Hadis tersebut menunjukkan keutamaan mencari rezeki yang halal untuk memenuhi keperluan diri sendiri dan keluarga. Malah sikap ini ditonjolkan oleh para nabi yang sememangnya menjadi contoh teladan kepada umat masing-masing.

Penekanan terhadap pengamalan sunnah sebagai satu sistem etika universal adalah sangat relevan kerana etika sunnah adalah seiring dengan etika al-Quran. Allah S.W.T telah menjanjikan kejayaan dan kemenangan yang hakiki kepada Muslim yang mentaati al-Quran dan al-sunnah dengan penuh keikhlasan sepertimana firman-Nya yang bermaksud:

⁴ Abu Abdullah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah al-Bukhari (wafat: 256H), *Al-Jami' Al-Sahih Al-Musnad Min Hadisi Rasulillah S.A.W Wa Sunanihi Wa Ayyamihi, Kitab Al-Buyu', Bab Kasbi Al-Rojuli Wa 'Amalihi Biyadihi*, no: 2072. Hadis ini diriwayatkan oleh Miqdam r.a.

Sesungguhnya perkataan yang diucapkan oleh orang yang beriman ketika mereka diajak kepada kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya, supaya menjadi hakim memutuskan sesuatu di antara mereka, hanyalah mereka berkata: “Kami dengar dan kami taat”; dan mereka itulah orang yang beroleh kejayaan. Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya dan takut melanggar perintah Allah serta menjaga dirinya jangan terdedah kepada azab Allah maka merekalah orang yang beroleh kemenangan.

(Surah al-Nur, (24): 51-52)

Muhammad Jarir al-Tabari (2008) dalam kitabnya, *Jami' Al-Bayan fi Ta'wil ai Al-Quran* menafsirkan ayat '*sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya dan takut melanggar perintah Allah serta menjaga dirinya daripada terdedah pada azab Allah maka merekalah orang yang beroleh kemenangan*' sebagai manusia yang memiliki sifat takut dan taat kepada Allah S.W.T dan Rasul-Nya S.A.W. Golongan ini akan beroleh kemenangan kerana mereka telah mendapat reda Allah S.W.T pada hari kiamat dan selamat daripada azab-Nya.

Menurut Ishak Yussof *et al.* (2011), faktor latar belakang usahawan Melayu seperti jati diri, jujur, tidak mudah mengalah, yakin dan gigih berusaha merupakan faktor penting dalam mempengaruhi kecenderungan serta kejayaan usahawan dalam bidang perniagaan masing-masing. Manakala, hilangnya jati diri kesan perubahan gaya hidup mewah menyebabkan usahawan ghairah untuk memperolehi kekayaan yang lebih lagi sehingga sanggup melakukan jenayah seperti penipuan, rasuah, pecah amanah, politik wang, tamak haloba (Mahathir Mohammad, 1999) serta menyalahgunakan wang pinjaman untuk membeli aset bagi kegunaan peribadi (Buerah Tunggak dan Hussin Salamon, 2014). Situasi tersebut telah membentuk satu 'budaya negatif usahawan Bumiputera' (Mat Hassan Esa, 1992; Wan Liz Ozman Wan Omar, 2000).

Dalam pada itu, Solahuddin Abdul Hamid (2012) telah mengkaji penghayatan agama sebagai motivasi keinginan pencapaian. Kajian tersebut menganalisis kesan pengamalan nilai Islam terhadap pencapaian usahawan Muslim dalam kalangan usahawan Melayu MARA di negeri Kedah. Dapatan kajian merumuskan bahawa setiap manusia perlu menyerapkan nilai-nilai iman, mengingati Allah, menyeru kepada kebaikan, mencegah kemungkaran, bersyukur dan berjihad di jalan Allah dalam setiap kegiatan yang dilakukan. Dapatan juga mendapati majoriti responden tidak berpuas hati dengan kerenah birokrasi yang wujud dalam kalangan kakitangan MARA. Responden turut menjelaskan bahawa perancangan yang diberikan oleh pihak MARA adalah tidak konsisten dengan pelaksanaannya. Walau bagaimanapun, kajian tersebut tidak membincangkan secara khusus ciri-ciri keusahawanan yang telah dipraktikkan oleh Rasulullah S.A.W dan para sahabat baginda.

Seharusnya, usahawan Melayu Muslim perlu diterapkan dengan pemikiran dan tingkah laku keusahawanan berasaskan kepada sunnah yang ditinggalkan oleh Rasulullah S.A.W. Selain sebagai suatu ibadah kepada Allah S.W.T, ia juga menjadi sumber pendapatan individu dan perubahan sosio-ekonomi masyarakat. Ajaran Islam yang mencangkupi setiap aspek kehidupan manusia telah mengemukakan jalan penyelesaian yang terbaik dalam semua urusan. Shuhairimi Abdullah (2011) berpendapat, faktor keagamaan perlu dijadikan nilai teras dalam merangka model pembangunan keusahawanan dalam usaha mengawal manusia daripada melakukan sebarang pencerobohan yang boleh menggugat kepentingan agama dan kemaslahatan ummah. Memandangkan sunnah adalah panduan yang terbaik dalam setiap aktiviti kehidupan, maka mengamalkan aktiviti keusahawanan yang berlandaskan sunnah juga merupakan suatu yang sangat dituntut dalam Islam. Malah, acuan keusahawanan

berasaskan sunnah menyediakan garis panduan yang lengkap bagi menjalankan usaha perniagaan secara beretika. Prinsip-prinsip yang digariskan mampu melahirkan usahawan Melayu Muslim yang cemerlang sebagaimana yang telah dibuktikan oleh Rasulullah S.A.W dan para sahabat r.a (Buerah Tunggak dan Hussin Salamon, 2014).

Justeru, pengkaji akan menganalisis pengamalan aktiviti keusahawanan yang berteraskan sunnah Rasulullah S.A.W dalam kalangan usahawan Melayu. Kajian ini akan memfokuskan perbincangan dalam konteks akidah, syariah dan akhlak. Pengaplikasian keusahawanan yang bersifat Islami dalam urusan perniagaan diyakini akan mengukuhkan keimanan, menyemarakkan ketekunan dan seterusnya melahirkan keharmonian dalam pembangunan keusahawanan Melayu yang gemilang.

1.4 Persoalan Kajian

- i. Bagaimanakah tasawur Islam terhadap aktiviti keusahawanan?
- ii. Apakah elemen-elemen yang terdapat pada keusahawanan yang berasaskan sunnah Rasulullah S.A.W?
- iii. Sejauh manakah tahap pengamalan keusahawanan yang berasaskan sunnah Rasulullah S.A.W dalam kalangan usahawan Melayu?

1.5 Objektif Kajian

Berikut merupakan objektif umum dan objektif khusus bagi kajian ini:

1.5.1 Objektif Umum

Objektif kajian ini secara umumnya adalah untuk mengkaji keusahawanan berasaskan sunnah Rasulullah S.A.W.

1.5.2 Objektif Khusus

Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti tasawur Islam terhadap aktiviti keusahawanan.
- ii. Menganalisis elemen-elemen yang terdapat dalam keusahawanan yang berasaskan sunnah Rasulullah S.A.W.
- iii. Merumuskan tahap pengamalan keusahawanan yang berasaskan sunnah Rasulullah S.A.W dalam kalangan usahawan Melayu.

1.6 Skop Dan Limitasi Kajian

Kajian ini hanya memfokuskan kepada elemen-elemen yang terdapat dalam aktiviti keusahawanan yang berteraskan sunnah Rasulullah S.A.W. Setiap elemen dikenalpasti melalui hadis-hadis sahih yang terdapat dalam *Sahih Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan Nasaie*, *Sunan Abi Daud*, *Sunan Tirmizi* dan *Sunan Ibnu Majah*. Enam kitab hadis yang utama ini dikenali dengan nama *Kutub Sittah* (Kitab yang enam). *Sahihaini* (*Sahih Bukhari* dan *Sahih Muslim*) adalah kitab yang tidak diragui kesahihan kandungannya. Manakala, kitab *Sunan* merupakan kitab himpunan hadis yang disusun mengikut bab tentang *fiqh*, hanya memuatkan hadis *marfu'* dan dijadikan sumber hukum bagi *fuqaha'* (Manna' al-Qattan, 2006). *Kutub Sittah* dipilih kerana kitab-kitab ini merupakan kitab rujukan utama dan masyhur (Abi Ya'la al-Baidhawi, 2005).

Analisis tahap pengamalan keusahawanan yang berasaskan sunnah Rasulullah S.A.W melibatkan usahawan Melayu yang berdaftar dengan MARA negeri Kedah serta mendapatkan bantuan pembiayaan tidak lebih daripada RM10 ribu dari tahun 2008 hingga 2010 sahaja. Pemilihan jangka masa 2008-2010 adalah setelah mengambil kira

cadangan yang diusulkan oleh pihak MARA negeri Kedah Darul Aman. Perniagaan yang dijalankan dalam tempoh tersebut adalah ideal untuk dikaji kerana usia perniagaan yang tidak terlalu baru dan tidak terlalu lama serta bilangan usahawan yang banyak untuk dijadikan responden.


1.7 Kepentingan Kajian

Kepentingan bagi kajian yang dijalankan ini adalah seperti berikut:

- i. Masyarakat lebih cenderung melihat konsep keusahawanan Barat sebagai yang terbaik berbanding Islam. Kajian ini diharap dapat memantapkan penjelasan akan pentingnya pengaplikasian budaya keusahawanan berasaskan sunnah Rasulullah S.A.W memandangkan baginda merupakan contoh ikutan yang terbaik dalam semua bidang.
- ii. Agama Islam disalah anggap sebagai satu sistem kolot yang bersifat mengongkong, menghalangi kemajuan, malah tidak sesuai dengan kehidupan zaman moden dalam memenuhi keperluan ekonomi dan menyebabkan umatnya ketinggalan (Muhammad Qutb, 1975). Justeru, diharapkan agar kajian ini dapat membetulkan salah faham terhadap Islam yang sebenarnya menyeru kepada kejayaan di dunia dan akhirat.
- iii. Hasil kajian ini juga diharapkan dapat menjadi bahan rujukan kepada syarikat-syarikat perniagaan, agensi-agensi kerajaan yang memberi pinjaman perniagaan, para usahawan Melayu serta masyarakat umumnya dalam mendalami serta mengamalkan budaya dan konsep keusahawanan yang berasaskan sunnah. Kefahaman tersebut adalah perlu supaya setiap aktiviti yang dilakukan lebih diberkati Allah S.W.T.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan latar belakang serta permasalahan kajian, objektif dan kepentingan kajian yang telah dikemukakan, satu kerangka koseptual kajian (Rujuk **Rajah 1.1**) telah dibina bagi menjelaskan tiga perkara utama yang dibincangkan dalam kajian ini.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Pengamalan Keusahawanan Berasaskan Sunah Rasulallah S.A.W.

Kajian ini akan menghurai dan menganalisis sistem keusahawanan yang berasaskan sunnah Rasulallah S.A.W. Huraian sistem keusahawanan sunnah ini dibahagikan kepada tiga perkara utama iaitu akidah, syariah dan akhlak. Perbahasan dilakukan berdasarkan hadis-hadis yang terdapat dalam *Kutub Sittah* iaitu enam buah kitab hadis yang dianggap utama oleh *Ahli Sunnah waljamaah*. Gabungan ketiga-tiga perkara akan menghasilkan personaliti usahawan yang bukan sahaja berusaha memenuhi

keperluan hidup tetapi pada masa yang sama turut mementingkan hubungan dengan Allah S.W.T dan hubungan sesama manusia.

Selain itu, pengkaji juga akan membincangkan tasawur Islam terhadap keusahawanan. Perbincangan akan melihat kepada kedudukan keusahawanan dalam ajaran agama Islam melalui ayat-ayat al-Quran, hadis-hadis Rasulullah S.A.W, pandangan para ulama dan para sarjana Muslim. Seterusnya, kajian ini akan menganalisis sejauh mana tahap pengamalan keusahawanan dalam kalangan usahawan Melayu MARA di negeri Kedah.

1.9 Definisi Konsep

Berdasarkan huraian latar belakang dan permasalahan kajian, empat istilah penting akan digunakan secara konsisten dalam kajian ini. Terminologi-terminologi tersebut ialah keusahawanan, sunnah, pengamalan dan Melayu.

1.9.1 Keusahawanan

Usahawan ditakrifkan sebagai individu yang berdaya inovatif mengendalikan sesebuah organisasi dan mengambil risiko secara sederhana (McClelland, 1961), melakukan pembaharuan atau inovasi (Schumpeter, 1934) dan memaksimumkan peluang yang ada (Drucker, 1964). Manakala Joel Barker (1993) mentakrifkan seorang usahawan sebagai sesiapa sahaja yang berjaya mewujudkan nilai tambah yang besar dan berfaedah kepada pengguna atau masyarakat sekitarnya. Ahli ekonomi dan ahli psikologi pula mendefinisikan usahawan sebagai pereka, pengurus perniagaan, penanggung risiko, penggerak sumber dan pengagih modal (Abdul Aziz *et. al*, 2011). Kamus Dewan (2005) mendefinisikan usahawan sebagai orang yang

mengusahakan sesuatu perusahaan atau seorang pengusaha manakala keusahawanan diertikan sebagai segala yang berkaitan dengan usahawan atau kegiatan serta kemahiran usahawan. Keusahawanan juga merujuk kepada sifat dan tindak tanduk seseorang usahawan yang berfungsi sebagai penggerak dan pembangun ekonomi diri, keluarga, masyarakat dan dunia (Zafir Mohd Makhbul dan Fazilah Mohamad Hasun, 2005).

Menurut Mustafa Haji Daud (1995), terdapat pelbagai definisi telah diberi oleh ulama Islam berkaitan keusahawanan berdasarkan perspektif Islam. Antaranya, Imam al-Khatib al-Syarbini (2004) mendefinisikan perniagaan sebagai suatu pertukaran antara wang dengan barang, atau pertukaran antara barangan dengan barangan untuk mendapatkan keuntungan. Justeru, istilah keusahawanan dalam kajian ini merujuk kepada segala aktiviti dalam perniagaan, perdagangan dan perusahaan seperti pengurusan, kewangan, sumber manusia dan kesanggupan menanggung risiko.

1.9.2 Sunnah Rasulullah S.A.W.

Sunnah dari sudut bahasa bermaksud jalan, kelakuan, tabiat, keadaan masa hidup, rupa, ketetapan dan kebiasaan (Ibn Manzur, 1964) sama ada baik mahupun buruk. Ini berdasarkan hadis Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

“Sungguh kamu akan mengikuti sunnah-sunnah (perjalanan) orang yang sebelum kamu sejengkal demi sejengkal, sehasta demi sehasta sehingga sekiranya mereka memasuki lubang dan sekalipun nescaya kamu memasukinya juga”.⁵

⁵ Al-Bukhari., *Kitab Ahadis Al-Anbiya*, Bab Ma Zukira ‘An Bani Israel, no: 3456, 7320. Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Sa’id al-Khudri r.a.
Hadis ini turut terdapat dalam kitab *Sahih Muslim, Kitab Al-‘Ilmi, Bab Ittiba’ Sunani Al-Yahudi Wa Al-Nasara*, no: 2671 dari jalan periwayatan yang sama iaitu Abu Sa’id al-Khudri r.a.

Dari sudut istilah pula, para ulama usul telah mendefinisikan sunnah sebagai setiap perkara yang berasal daripada Rasulullah S.A.W selain daripada al-Quran. Sunnah juga boleh berbentuk perkataan, perbuatan mahupun perakuan baginda yang boleh menjadi asas kepada penentuan hukum. Selain itu, sunnah menurut Ibnu Hajar (1989) ialah segala ucapan, perbuatan dan keadaan Nabi Muhammad S.A.W iaitu segala yang diriwayatkan dalam kitab sirah, sama ada sebelum dilantik menjadi rasul mahupun setelah menjadi rasul (Tengku Muhammad Hasbi, 2001).

Secara ringkasnya, ruang lingkup sunnah adalah ungkapan yang mengandungi makna tentang jalan, tradisi serta teladan yang harus diikuti dalam beragama, baik daripada al-Quran ataupun sunnah Nabi S.A.W. Sunnah yang merangkumi segenap aspek kehidupan merupakan sumber hukum Islam yang kedua setelah al-Quran dan harus diikuti oleh setiap Muslim dalam perilaku sosial keagamaan (Abu Azam al-Hadi, 2013). Keautoritian sunnah ditegaskan oleh Allah S.W.T dalam al-Quran, maksudnya:

“Dan dia (Muhammad) tidak bercakap (mengenai soal agama) berdasarkan hawa nafsu, (sebaliknya) ia (kata-katanya) tidak lain melainkan wahyu yang diwahyukan kepadanya”.

(Surah al-Najm, (53): 3-4)

Berdasarkan ayat tersebut, Ibnu Kathir (w. 1372M) dalam tafsirnya telah mengemukakan sepotong hadis yang bermaksud:

Abdullah bin Amr, r.a berkata: Aku menulis semua yang aku dengar daripada Rasulullah S.A.W kerana aku mahu menyimpannya, maka ada orang Quraisy yang melarangku, mereka berkata: Kamu menulis semua yang kamu dengar daripada Rasulullah S.A.W, sedangkan Rasulullah S.A.W itu seorang manusia, yang kadang-kadang bercakap dalam kemarahan dan rasa tidak puas hati, maka aku berhenti daripada menulisnya. Aku kemudiannya telah menyatakan perkara ini kepada Rasulullah S.A.W. Baginda berkata: “Tulislah! Demi jiwaku yang

berada di tangan-Nya, tidaklah yang keluar dariku melainkan haq (yang benar). ”⁶

Manakala perkataan Rasulullah pula merupakan perkataan Arab yang bermaksud utusan Allah S.W.T. Ia merupakan gelaran khusus untuk Nabi Muhammad S.A.W yang merupakan nabi dan rasul terakhir. Tafsiran ini berdasarkan hadis yang bermaksud:

“Barangsiapa menjalani suatu sunnah yang baik, maka baginya pahala sunnah itu dan pahala mengerjakan tanpa berkurang sedikitpun pahala tersebut dan barangsiapa mengadakan suatu sunnah yang jahat, maka atasnya dosa dan dosa orang yang mengerjakan dengannya tanpa berkurang sedikit pun dosa tersebut”⁷

Dalam konteks kajian ini, terminologi sunnah Rasulullah S.A.W merujuk kepada perkataan, perbuatan, mahupun yang merupakan *taqrir* (pengakuan) Rasulullah S.A.W dalam konteks akidah, pelaksanaan syariah dan akhlak baginda sama ada sebelum kerasulan baginda mahupun sesudahnya.

1.9.3 Pengamalan

Amalan merupakan hasil daripada ilmu. Seseorang yang berpengetahuan tidak dikatakan sebagai berilmu sekiranya ilmu yang dimilikinya itu tidak diamalkan. Menurut Kamus Dewan (2005), perkataan amalan mempunyai dua definisi. Definisi yang pertama adalah sesuatu yang dilakukan (dilaksanakan, dikerjakan dan sebagainya) sebagai suatu kebiasaan, manakala definisi yang kedua pula ialah

⁶ Ahmad bin Ahmad bin Muhammad bin Hanbal asy-Syaibani (wafat: 241H), *Musnad Ahmad bin Hanbal, Musnad Al-‘Asyarah Al-Mubasysyarin Bi Al-Jannah, Musnad Al-Muksirin Min Al-Sahabah*, no: 6474. Hadis ini diriwayatkan oleh Abdullah ibnu ‘Amru r.a. Al-Albani menyatakan bahawa hadis ini berstatus ‘Sahih’.

⁷ Muslim, *Al-Musnadu Al-Sahih Bi Naqli Al-Adli, Kitab Al-Ilmi, Bab Man Sanna Sunnatan Hasanatan Aw Sayyiatan Wa Man Da’a Ila Huda Aw Dholalaten*, no: 2675. Hadis ini diriwayatkan oleh Abu ‘Amru r.a. Hadis ini daripada perawi yang sama iaitu Abu ‘Amru r.a turut terdapat dalam kitab *Jami’ Al-Sahih (Sunan Al-Tirmizi)*, no: 2675; *Sunan Al-Nasaie (Sunan Al-Nasaie Al-Sughra)*, no:2554; dan *Sunan Ibnu Majah*, no: 203.

perbuatan baik atau kebajikan. Pengamalan pula merupakan perihal mengamalkan, pelaksanaan atau kesungguhan hati mengerjakan sesuatu. Istilah pengamalan dalam konteks kajian ini merujuk kepada segala pelaksanaan aktiviti keusahawanan berlandaskan sunnah yang merangkumi akidah, syariah dan akhlak yang diamalkan oleh usahawan Melayu dengan sebenar-benar penghayatan.

1.9.4 Melayu

Menurut Shahrir Mohammad Zain (2008), perkataan “Melayu” berasal daripada bahasa Sanskrit iaitu Malaya atau Malai, yang bermaksud “Gunung”. Manakala istilah “Gunung” pula merupakan perkataan Melayu moden yang berasal daripada perkataan purba iaitu “*Pnom*”. Melayu boleh didefinisikan dalam dua keadaan iaitu kelompok etnik atau sosio-budaya dan perlembagaan. Melayu sebagai kelompok etnik merujuk kepada seseorang daripada sebarang bangsa Melayu, menganut agama Islam serta mengamalkan adat istiadat Melayu. Manakala dalam konteks Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Bahagian 12 Perkara 160 memperuntukkan bahawa:

“Melayu ertinya seorang yang menganuti agama Islam, lazimnya bercakap bahasa Melayu, patuh kepada adat Melayu dan (a) telah diperanakkan di Persekutuan atau Singapura sebelum merdeka atau salah seorang daripada ibu bapanya diperanakkan di Persekutuan atau Singapura dan pada hari itu bermastautin di Persekutuan atau Singapura, atau (b) keturunan orang sedemikian”.

Melayu dari sudut maknawi yang bersifat ilmiah dan sejarah ialah beragama Islam, berbahasa Melayu dan beradat resam Melayu (Wan Mohd Nor Wan Daud, 2007). Konsep Melayu yang difahami dalam kajian ini tidak dapat dipisahkan daripada tiga perkara tersebut yang juga menjadi nadi kepada kehidupan mereka. Dalam tiga faktor pengukur ini, agama adalah faktor paling utama kerana ia telah, masih dan akan terus

memberikan jati diri dan makna hidup kepada umat Islam yang berbahasa Melayu. Islam merupakan ciri utama dalam membentuk konsep “orang Melayu” berasaskan kepada tradisi yang menganggap bahawa semua orang Melayu tanpa mengira asal keturunan, berpegang kepada Islam (Solahuddin Abdul Hamid *et.al*, 2014). Za’ba mendefinisikan Melayu sebagai orang yang beragama Islam, berbangsa Melayu, anak Melayu, keturunan Melayu, berdarah Melayu, hati Melayu dan keadaan Melayu (Zainal Kling, 1997). Istilah Melayu dalam konteks kajian ini merujuk kepada masyarakat yang berbangsa Melayu, beragama Islam, menetap di Malaysia serta mengamalkan budaya dan adat resam orang Melayu.

1.10 Kesimpulan

Aktiviti keusahawanan telah dipelopori oleh umat Islam sejak zaman Nabi Adam a.s, Nabi Nuh a.s dan seterusnya para nabi dan rasul yang lain. Aktiviti komersial ini juga merupakan bidang kerjaya yang sangat penting dalam fasa pembangunan ekonomi negara. Bidang ini telah diceburi oleh masyarakat Melayu sejak lama dulu. Namun begitu, majoriti usahawan pada hari ini kelihatan lebih cenderung mempraktikkan elemen-elemen yang diterapkan oleh budaya Barat berbanding budaya dan konsep yang berasaskan kepada sunnah Rasulullah S.A.W. Seharusnya sebagai usahawan Melayu Muslim, setiap kegiatan yang dilaksanakan mestilah berpandukan kepada sunnah baginda. Ini supaya perniagaan yang dijalankan bukan sahaja berfungsi membangunkan sosio-ekonomi masyarakat, malah menjadikan aktiviti tersebut sebagai ibadah.

BAB DUA

ULASAN KARYA

2.1 Pendahuluan

Menjalankan aktiviti keusahawanan mengikut panduan ajaran Islam merupakan pendekatan holistik yang menjadi faktor pendorong kepada usaha-usaha untuk membangunkan keusahawanan, menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan produktiviti. Bab ini akan membincangkan mengenai sejarah perkembangan dunia keusahawanan yang berlaku dalam Islam serta tasawur Islam (*Islamic worldview*) terhadap aktiviti tersebut. Selain itu, bab ini juga akan membincangkan mengenai personaliti usahawan Muslim, keusahawanan yang berasaskan pengaruh agama, Islam dan keusahawanan Melayu, serta peranan MARA sebagai agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dalam pembangunan keusahawanan Melayu.

2.2 Sejarah Keusahawanan Dalam Islam

Keusahawanan merupakan satu bidang yang sangat luas, fleksibel dari segi waktu dan suasana serta sangat penting dalam membangunkan sektor ekonomi ummah. Jika dilihat dari sudut sejarah, Islam adalah pelopor kepada aktiviti keusahawanan. Dalam Islam, mentaati Allah S.W.T dan Rasul-Nya serta melakukan amalan kebaikan merupakan satu bentuk perniagaan. Firman Allah S.W.T bermaksud:

“Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca kitab Allah (al-quran) dan mendirikan solat dan menafkahkan sebahagian daripada rezeki yang Kami anugerahkan kepada mereka dengan diam-diam dan terang-terangan, mereka itu mengharapkan perniagaan yang tidak akan merugi. Supaya Allah menyempurnakan kepada mereka pahala mereka

dan menambah kepada mereka daripada kurniaan-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mensyukuri”.

(Surah al-Fatir, (35): 29-30)

Menurut Ibnu Kathir (2000) dalam tafsirnya, ayat ‘*mereka itu mengharapakan perniagaan yang tidak akan merugi*’ bermaksud mereka mengharapakan ganjaran pahala daripada Allah S.W.T yang pasti akan mereka perolehi. Dalam perbincangan keutamaan al-Quran, dinyatakan bahawa pada hari kiamat nanti, al-quran akan datang kepada pemiliknya lalu berkata “*Sesungguhnya setiap orang peniaga berada di belakang perniagaannya, dan sesungguhnya kamu pada hari ini berada di belakang perniagaan*”. Oleh sebab yang demikian, dalam ayat seterusnya Allah S.W.T berfirman yang bermaksud, ‘*supaya Allah menyempurnakan kepada mereka pahala mereka dan menambah kepada mereka daripada kurniaan-Nya*’. Ayat tersebut antara lain membawa maksud, ‘*supaya Allah menyempurnakan pahala amalan mereka serta melipat-gandakan ganjaran dengan penambahan yang tidak pernah terdetik di hati mereka*’.

Bermula seawal zaman Nabi Adam a.s lagi, bidang keusahawanan telah digerakkan oleh putera-putera baginda iaitu Habil dan Qabil. Habil telah menceburi bidang pertanian manakala Qabil dalam bidang penternakan (Labid al-Sa'id, 1987). Usaha tersebut telah diteruskan oleh para nabi dan rasul seterusnya seperti Nabi Zakaria a.s dan Nabi Daud a.s berdasarkan sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

*“Sesungguhnya Zakaria a.s adalah tukang kayu”*⁸

⁸ Muslim, *Al-Musnadu Al-Sahih Bi Naqli Al-Adli, Kitab Al-Fadhail, Bab Fi Fadhail Zakaria 'Alaihissalam*, no: 2380. Hadis in diriwayatkan oleh Abdul Rahman bin Sakhr r.a.

Dalam hadis lain, Rasulullah S.A.W bersabda, maksudnya:

“Tidaklah seorang (hamba) memakan makanan yang lebih baik daripada hasil usaha tangannya (sendiri) dan sesungguhnya Nabi Daud a.s makan daripada hasil usaha tangannya (sendiri).”⁹

Selain nabi dan rasul terdahulu, Rasulullah S.A.W juga merupakan seorang usahawan sejak usia mudanya dan pernah juga menjadi seorang pengembala kambing. Pekerjaan baginda sebagai pengembala telah diriwayatkan dalam sebuah hadis yang bermaksud:

“Allah S.W.T tidak mengutuskan seorang nabi melainkan orang itu mengembala kambing. Para sahabat bertanya, “Dan kamu bagaimana?”. Baginda S.A.W menjawab, “Ya, aku pernah mengembala kambing penduduk Mekah dengan (upah) beberapa qirath (nama mata wang lama).”¹⁰

Setelah kematian datuk baginda iaitu Abdul Mutalib, Nabi Muhammad S.A.W berada di bawah penjagaan dan asuhan bapa saudaranya, Abu Talib yang merupakan seorang tokoh korporat dan ahli perniagaan yang terkenal di Semenanjung Tanah Arab. Rasulullah S.A.W telah dilatih oleh Abu Talib agar mahir dalam dunia perniagaan (Abu al-Hasan Ali al-Hasani al-Nadwi, 1985; Abdul Sami' al-Misri, 1993) dengan membawa baginda bersama dalam rombongan dagangannya ke Syria, Iraq dan lain-lain negara di Timur Tengah (Osman Haji Khalid, 1996). Setelah meningkat usia belia, baginda menjadi seorang saudagar yang hebat. Baginda dilantik sebagai saudagar oleh Khadijah r.a yang memiliki sebuah perusahaan perdagangan terkenal pada waktu itu. Dengan kebijaksanaan yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T, Rasulullah S.A.W berjaya memperolehi keuntungan berlipat kali ganda ketika

⁹ Muhammad bin Ismail al-Bukhari, *Al-Jami' Al-Sahih Al-Musnad Min Hadisi Rasulullah S.A.W Wa Sunanihi Wa Ayyamihi, Kitab Al-Buyu'*, Bab Kasbi Al-Rojuli Wa 'Amalihi Biyadihi, no: 2072. Hadis ini diriwayatkan oleh Miqdam r.a.

¹⁰ Al-Bukhari., *Kitab Al-Ijarah, Bab Ra'yi Al-Ghanami 'Ala Qararith*, no: 2262. Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a.

berdagang di bumi Syam dan lain-lain tempat. Malah, baginda terkenal sebagai tokoh usahawan yang dipercayai (*al-amin*).

Kepandaian Rasulullah S.A.W menguruskan perniagaan dan perdagangan turut menarik minat bapa-bapa saudaranya serta tokoh korporat jahiliah untuk mendapatkan khidmat baginda. Antaranya Abu Lahab, Abu Sufian dan beberapa orang pemegang saham syarikat milik keluarga Bani Hashim. Mereka telah berbincang dan bersetuju untuk memberi suntikan modal yang besar kepada baginda Nabi S.A.W. Walau bagaimanapun, tawaran lumayan itu ditolak oleh Rasulullah S.A.W apabila mengetahui agenda sebenar mereka yang meletakkan syarat supaya baginda mengakui berhala Latta dan Uzza sebagai tuhan. Penolakan tawaran tersebut menjadikan Rasulullah S.A.W sebagai perintis kepada kewujudan usahawan-usahawan Muslim yang berpegang teguh dengan keimanan kepada Allah S.W.T dan Rasul-Nya. Maka, lahirlah ramai usahawan besar dalam kalangan sahabat seperti Abdul Rahman bin Auf, Zubair ibnu Awwam, Talhah bin Ubaidillah dan Shuhaib bin Sinan (Badli Shah Alauddin, 2014). Mereka merupakan usahawan Muslim yang berkualiti dari segi keimanan, keperibadian serta sangat beretika dalam menjalankan aktiviti keusahawanan.

2.3 Tasawur Islam Terhadap Keusahawanan

Tasawur berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud gambaran rupa bentuk sesuatu. Apabila tasawur digabungkan dengan perkataan Islam, maka terbentuk satu istilah iaitu tasawur Islam yang membawa maksud gambaran rupa bentuk Islam yang hakiki. Tujuan tasawur Islam adalah bagi menjelaskan secara menyeluruh tentang prinsip-prinsip asas agama Islam yang akhirnya akan menjelaskan Islam yang sebenar

dan menyeluruh. Istilah tasawur Islam juga tidak sesuai untuk dialih bahasa kepada Bahasa Melayu mahupun bahasa-bahasa lain kerana tidak menepati maksud sebenar tasawur Islam itu sendiri (Haron Din, 1992). Tasawur Islam dalam kajian ini adalah merujuk kepada pandangan Islam terhadap aktiviti keusahawanan. Dalam Islam, keusahawanan merupakan satu kerjaya yang sangat mulia selagi mana setiap aktiviti di dalamnya tidak melanggar syariat Islam (Muhammad Syukri Salleh, 2001).

Islam tidak pernah menghalang kemajuan duniawi, apatah lagi menyekat umatnya daripada mengumpul harta kekayaan. Bahkan, Islam sangat menggalakkan umatnya untuk terlibat dalam aktiviti keusahawanan dalam usaha membangunkan ekonomi ummah. Keusahawanan akan mengajar manusia untuk menjadi insan yang sentiasa berusaha melakukan yang terbaik. Ini kerana usahawan tulen merupakan personaliti yang berjiwa besar dan sentiasa memburu kejayaan dengan mengaplikasikan cogan kata “*Think big!*” (Wan Liz Ozman Wan Omar *et al.*, 2006) tanpa mengabaikan urusan akhirat (Yon Noor Haniza Samsudin *et al.*, 2008).

Galakan-galakan Islam terhadap aktiviti keusahawanan antaranya terdapat di dalam ayat-ayat al-Quran *al-karim*. Allah S.W.T telah menjelaskan maksud perniagaan secara *maknawi* berdasarkan firman-Nya yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Mahukah Aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya? Iaitu, kamu beriman kepada Allah dan rasul-Nya, serta kamu berjuang membela dan menegakkan agama Allah dengan harta benda dan diri kamu. Yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui (hakikat yang sebenarnya)”

(Surah *al-Saff*, (61): 10-11)

Keusahawanan menurut Islam adalah satu bidang yang sangat luas. Antaranya adalah melibatkan aktiviti *hablumminallah* dan *hablumminannas*. *Hablumminallah* adalah merujuk kepada usahawan yang beriman, bertakwa dan beramal soleh manakala *hablumminannas* pula merujuk kepada menjaga hubungan baik sesama manusia. Islam mengiktiraf keusahawanan sebagai aktiviti yang penting dalam kehidupan manusia. Malah, perkembangan Islam ke serata dunia juga turut dipengaruhi oleh faktor perniagaan dan perdagangan (Yon Noor Haniza Samsudin *et al.*, 2008). Ini selari dengan firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“Tidak ada dosa bagimu untuk mencari kurnia (rezeki hasil perniagaan) daripada Tuhanmu....”

(Surah al-Baqarah, (2): 198)

Dalam ayat yang lain Allah S.W.T berfirman, maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan harta-harta kamu di antara kamu dengan jalan yang salah, kecuali dengan (jalan) perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu.”

(Surah al-Nisa', (4): 29)

Muhammad Jarir al-Tabari (2008) mentafsirkan ayat '*janganlah kamu makan harta-harta kamu di antara kamu dengan jalan yang salah*' sebagai larangan daripada Allah S.W.T kepada orang-orang yang beriman daripada memakan segala yang telah diharamkan seperti riba, judi dan seumpamanya.

Manakala menurut Ibnu Kathir (2000), ayat '*kecuali dengan (jalan) perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu*' bermaksud '*janganlah kamu menjalankan usaha yang menyebabkan perbuatan yang diharamkan, tetapi*

berniagalah menurut peraturan seperti yang disyariatkan, iaitu perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka antara pembeli dengan penjual. Kemudian, carilah keuntungan dengan kaedah yang dibenarkan syariat'.

Konsep kesyumulan Islam menjadikan aktiviti keusahawanan sebagai satu aspek yang tidak terpisah daripada ruang lingkup Islam. Dalam Islam, perniagaan adalah salah satu perkara penting sehingga ia disebut sebagai *jihad* ekonomi. Islam melihat perniagaan sebagai satu langkah untuk mengelakkan kekayaan yang tidak bermanfaat kepada masyarakat, memupuk pengamalan cara hidup yang sederhana dan menggilap kualiti kepimpinan dalam semua aspek (Nur Suhaili Ramli, 2012). Keusahawanan bukan sahaja sebagai sumber pencarian rezeki, malah ia merupakan suatu ibadah yang mampu memberi manfaat sama ada kepada diri sendiri mahupun masyarakat di dunia dan akhirat (Mohd Zain Mubarak *et al.*, 2015; dan Ab. Aziz Yusof, 2010). Aktiviti ekonomi ini berperanan penting dalam memenuhi keperluan masyarakat, menyediakan peluang pekerjaan, membuka ruang untuk kehidupan yang lebih baik, meningkatkan pembangunan sosio ekonomi ummah (Nur Syazwani Abu Bakar, 2014), mengurangkan kemiskinan dan melalui aktiviti ini juga masyarakat dapat membuka peluang untuk memajukan diri ke peringkat global.

Falsafah perniagaan dalam Islam adalah untuk membangunkan spiritual, mental dan jasmani manusia agar dapat melaksanakan tanggungjawab sebagai *khalifah* Allah S.W.T dengan baik serta melakukan kebaikan dan kebajikan sebanyak mungkin. Islam melihat segala aktiviti yang bertujuan mencapai reda Allah S.W.T merupakan satu bentuk ketaatan kepada-Nya termasuklah perkara-perkara yang berkaitan dengan keusahawanan (Mohammad Zaini Yahaya *et al.*, 2010). Islam yang berfungsi secara

menyeluruh dalam setiap aspek kehidupan sangat menekankan integrasi dengan unsur-unsur kerohanian dalam aktiviti keusahawanan (Solahuddin Abdul Hamid dan Che Zarrina Sa'ari, 2011). Muhammad Syukri Salleh (1991) turut menegaskan bahawa aspek kerohanian atau ketuhanan merupakan satu elemen yang sepatutnya menunjangi kerangka pelaksanaan keusahawanan dalam kalangan usahawan Muslim.

Selain memperoleh keuntungan melalui penambahan modal dan usaha atau mekanisme pertukaran barang, aktiviti keusahawanan juga merupakan sebahagian daripada khidmat sosial kepada masyarakat dan seterusnya impak daripada aktiviti ini dapat membina ketamadunan umat (Solahuddin Abdul Hamid *et al.*, 2013).

2.4 Personaliti Usahawan Muslim

Setiap manusia yang berjaya dalam mana-mana bidang kerjaya pasti memiliki personaliti yang bersifat universal sama ada dari segi penampilan mahupun pemikiran. Seorang usahawan yang berjaya juga sering dikaitkan dengan ciri-ciri tertentu yang menjadi faktor pendorong kepada kegemilangannya. Antara ciri tersebut ialah komited dalam setiap perkara yang dilaksanakan, memiliki keazaman yang tinggi, sentiasa melihat serta merebut peluang yang ada, bertoleransi terhadap risiko dan ketidakpastian, memiliki minda yang kreatif dan inovatif, optimistik, berkeyakinan dan berwawasan tinggi (John Kao, 1991; Gartner, 1989; dan Shefsky, 1994).

Dari perspektif kerangka keusahawanan Islam, elemen utama yang menjadi pengukur kepada personaliti seseorang usahawan adalah elemen kerohanian (Mohd Zain Mubarak *et al.*, 2015). Hasil kajian Mohsen (2007), Kamil dan Sulaiman (2011),

Zulkarnain Kedah dan Isa Mohammed Adamu (2011) mendapati, dimensi dalam keusahawanan adalah meliputi aspek kepercayaan, ibadah, taubat, tawakal, *qana'ah*, ikhlas, sabar, zikir, risalah dan akhirat. Kajian Ilhaamie Abdul Ghani Azmi dan Yazilawati Yaacob (2012) turut mendapati bahawa wujud hubungan yang signifikan antara ketakwaan dan kepimpinan Islam terhadap pencapaian positif usahawan Muslim.

Personaliti usahawan Muslim adalah penting bagi mereka yang bermatlamat untuk mencari keredaan Allah S.W.T. Dalam keusahawanan yang mendasari ajaran Islam, terdapat perkara yang tidak boleh dilakukan. Semuanya tertakluk kepada peraturan daripada Allah S.W.T. Usahawan Muslim perlu berikhtiar untuk tidak hanya menjadi jutawan yang berjaya di dunia, tetapi menjadi hamba yang kaya di akhirat (Sakinah Salleh, 2013). Maka, usahawan Muslim perlu meyakini bahawa setiap tingkah laku akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. Malah, setiap anggota akan menjadi saksi terhadap setiap sesuatu yang dikerjakan ketika hidup (Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi, 2015).

2.5 Islam dan Keusahawanan Melayu

Nilai-nilai Islam sangat mempengaruhi budaya Melayu dan antara keduanya adalah saling berkait rapat dalam amalan pengurusan. Masyarakat sangat menitikberatkan elemen akhlak kerana ketinggian akhlak akan melahirkan pengurus yang berperibadi mulia. Selain itu, seseorang usahawan Muslim perlu memiliki personaliti yang menarik seperti teliti dalam setiap kerja yang dilakukan, tidak mencari masalah dengan orang lain, mempunyai keazaman yang kuat dan sentiasa berusaha untuk menepati janji (Mohd. Fitri Abdul Rahman dan Zainal Abidin Hassan, 1995).

Dalam konteks perkembangan Islam, sejarah menyaksikan kegiatan keusahawanan melalui aktiviti perdagangan merupakan salah satu elemen utama dalam penyebaran Islam di Nusantara secara amnya dan Tanah Melayu khususnya. Ahli sejarah mendapati terdapat bukti-bukti kukuh yang menunjukkan bahawa kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu daripada Semenanjung Tanah Arab adalah melalui aktiviti-aktiviti perdagangan. Terdapat beberapa pendapat mengenai perjalanan para saudagar yang mana dalam masa yang sama mereka bertindak sebagai mubaligh atau pendakwah kepada ajaran Islam. Namun, kesimpulan yang dibuat berdasarkan pendapat-pendapat tersebut adalah saudagar-saudagar Islam Arab didapati telah melalui negara China dan India sebelum tiba ke Tanah Melayu. Malah, kejayaan penyebaran ajaran Islam di Tanah Melayu telah mencetuskan perkembangan Islam yang pesat sehingga melahirkan beberapa buah kerajaan Islam seperti Kelantan, Melaka dan Terengganu (Wan Hussein Azmi, 1940). Pada zaman Sultan Muhammad Syah, Islam telah bertapak dengan kukuh di bumi Melaka sehinggakan Pelabuhan Melaka menjadi sibuk dengan kehadiran para pedagang dari Arab, Parsi, India, Habsyah dan China untuk berdagang (Ahmat Adam, 2012). Pegawai-pegawai pembesar turut berperanan penting dalam kepesatan penyebaran agama Islam di Melaka. Layanan yang diberi oleh para pembesar kepada pedagang-pedagang Islam sangat istimewa berbanding pedagang-pedagang lain. Perkara ini telah menarik minat pedagang-pedagang dari Kepulauan Melayu yang lain seperti Brunei, Ternate, Maluku, Jawa dan Sulawesi untuk memeluk Islam (Maruwiah, 2013).

Manakala dalam konteks keusahawanan bumiputera, seorang usahawan yang berjaya merupakan usahawan tulen yang berkualiti, berilmu, berdaya saing, berdaya tahan, berwawasan, beretika, mempunyai kemahiran yang mendalam dalam bidang yang

diceburi, inovatif, berfikiran global dan berdaya saing (Wan Liz Ozman Wan Omar dan Sulzari Mohamed, 2006). Usahawan yang bijak akan menjadikan dirinya sebagai seorang yang budiman. H.M. Dahlan (1994) mengemukakan *Model D* dengan mengklasifikasikan seorang manusia budiman harus memiliki sifat seperti bersopan santun dan mengamalkan komunikasi berlapisan, lemah lembut dan halus bahasanya (*subtle*), tidak kasar ataupun biadap, mengelakkan konfrontasi dan konflik dan melindungi 'ruang air muka' dengan cara yang halus biarpun dikasari.

Khaliq Ahmad dan AbulHassan M. Sadeq (2001) menegaskan bahawa aktiviti perniagaan tidak boleh diasingkan dengan persekitaran politik, budaya, ekonomi dan teknologi. Satu pendekatan alternatif yang sesuai dengan aspek-aspek ekonomi, politik, sosial dan kerohanian perlu dilaksanakan (Muhammad Nejatullah Siddiqi, 2000) sekiranya masyarakat ingin melakukan perubahan positif dalam hidup. Hal ini demikian kerana hanya penghayatan nilai-nilai agama dan budaya sendiri yang dapat membentuk keunggulan bangsa tersebut (Solahuddin Abdul Hamid, 2014).

2.6 MARA dan Pembangunan Keusahawanan Melayu

Penubuhan Majlis Amanah Rakyat (MARA) merupakan langkah kedua kerajaan Malaysia untuk mengukuhkan ekonomi bumiputera menggantikan Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan atau *Rural and Industrial Development Authority* (RIDA). Penubuhan RIDA pada tahun 1951 adalah bertujuan memberi keselesaan dan meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat luar bandar dengan pembangunan prasarana dan pembangunan industri desa. Namun begitu, pada tahun 1965, Kongres Ekonomi Bumiputera Pertama yang bersidang di Kuala Lumpur telah mendesak agar ekonomi orang Melayu lebih diperkukuhkan. Setelah mendapati

penubuhan RIDA seperti tidak berkemampuan untuk tujuan tersebut, satu resolusi agar RIDA disusun semula telah dipersetujui oleh ahli kongres. Maka, setahun selepas itu RIDA yang telah mengalami proses transformasi telah ditukar nama kepada MARA dan bertindak sebagai sebuah badan berkanun di bawah Akta MARA 1966. Selain bertujuan meningkatkan pendidikan dan kemahiran kaum-kaum Bumiputera, MARA antara lain bertanggungjawab membantu kerajaan dalam menggalakkan pembangunan ekonomi Bumiputera, khususnya di kawasan-kawasan luar bandar (Shuhairimi Abdullah, 2010). Usaha ini adalah supaya lebih ramai masyarakat Bumiputera khususnya Melayu menyertai dengan aktif dalam kegiatan perdagangan dan perusahaan demi membentuk masyarakat usahawan yang berdaya tahan, profesional dan kukuh.

Majlis MARA dianggotai oleh sebelas orang anggota yang dilantik oleh Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Mereka ialah Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan sembilan anggota lain yang mana tiga orang daripada mereka adalah kakitangan awam. Dari segi pengurusan pula, Ketua Pengarah MARA merangkap Ketua Eksekutif akan dibantu oleh tiga orang Timbalan Ketua Pengarah. Bahagian-bahagian yang diterajui oleh Pengarah dan unit-unit di bawah kawalan Ketua Unit bertanggungjawab melaksanakan fungsi MARA pada peringkat Ibu Pejabat dan disokong oleh 14 Pejabat MARA Negeri, termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan dan pejabat-pejabat MARA Daerah. Selain di Malaysia, MARA turut beroperasi di peringkat antarabangsa seperti London, Washington D.C., Jakarta, Dublin, Frankfurt dan New South Wales (Solahuddin Abdul Hamid *et al.*, 2015).

Dalam konteks keusahawanan, MARA mempunyai peranan yang besar untuk mewujudkan persekitaran yang lebih ekonomik kepada masyarakat Melayu. Antara peranan MARA adalah meningkatkan bilangan usahawan dengan tujuan dapat meningkatkan taraf mereka dalam dunia perdagangan dan perusahaan. MARA juga mengambil inisiatif dengan melibatkan diri secara aktif dalam bidang perdagangan dan perindustrian tertentu melalui pelaburan dan pengurusan syarikat-syarikat. Ini juga merupakan langkah yang efisien dalam memberi perlindungan terhadap pertambahan penyertaan masyarakat Melayu dalam dunia keusahawanan. Selain itu, MARA berperanan dalam menambah bilangan gunatenaga bumiputera yang terlatih dalam pelbagai bidang serta menggalakkan penyediaan kemudahan termasuk dalam bidang perkhidmatan bagi membantu meningkatkan lagi taraf ekonomi dan sosial orang Melayu.

Bekas Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal dalam satu temu bual ada menyatakan bahawa struktur MARA dalam konteks pembangunan usahawan adalah bersifat unik. MARA telah melaksanakan pendekatan bersepadu (*integrated approach*) dalam memastikan kejayaan usahawan, bermula dengan usaha membangunkan modal insan berdaya saing, berilmu, berkemahiran serta mempunyai sikap dan sahsiah murni. Pendekatan-pendekatan ini dikenalpasti sebagai langkah yang boleh menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara melalui latihan keusahawanan, penciptaan peluang perniagaan, penyediaan tapak perniagaan serta sokongan modal perniagaan. Bahkan, melalui Pelan Transformasi Strategik MARA (PSM) 2011-2015 yang terdapat dalam projek Transformasi Keusahawanan MARA dengan agenda memperkasakan pembangunan Bumiputera, fokus diberikan kepada usaha melahirkan lebih ramai usahawan baru, memperkasakan

usahawan sedia ada dan membangunkan perniagaan. Di bawah program Latihan Pembentukan Usahawan (LPU), Skim Khidmat Nasihat Perniagaan (SKNP), Pembangunan Pemasaran dan Program Usahawan Teknikal (PUTEK) pada tahun 2012, lebih daripada 12,000 usahawan baru berjaya dilahirkan oleh MARA. Ini merupakan satu bukti komitmen MARA dalam membangunkan ekonomi masyarakat Melayu. Menurut Presiden Persatuan Pengilang dan Usahawan MARA Malaysia (UsahawanMARA) Halim Mohamad, agensi tersebut mendahului zaman sebagai sebuah agensi perubahan yang bermatlamat untuk mensejahterakan rakyat peribumi melalui tindakan afirmatif (Fauziah Arof, 2013).

Memandangkan penguasaan ekonomi kaum Melayu menjadi cabaran pada masa kini, pada tahun 2012, MARA yang sangat komited dalam menggerakkan pelbagai pelan untuk membangunkan keusahawanan orang Melayu telah bersetuju menjalinkan kerjasama dengan syarikat *Axtivo BioTech* dalam Program Perintis Usahawan 1 Malaysia bagi melatih serta membantu usahawan Bumiputera amnya dan belia khususnya. Program ini juga menjanjikan pengurangan birokrasi dalam setiap urusan antara pihak pengurusan MARA dengan orang ramai. Di bawah Skim Pembiayaan Mikro 1 Malaysia, antara agenda yang ada termasuklah menyediakan dana dan pembiayaan perniagaan, memberi latihan serta bimbingan kepada usahawan agar menjadi usahawan berjaya sejajar dengan saranan YAB Perdana Menteri Malaysia dengan slogan, “1 Individu 1 Perniagaan 1 Dana” (Alimuddin Mohd Dom, 2009).

Melihat kepada Laporan Tahunan MARA 2013 (MARA, 2013) dengan bertemakan ‘Pembangunan Modal Insan’, sektor keusahawanan menunjukkan pencapaian yang amat membanggakan. Sejalan dengan agenda Transformasi MARA, hala tuju

organisasi telah diselaraskan sesuai dengan semangat dan matlamat asal kewujudan MARA iaitu sebagai sebuah *socio-economic engineering agency*. Pencapaian hebat MARA dalam usaha membangunkan sektor keusahawanan menyaksikan pada tahun 2013 sahaja 25,831 orang usahawan berjaya dihasilkan, pembiayaan perniagaan berjaya disalurkan kepada 8,005 usahawan dan seramai 128 orang usahawan *Groom Big* berjaya dimantapkan. Sepanjang tahun 2013 program latihan dikendalikan secara *outreach* dan disertai oleh sejumlah 23,478 orang daripada peringkat pembudayaan hingga ke peringkat pengukuhan. Selain itu, pembangunan usahawan berteknologi atau teknousahawan yang dijalankan melalui dua program utama, (a) Program Sarjana Tekno Keusahawanan (PSTK) dan (b) Program Peningkatan Teknologi Strategik (PPTS) telah berjaya membangunkan 858 orang teknousahawan. Program-program pembangunan teknousahawan adalah bagi menyediakan peluang supaya usahawan SME menjadi lebih maju melalui peningkatan teknologi dengan kerjasama rakan strategik dari dalam dan luar negara. Malah, MARA juga telah berjaya membangunkan seramai 18 orang usahawan korporat di bawah program *The Baron*. Manakala bagi program Pembangunan Usahawan Teknikal (PUTEK), seramai 160 usahawan teknikal berjaya dilahirkan. Bukan sekadar itu, program Pembangunan Usahawan IBS (*Industrialised Building System*) turut mencatat kejayaan memberangsangkan apabila berjaya mewujudkan enam buah syarikat pengilang IBS, 1,244 *installer* yang mengikuti latihan penggunaan sistem IBS dan 60 *installer* yang mengikuti program latihan kontraktor. Dalam sektor Usahawan Kecil Dinamik (UKD), seramai 2,187 orang usahawan telah mendapat manfaat daripada program tersebut. Jika dilihat pada skim-skim pembiayaan perniagaan yang ditawarkan oleh MARA, Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SPiKE) telah melahirkan 6,926 usahawan merangkap kontraktor yang berwibawa, Skim Jaminan Usahawan MARA

(SJUM) telah menawarkan khidmat sebagai penjamin kepada 15 syarikat keusahawanan terpilih dan Skim Pembiayaan Mudah Jaya (SPiM) telah membiayai 1,064 usahawan yang berkecimpung dalam sektor perdagangan, perkhidmatan dan pengilangan.

2.7 Kajian Lepas

Dalam usaha kerajaan melahirkan masyarakat yang mempunyai ekonomi berdaya saing menjelang tahun 2020, tumpuan diberikan terhadap bidang keusahawanan (Norasmah Hj Othman *et al.*, 2003). Realitinya, pada hari ini masih terdapat aktiviti keusahawanan yang tidak selari dengan ajaran Islam dalam kalangan umat Islam di mana terdapat usahawan terlibat dengan rasuah (Mohammad Noorizzuddin Nooh dan Wan Rasyidah Wan Nawang, 2009), malah golongan usahawan berjaya juga masih kurang mengamalkan tatacara anjuran Islam dalam mengagihkan kekayaan yang diperoleh kepada golongan yang berhak menerima (Mohd Adib Abd Muin, 2014).

Berdasarkan kepada implikasi daripada tajuk, huraian latar belakang permasalahan dan objektif kajian, maka fokus ulasan karya merangkumi huraian seperti berikut:

- i. Kajian Keusahawanan dan Pengaruh Agama
- ii. Kajian Keusahawanan dan Sunnah
- iii. Kajian Keusahawanan Melayu

i. Kajian Keusahawanan dan Pengaruh Agama

Weber (1958) mengemukakan satu model keusahawanan dengan memasukkan elemen keagamaan sebagai teras untuk mencapai kejayaan dalam kegiatan ekonomi. Menurut Weber, nilai-nilai keagamaan yang universal seperti kejujuran menjadi

faktor penting dalam menggerakkan aktiviti keusahawanan (Kilby, 1971). Weber berpendapat bahawa kejayaan golongan Protestant dalam kegiatan ekonomi adalah disebabkan oleh etika agama Protestant itu sendiri yang meletakkan kepercayaan dalam kehidupan beragama mampu melahirkan sikap tekun dan bertanggungjawab dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan. Paradigma Weber ini kemudian dikenali sebagai “*the development ethnic and the spirit of religion*” (Bharudin Che Pa *et al.*, 2008).

Manakala Robert N. Bellah (1957) dalam bukunya *The Tokugawa Religion* telah menjelaskan, kemajuan ekonomi negara-negara perindustrian baru Asia seperti Jepun, Korea Selatan, Taiwan, Hongkong dan Singapura sangat terkait dengan latar keagamaan dan kebudayaan, terutama Buddhisme Zen yang dipengaruhi oleh Buddhisme, Shintoisme dan Konfucianisme (Siddiq Fadzil, 2009). Budaya kerja yang bersumberkan agama tersebut mengandungi nilai-nilai kewiraswastaan, etika perniagaan dan gaya pengurusan yang bersifat keperibumian (*indigenous*). Siddiq Fadzil (2009) menambah, China yang selama beberapa dekad dikuasai komunisme akhirnya akur dengan hakikat bahawa agama yang sebenarnya memberi kekuatan kepada mereka. Kenyataan ini berdasarkan artikel Hannah Beech (2006) bertajuk “*Renewed Faith*” yang menceritakan peranan agama dalam kehidupan rakyat China. Beliau memetik kata-kata seorang pemimpin agama di China, Ye Xiaowen, agama adalah satu kuasa sosial yang penting bagi negara China dalam menjana kekuatannya.

Kajian Audretsch dan Meyer (2009) di India telah menganalisis kesan agama dan budaya terhadap pilihan individu untuk melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan. Terdapat beberapa agama utama yang dianuti di India, antaranya Hindu, Buddha,

Sikh, Islam, Kristian dan Jainisme. Berbanding dengan agama-agama utama lain, agama Hindu agak kurang dalam memberi galakan untuk mengubah keadaan seseorang dari segi kesejahteraan material. Menurut agama Hindu, tujuan hidup adalah untuk memahami realiti dan bukan untuk mengejar kebendaan. Data berskala besar telah digunakan oleh Audretsch *et al.* (2007) untuk menjalankan analisis empirikal mengenai kesan-kesan agama dan kasta keahlian keusahawanan. Keputusan analisis menunjukkan bahawa agama Hindu mempengaruhi secara negatif terhadap keputusan individu untuk menjadi usahawan, manakala penduduk Islam dan Kristian adalah lebih cenderung untuk memulakan perusahaan kecil mereka sendiri. Bukti empirikal ini menunjukkan bahawa agama dan tradisi sistem kasta mempengaruhi tingkah laku ekonomi dan ini membuktikan wujudnya hubungan antara agama dan ekonomi.

Selain itu, satu kajian yang bertujuan melihat hubungan antara keusahawanan dan agama telah dijalankan oleh Adriaan Heijboer (2013). Objektif kajian beliau adalah untuk mengkaji peranan agama, di samping faktor-faktor lain yang mempengaruhi penyertaan mana-mana individu dalam bidang keusahawanan dan menganalisa kepuasan kerja dalam kalangan penganut Katolik, Protestan dan masyarakat yang tidak berpegang kepada mana-mana agama (*non-religious*). Kajian ini menggunakan kaedah kajian tinjauan yang melibatkan *panel study*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa masyarakat yang berpegang teguh dengan agama kurang mendapat pendidikan berbanding dengan mereka yang tidak beragama (*non-religious*) dan situasi ini memberi impak kepada tahap kepuasan bekerja di antara mereka. Usahawan yang beragama didapati lebih berpuas hati mengenai pendapatan mereka, waktu kerja, jenis kerja, suasana kerja dan kerjaya mereka. Ini telah disahkan melalui

statistik data yang menunjukkan hubungan positif antara penganut Protestan dengan aktiviti keusahawanan. Adriaan Heijboer juga berpendapat bahawa sejarah dan budaya turut memainkan peranan penting dalam mendorong sesebuah masyarakat untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Di akhir penulisan beliau mencadangkan agar kajian selanjutnya dapat dijalankan dengan mengkaji hubungan antara gabungan budaya, agama dan keusahawanan.

Dalam konteks agama Islam, topik perniagaan yang melibatkan aktiviti keusahawanan merupakan salah satu elemen yang penting. Justeru, para sarjana Islam mengambil inisiatif dengan menjalankan kajian untuk melihat hubungan antara keusahawanan dan agama Islam itu sendiri. Antaranya Mohd Nasir Ripin dan Nurul Huda Mansur (2010) yang mengkaji konsep, etika dan bidang-bidang yang terdapat dalam keusahawanan menurut perspektif al-Quran. Dalam kajian tersebut, pengkaji menjelaskan definisi keusahawanan menurut perspektif al-Quran dan kelebihan menjadi usahawan. Antara kelebihannya ialah mendapatkan kepuasan diri, mewujudkan peluang pekerjaan dan penurunan kuasa syarikat (Suhaimi Mansor, 1991). Pengkaji merumuskan bahawa keusahawanan yang berlunaskan ajaran Islam merupakan satu bidang yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Ini kerana kedudukan aktiviti ekonomi ini diletakkan pada satu tahap yang tinggi dalam Islam sehingga dilihat setaraf dengan ibadah solat dan haji yang membawa keuntungan di dunia dan akhirat. Dalam pada itu, Mohd Salleh Hj Din *et al.* (2005) menyatakan, ciri-ciri usahawan berjaya ialah mempunyai niat yang betul, sentiasa menjaga kualiti dan sentiasa menilai tindakan yang akan diambil. Abdullah A. Hanafi *et al.* (1995) pula menjelaskan, etika keusahawanan menurut perspektif al-Quran dan al-sunnah ialah berpegang kepada prinsip kebenaran, amanah, keikhlasan dan ilmu pengetahuan.

Dalam Islam, keusahawanan dapat difahami sebagai proses pencarian, penggembleran dan permuafakatan kurniaan Allah S.W.T untuk faedah diri sendiri, ummah dan makhluk Allah S.W.T yang lain sebagaimana yang telah digariskan di dalam al-Quran dan al-Sunnah (Sudin Haron, 1990). Ia merupakan satu aktiviti yang telah dihalalkan oleh Allah S.W.T dan dinyatakan melalui firman-Nya yang bermaksud:

“... Dan Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba....”
(Surah al-Baqarah, (2): 275)

Hamka (2005) dalam tafsirnya, *Tafsir Al-Azhar* menterjemahkan perkataan *al-bai'* sebagai perdagangan. Dalam hal ini, Hamka menafsirkan *al-bai'* adalah sinonim dengan perkataan jual beli. Manakala al-Qurtubi (2006) dalam *al-Jami' li ahkamil Quran* mengatakan, ayat “*padahal Allah telah menghalalkan jual beli*” menunjukkan keumuman al-Quran. Alif dan lam (pada perkataan *al-bai'*) adalah *lil jinsi* bukan *lil 'ahdi*. Kemudian lafaz am *al-bai'* ditakhsiskan oleh riba dan larangan lainnya seperti jual beli arak, bangkai dan lain-lain berdasarkan sunnah dan kesepakatan ummat.

Rasulullah S.A.W pernah bersabda yang bermaksud:

“*Sesungguhnya para pedagang (pengusaha) akan dibangkitkan pada hari kiamat sebagai para penjahat kecuali pedagang yang bertakwa kepada Allah S.W.T, berbuat baik dan jujur.*”¹¹

Berdasarkan dalil daripada al-Quran dan hadis tersebut, jelas bahawa Islam amat menggalakkan umatnya untuk mencari rezeki yang halal dengan berkecimpung dalam

¹¹ Al-Tirmizi, *Sunan Al-Tirmizi, Kitab Al-Buyu'*, Bab *Ma Jaa Fi Al-Tujjar Wa Tasmiyat Al-Nabi S.A.W Iyyahum*, no:1210. Hadis ini diriwayatkan oleh Rafi' bin Malik r.a dan Abu Isa menyatakan bahawa hadis ini berstatus '*Hasan Sahih*'.

bidang keusahawanan. Bahkan Islam sangat membenci kepada budaya pengangguran dan kehidupan meminta-minta (Mohd Sanusi Mahmood, 1976).

Selain itu, Muhammad Haris Riyaldi (2012) telah menjalankan satu kajian tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan asnaf Baitul Mal Aceh (BMA). Dalam pengagihan zakat produktif BMA, terdapat enam mekanisme yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan iaitu penerima zakat mestilah berasal daripada keluarga miskin, berpotensi dan berpengalaman sebagai usahawan, komited dalam pembayaran balik pinjaman dana dalam tempoh satu tahun, bersedia mengikuti kelas pengajian bulanan, mengikut segala peraturan yang disepakati dan bersedia mematuhi perjanjian. Kajian mendapati faktor-faktor ini dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu faktor dalaman dan faktor luaran yang meliputi bantuan material zakat dan bimbingan petugas BMA. Bantuan dalaman adalah meliputi aspek spiritual seperti keikhlasan niat, penguasaan ilmu agama, kepatuhan terhadap syariat Islam, sedekah dan aspek sumber manusia seperti komitmen terhadap kerjaya yang diceburi, pengurusan usaha dan kerjasama. Manakala faktor luaran yang membantu kejayaan usahawan asnaf pula merangkumi bantuan modal usaha dan bimbingan petugas BMA.

Abu Bakar Hamed *et al.* (2008) mengatakan bahawa secara umumnya, seorang Muslim perlu menghayati ketiga-tiga asas agama iaitu akidah, syariah dan akhlak. Dalam konteks keusahawanan, penghayatan akidah diterjemahkan menerusi amalan ketaatan atau pelaksanaan ibadah yang ikhlas kepada Allah S.W.T. Usahawan Muslim adalah seorang yang beriman kepada Allah S.W.T dan menjaga hubungan dengan-Nya dengan memelihara akidah, melaksanakan tuntutan ibadah serta berakhlak mulia. Meskipun sibuk dengan urusan perniagaan, seorang usahawan Muslim tetap dituntut

melaksanakan ibadah wajib khususnya solat, puasa, zakat dan lain-lain. Sifat takwa perlu disemai dalam diri usahawan kerana ia akan mengawal serta mendisiplinkan diri supaya dapat mengamalkan segala perkara yang diperintahkan oleh Allah S.W.T dan mengelakkan diri daripada larangan-Nya. Sifat takwa akan melahirkan “*an Islamic man*”, bukan “*an economic man*”. Seorang *Islamic man* akan melihat kegiatan keusahawanan sebagai satu sumbangan kepada ummah dan pekerjaan mereka didorong oleh keyakinan kepada ajaran agama (Mohd Aslam Haneef, 1995). Ini kerana mereka melihat dan yakin matlamat utama yang ingin dicapai ialah kehidupan akhirat dengan menjadikan kehidupan dunia sebagai jambatan bagi mendapat ganjaran di akhirat. Sebaliknya, seorang *economic man* melihat aktiviti keusahawanan sebagai satu cara untuk mencapai kepuasan individu dengan pengumpulan harta dan kekayaan tanpa sempadan. Bagi mencapai matlamat tersebut, seorang *economic man* akan menggunakan pelbagai cara bagi mendapat keuntungan semaksima mungkin. Dalam pada itu, riba dalam transaksi perniagaan tidak diterima oleh usahawan *Islamic man*. Sebaliknya bagi usahawan *economic man*, riba adalah satu cara mudah membuat keuntungan dalam perniagaan (Mohd Aslam Haneef, 1995).

Islam amat menggalakkan umatnya untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Mohd. Radzi Othman dan Ghafarullahuddin Din (2005) telah menjalankan kajian bertemakan ekonomi dalam perspektif al-Quran dan al-sunnah. Dalam kajian tersebut, pengkaji telah mengemukakan asas falsafah, prinsip dan matlamat ekonomi Islam, aktiviti-aktiviti yang terlibat dalam ekonomi Islam, nilai-nilai teras dalam perlakuan ekonomi menurut perspektif al-Quran dan al-sunnah, peranan yang dimainkan oleh negara dalam pembangunan sosio-ekonomi ummah dan punca-punca permasalahan ekonomi dan jalan penyelesaiannya. Topik-topik utama

ini dibincangkan menurut empat perspektif iaitu al-Quran, al-sunnah, *salafu salih*¹² dan ulama. Hasil kajian menunjukkan terdapat 32 teras dalam aktiviti keusahawanan yang perlu diberi perhatian serius oleh setiap usahawan. Antaranya ialah kegiatan riba, tidak amanah dalam aktiviti keusahawanan, keingkaran membayar zakat, kurangnya bersedekah dan kedekut (*bakhil*). Perkara-perkara sebegini akan menyebabkan tiada keberkatan dalam keuntungan yang diperoleh dan boleh membawa kepada situasi muflis. Di akhir kajian, pengkaji menegaskan, kejayaan sebenar seseorang adalah apabila mentaati segala perintah Allah S.W.T dan Rasulullah S.A.W. Antara dalil yang dikemukakan ialah ayat al-Quran dan hadis.

Allah S.W.T berfirman yang maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan katakanlah perkataan yang benar (dalam segala perkara) supaya Dia memberi taufiq dengan menjayakan amal-amal kamu dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah) sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya ia telah berjaya mencapai sebesar-besar kejayaan”.
(Surah al-Ahzab, (33): 70-71)

Rasulullah S.A.W bersabda yang maksudnya:

*“Barangsiapa yang menjadikan akhirat sebagai (cita-cita) tujuannya, maka Allah S.W.T akan memberikan kepuasan dalam hatinya, menghimpun segala impiannya dan dunia pun akan mendatangnya dengan merendah diri. Dan barangsiapa yang menjadikan dunia sebagai cita-citanya, maka Allah S.W.T akan menjadikan kemiskinan di depan matanya, menceraikan segala impiannya dan dunia tidak akan mendatangnya melainkan apa yang telah ditentukan baginya”*¹³

¹² Al-Qalsyani (2008) mentakrifkan *salafu salih* sebagai generasi awal (Islam) yang memiliki ilmu yang sangat mendalam serta menyusuri jalan Nabi Muhammad S.A.W dan sentiasa menjaga sunnah baginda. Mereka telah berjihad di jalan Allah dengan bersungguh-sungguh, berusaha menasihati serta memberi manfaat kepada umat. Mereka sanggup berkorban demi mencapai keredaan Allah S.W.T.

¹³ Al-Tirmizi, *Jami' al-Tirmizi, Kitab al-buyu', Kitab sifat al-qiamah wa al-raqa'iq wa al-wara'*, Bab *ma jaa fi sifah awani al-haudh*, no:2465. Hadis ini diriwayatkan oleh Anas bin Malik r.a. Al-Albani menyatakan bahawa hadis ini berstatus 'Sahih'.

Keberkatan dalam pendapatan yang diperoleh adalah sangat penting bagi setiap Muslim. Malah, ia menjadi terlebih penting apabila melibatkan bidang keusahawanan. Ros Hasri Ahmad *et al.* (2011) telah menjalankan kajian yang bertajuk “*Keberkatan dalam Perniagaan: Menjana Keutuhan Keusahawanan dan Kepenggunaan Islam*”. Kajian dilakukan dengan tujuan menganalisis matlamat perniagaan dalam Islam, prinsip perniagaan Islam, isu-isu yang terdapat dalam aktiviti keusahawanan dan peranan keberkatan dalam perniagaan. Hasil kajian mendapati keberkatan dalam setiap keuntungan akan melahirkan rasa syukur dalam kalangan usahawan dengan setiap rezeki kurniaan Allah S.W.T. Syukur akan mewujudkan ketenangan dalam jiwa dan terpelihara daripada sifat tamak, iri hati serta khianat. Namun begitu, keberkatan hanya akan terlimpah jika setiap aktiviti keusahawanan dilakukan dengan bersyariat dan tidak berlaku penipuan, penindasan serta percampuran halal dan haram.

Abdul Rachman Husein dan Ilhaamie Abdul Ghani Azmi (2008) telah menjalankan kajian yang melibatkan peniaga kecil di sekitar Kuala Lumpur. Tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti strategi keusahawanan Islam yang sedang dijalankan oleh usahawan-usahawan kecil Muslim di Kuala Lumpur. Observasi dan temu bual merupakan metod yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data. Pengkaji telah melakukan pemerhatian di beberapa pasaraya iaitu *Mydin*, *KLCC*, *Low Yat Plaza* dan Pasar Besar Gombak. Seramai sebelas orang responden daripada kalangan usahawan Muslim telah ditemu bual. Hasil kajian mendapati strategi keusahawanan Islam sebenarnya telah dilaksanakan oleh beberapa usahawan Muslim yang ditemu bual. Antara strategi yang diamalkan ialah melakukan keusahawanan yang halal dan baik, mencipta kejujuran dan amanah, mewujudkan kemesraan dengan pelanggan, meluaskan jaringan sosial dan mengamalkan persaingan sihat antara para pesaing. Di

akhir kajian, pengkaji merumuskan bahawa Islam memandang tinggi kepada aspek keusahawanan kerana manfaatnya yang sangat luas dalam kehidupan manusia. Pengkaji juga mencadangkan agar setiap usahawan Muslim mempraktikkan strategi-strategi yang telah disyorkan dalam ajaran Islam agar setiap aktiviti keusahawanan dapat dijalankan bersesuaian dengan syarak dan memperolehi keuntungan di dunia dan di akhirat.

Dalam keadaan isu dan cabaran dalam keusahawanan yang semakin mencabar, usahawan Muslim amatlah dituntut supaya sentiasa berpegang kepada ajaran Allah S.W.T yang terkandung di dalam al-Quran dan al-sunnah. Muhammad Ali Hashim (2008) menyatakan, dunia keusahawanan terdedah kepada hawa nafsu, khususnya kepada umat Islam kerana bidang ini mengundang sikap iri hati, dengki dan angkuh, malah ia melibatkan aktiviti mengumpul kekayaan dan peluang untuk menggunakan jalan pintas jika tidak berpegang kepada ajaran Islam sebenar. Mahathir Mohammad (1999) mendedahkan bahawa pembangunan ekonomi pesat yang membentuk budaya korporat telah meningkatkan keghairahan usahawan dalam memperoleh kekayaan ekonomi secara tidak beretika dan menjerumuskan mereka kepada penyalahgunaan kuasa dan kekayaan hingga menyebabkan jenayah rasuah dan politik wang berleluasa.

Dalam konteks dorongan ke arah keusahawanan, AbulHasan M. Sadeq (1990) menyatakan bahawa Islam telah menawarkan tahap keinginan pencapaian yang jauh lebih baik daripada teori yang disarankan oleh McClelland (1963). Teori McClelland mengandaikan tahap keinginan pencapaian mempengaruhi ikhtiar seseorang untuk mencapai sesuatu matlamat. Islam menawarkan konsep motivasi yang menggabungkan elemen kerohanian dan kebendaan. Kesepaduan dua elemen ini akan

mensejahterakan aktiviti komersial yang dijalankan. Ini menunjukkan sistem keusahawanan yang berasaskan sunnah merupakan sistem keusahawanan yang menatijahkan keharmonian kepada semua.

Berdasarkan kajian Nor Adila Mohd Noor dan Salmiah Ismail (2008) yang mengkaji teori etika pengurusan perniagaan berkonsepkan keimanan bagi usahawan Muslim mendapati etika pengurusan perniagaan Islam amat jarang dipraktikkan masa kini, sebaliknya konsep memaksimumkan keuntungan yang lebih dititikberatkan usahawan. Sepatutnya, usaha membentuk blok ekonomi yang kukuh hendaklah selari dengan penunaian tanggungjawab sebagai khalifah Allah S.W.T. Kaedah serta manhaj yang telah, sedang dan akan digunakan seharusnya menepati prinsip-prinsip Islam (Nor Adila Mohd Noor dan Salmiah Ismail, 2008). Dalam pada itu, usahawan juga mempunyai keistimewaan yang membolehkannya mewujudkan peluang pelaburan dan mengenal pasti projek-projek yang dianggap menguntungkan mengikut batas-batas Islam (Barjoyai Bardai, 2000). Penerapan konsep keusahawanan yang berteraskan ajaran Islam sudah pasti menjamin keteguhan iman seseorang usahawan. Nor Adila Mohd Noor *et al.* (2008) menjelaskan bahawa orang yang beriman dengan Allah S.W.T dan berpegang teguh dengan ajaran agama tidak akan berani melakukan kekejaman, keburukan dan sebarang maksiat. Ini disebabkan wujudnya rasa malu dan takut kepada Allah S.W.T yang Maha Melihat, Maha Mengetahui dan Maha Mendengar akan perbuatan setiap hamba-Nya. Natijahnya, segala aktiviti keusahawanan yang dilaksanakannya pasti berpaksikan nilai etika dan estetika Islam serta tidak berlaku penipuan, pengkhianatan dan sebagainya.

ii. Kajian Keusahawanan dan Sunnah

Nik Mohd Zaim Ab Rahim dan Ishak Hj Suliaman (2011) telah menganalisis pendekatan ulama hadis terhadap hadis *bay' al-nasi'ah* dalam *sharh sahih al-Bukhari*. Hadis *bay' al-nasi'ah* merupakan hadis tentang Rasulullah S.A.W. menggadai baju besinya kepada seorang Yahudi untuk membeli makanan. Analisis difokuskan kepada kitab-kitab *shuruh hadis* seperti *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari* oleh Ibn Hajar al-'Asqalani, *Umdat al-Qari Sharh Sahih al-Bukhari* oleh Badr al-Din al-'Ayni, *al-Tawdih li Sharh al-Jami' al-Sahih* oleh Ibn Mulaqqin dan lain-lain. Dapatan kajian mendapati sumber utama dalam ulasan kitab Sahih al-Bukhari khususnya mengenai hadis-hadis *bay' al-Nasi'ah* adalah penggunaan ayat-ayat al-quran, hadis-hadis sama ada mempunyai persamaan atau perbezaan dari segi topik dan makna serta *athar* para sahabat r.a.

Selain itu, satu analisa terhadap hukum *al-rahn* menurut ulama hadis dan fiqh telah dijalankan oleh Joni Tamkin Borhan dan Paturohman Asrori (2011). *Al-Rahn* merupakan salah satu akad yang terdapat dalam sistem muamalat. Ia berkaitan dengan hutang piutang iaitu dengan memberikan barang jaminan bagi penghutang. Kajian yang dilakukan adalah bersumberkan *kutub sittah*. Dapatan kajian mendapati kaedah penulisan dan penyusunan hadis-hadis yang berkaitan dengan *al-rahn* adalah berbeza bagi setiap kitab. Kajian juga mendapati bahawa pandangan para ulama hadis berkaitan *al-rahn* yang terdapat dalam *kutub sittah* dijadikan dalil serta rujukan oleh para ulama fiqh bagi menetapkan hukum pelaksanaan *al-rahn*. Maka, pengkaji merumuskan terdapat keselarasan antara ulama hadis dan fiqh dalam menetapkan hukum tentang pelaksanaan *al-rahn*. Pengkaji turut menyarankan agar sistem perbankan Islam di Malaysia mahupun negara-negara Islam yang lain supaya

mengikut setiap panduan yang telah ditetapkan oleh para ulama hadis dan fiqh. Hal ini demikian adalah bagi memastikan pelaksanaannya tidak bertentangan dengan prinsip Islam.

Dalam pada itu, Mohd Radzi Othman, Khoirul Anam Mohamad Sharif dan Ahmad Tajuddin Idris (2015) telah melakukan tinjauan awal terhadap adaptasi strategi pemasaran daripada perjalanan dakwah Rasulullah S.A.W. Kajian tersebut mengemukakan dalil-dalil daripada ayat al-quran dan juga hadis Nabi Muhammad S.A.W yang mengaitkan dakwah Islamiah dengan aktiviti perniagaan. Selain itu, pengkaji menjelaskan bahawa Rasulullah S.A.W. telah dilahir dan dibesarkan dalam lingkungan masyarakat yang berbudaya niaga. Kemudian pengkaji menyatakan tiga unsur dalam penyebaran Islam yang diadaptasi dalam aktiviti pemasaran. Unsur-unsur tersebut ialah watak dan karakter penjual, sifat produk yang ingin dipasarkan, dan kaedah-kaedah yang digunapakai dalam memasarkan produk. Di akhir kajian, pengkaji mencadangkan agar lebih banyak kajian seumpama ini dijalankan pada masa akan datang.

Mohd Faisol Ibrahim (2015) telah menjalankan kajian tentang keusahawanan Islam. Kajian tersebut menganalisis sejarah keusahawanan Islam dalam perniagaan pada zaman Rasulullah S.A.W. Fokus kajian adalah menjurus kepada produk, pemasaran dan jenis kontrak Islam. Pengkaji membincangkan tentang analisis sejarah keusahawanan pada zaman Islam iaitu zaman Rasulullah S.A.W dan zaman para sahabat r.a. Dapatan kajian mendapati, terdapat tujuh kriteria usahawan Muslim di zaman Rasulullah S.A.W. Kriteria-kriteria tersebut ialah usahawan seharusnya memiliki adab ilmu khususnya ilmu keusahawanan dan ilmu perspektif Islam, bersifat

adil, saksama dan ihsan, bermatlamatkan pekerjaan sebagai ibadah dan tanggungjawab, tenang ketika menyukat atau menimbang, tidak berlebih-lebihan dalam menyatakan kebaikan produk, menjual barangan dengan harga yang berpatutan dan usahawan tidak boleh memanipulasi serta menindas perniagaan orang lain.

iii. Kajian Keusahawanan Melayu

Muhamad Asri Abd Ghani dan Zaimah Darawi (2012) mengkaji faktor yang mendorong transformasi dalam kalangan usahawan Melayu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Johor Bahru daripada pekerjaan asal kepada bidang perniagaan, menganalisis tahap prestasi dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Hasil kajian menjelaskan terdapat empat faktor penting yang mempengaruhi prestasi perniagaan usahawan PKS Melayu di Johor Bahru, iaitu faktor latar belakang diri, kemahiran mengurus perniagaan, kemahiran jaringan dan sokongan institusi atau kerajaan. Pengkaji mencadangkan bahawa usahawan Melayu perlu melakukan transformasi sikap, minda dan mentaliti demi pembangunan ekonomi mereka. Dalam pada itu, kajian tersebut juga menyatakan, sejarah keusahawanan dan penglibatan orang Melayu dalam aktiviti perdagangan telah bermula sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Selat Melaka dan Pelabuhan Melaka menjadi antara laluan dan pelabuhan yang tersibuk di dunia pada ketika itu. Malah, orang Melayu merupakan pedagang yang cekap dan menguasai perdagangan maritim. Laluan perdagangan mereka bukan sahaja terhad di kawasan Asia Tenggara, tetapi juga di benua lain. Dapatan tersebut disokong dengan dapatan kajian Zafir Mohd Makhbul dan Faziliah Mohamad Hasun (2005) yang mendapati bidang keusahawanan amat dekat dan sehati dengan masyarakat Melayu sejak sebelum kedatangan penjajah ke Tanah Melayu lagi.

Selain itu, Ishak Yussof *et al.* (2011) telah melakukan kajian yang bertujuan mengenal pasti faktor-faktor pendorong dalam penglibatan kaum Melayu sebagai usahawan di Pulau Langkawi dan menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan perniagaan mereka. Data kajian dikumpul melalui borang soal selidik yang melibatkan 500 usahawan dalam sektor penginapan, pengangkutan, peruncitan, pemborong, perkhidmatan dan restoran. Hasil kajian mendapati elemen-elemen seperti jati diri, jujur, cekal, yakin dan gigih berusaha merupakan faktor penting dalam mempengaruhi kecenderungan serta kejayaan usahawan Melayu dalam bidang perniagaan masing-masing. Justeru, selain menyediakan program-program percambahan usahawan Melayu, program memperkasakan jati diri usahawan dan kursus-kursus untuk memantapkan bidang pengurusan adalah sangat perlu. Pengkaji mencadangkan agar penambahbaikan perlu ada daripada kedua-dua pihak iaitu pihak kerajaan (atau agensi-agensi swasta) dan pihak usahawan sendiri. Pihak kerajaan perlu menyediakan lebih banyak peluang latihan dan kemahiran bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran usahawan dalam dunia keusahawanan. Manakala usahawan pula perlu sentiasa memperbaiki sikap dan meningkatkan usaha memajukan perniagaan.

Dalam pada itu, kajian Muhammad Ali Hashim (2009) terhadap ekonomi orang Melayu mendapati, walaupun terdapat kelemahan dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), kestabilan, kemakmuran dan kesejahteraan ekonomi telah dicapai dengan berlakunya peningkatan kepentingan ekonomi Melayu daripada 3 peratus kepada lebih 20 peratus. Namun, pemeraksanaan ekonomi Melayu yang mengeneipikan keadilan dan keseimbangan bukanlah suatu kejayaan yang sempurna dan bermakna. Sehubungan itu, Muhammad Ali Hashim (2002) mencadangkan, usahawan Melayu

Muslim perlu meletakkan sifat amanah dalam memenuhi tuntutan berniaga dan berusaha mencari harta kekayaan atas landasan yang diredai Allah S.W.T dengan mengintegrasikan sepenuhnya nilai Islam dalam amalan perniagaan. Wan Liz Ozman Wan Omar (2000) turut menekankan keperluan sifat amanah untuk melahirkan usahawan Melayu Muslim yang berjaya di samping menyarankan satu sistem pendidikan dan latihan yang menitikkan pengamalan nilai Islam melalui pendidikan formal dan latihan keusahawanan.

Selain itu, Buerah Tunggak dan Hussin Salamon (2014) telah mengkaji budaya niaga usahawan Melayu dengan memfokus terhadap sikap keusahawanan usahawan Melayu dalam kategori Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Kajian tersebut mengkaji aspek sikap berdasarkan dua tema utama iaitu ciri kebebasan dan ciri kejujuran. Hasil kajian mendapati sikap usahawan Melayu dapat dilihat dalam dua jenis. Pertama, usahawan yang mempunyai sikap efektif dan beretika iaitu tidak bergantung kepada pihak kerajaan mahupun pihak lain baik dari segi peluang mendapat pembiayaan mahupun dari segi mendapatkan tender-tender perniagaan. Malah, mereka juga berusaha mengamalkan prinsip-prinsip Islam dalam setiap urusan perniagaan. Sementara jenis kedua adalah yang sentiasa mengharapkan bantuan kerajaan dan kurang mengambil berat terhadap prinsip-prinsip perniagaan Islam. Selain itu, kajian tersebut juga mendapati kegagalan perniagaan usahawan Melayu sering berpunca daripada kurangnya pengetahuan dan kemahiran yang mendalam dalam bidang perniagaan yang diceburi malah terdapat juga usahawan Melayu yang langsung tidak mempunyai latar belakang pengalaman dalam perniagaan yang dipilih.

Kajian Alauddin Sidal (2014) berkenaan taksonomi keupayaan usahawan wanita Melayu telah mengenal pasti kriteria-kriteria pembentukan keupayaan usahawan wanita industri kecil yang telah mencapai kejayaan dalam perniagaan. Dapatan tersebut diperoleh hasil penerokaan elemen-elemen keupayaan keusahawanan yang dimiliki oleh usahawan Industri Asas Tani (IAT) wanita Melayu di negeri Selangor. Hasil daripada kajian ini juga memperlihatkan bahawa usahawan wanita Melayu yang berjaya memiliki keutuhan dan keupayaan dalam empat elemen iaitu motivasi diri dan komitmen yang tinggi, kebolehan kognitif, pengetahuan dan kemahiran, keupayaan mengurus sumber (resources) dan kemampuan promosi, pemasaran dan penjenamaan. Kajian Rohayu Roddin *et al.* (2011) pula mendapati rata-rata usahawan wanita di Malaysia menghadapi pelbagai halangan dan permasalahan seperti kekurangan modal dan kemahiran dalam bidang pemasaran, kekurangan pendidikan dan latihan, kekurangan motivasi dan keyakinan diri dan kekurangan sokongan modal kewangan.

2.8 Kesimpulan

Sejarah memperlihatkan bahawa aktiviti keusahawanan dipelopori oleh umat Islam. Aktiviti ini bermula sejak zaman Nabi Adam a.s, diteruskan oleh para nabi dan rasul terdahulu, Rasulullah S.A.W, para sahabat dan seterusnya hingga ke hari ini. Galakan Islam terhadap aktiviti ekonomi ini dapat dilihat melalui dalil-dalil al-Quran dan hadis. Selain melibatkan aktiviti *hablumminallah* dan *hablumminannas*, perniagaan turut berperanan penting dalam membangunkan sosio-ekonomi ummah dan membentuk blok ekonomi yang kukuh. Manakala dalam konteks Melayu pula, sejarah menunjukkan, aktiviti keusahawanan mula bertapak sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka melalui agenda serampang dua mata, iaitu perdagangan dan dakwah *Islamiyah*. Aktiviti komersial ini diteruskan dan dipergiatkan lagi dengan wujudnya

program Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan oleh kerajaan bagi mengelakkan berlakunya penguasaan ekonomi oleh kaum-kaum tertentu sahaja. Selain itu, kajian-kajian lepas merumuskan, faktor utama yang mendorong kejayaan usahawan Melayu Muslim ialah jati diri, pengetahuan mendalam tentang bidang yang diceburi, sikap dan mentaliti yang berdaya saing serta jaringan sosial yang luas.



BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan reka bentuk kajian serta kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini. Huraian yang akan dikemukakan adalah berkaitan proses pengumpulan data, responden yang terlibat, kajian rintis yang telah dijalankan dan kaedah menganalisis data bagi kajian ini.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan penyelidikan yang menggunakan pendekatan kajian kes. Pendekatan kajian kes amat sesuai apabila ia melibatkan pemerhatian terhadap individu atau unit, kumpulan manusia, keluarga, masyarakat, peristiwa atau budaya (Burn, 1995; Merriem, 1998; Yin, 1994). Penyelidikan kajian kes melalui data-data yang dikumpul daripada pelbagai sumber membolehkan penerokaan dan pemahaman yang jelas dalam isu-isu yang kompleks (Burn, 1995). Malah, ia boleh dianggap sebagai kaedah kajian yang kukuh terutamanya apabila memerlukan penyelidikan yang mendalam dan holistik (Zaidah Zainal, 2007). Peranan kajian kes menjadi lebih ketara apabila melibatkan isu-isu berkaitan pendidikan (Gulsecen dan Kubat, 2006), sosiologi (Grassel dan Schirmer, 2006) dan masalah-masalah yang berhubung kait dengan komuniti (Johnson, 2006). Pendekatan ini akan memberi kefahaman yang mendalam terhadap subjek kajian, lebih fokus kepada aspek proses berbanding output serta lebih mementingkan penemuan berbanding mengesahkan mana-mana teori mahupun dapatan kajian lepas (Merriem, 1998).

3.3 Kaedah Pengumpulan Data

Pengkaji menggunakan gabungan kaedah pengumpulan data iaitu melalui soal selidik dan kajian kepustakaan bagi mencapai objektif kajian ini.

3.3.1 Soal Selidik

Soal selidik merupakan instrumen yang sangat sesuai digunakan dalam penyelidikan sains sosial untuk mendapatkan maklumat mengenai ciri-ciri sosial responden, tingkah laku, sikap dan kepercayaan mereka serta sebab-sebab untuk tingkah laku berkaitan topik yang sedang dikaji (Bulmer, 2004). Oleh kerana kajian ini bertujuan melihat tahap pengamalan keusahawanan berasaskan sunnah Rasulullah S.A.W. dalam kalangan usahawan Melayu MARA di negeri Kedah, instrumen soal selidik telah digunakan.

Instrumen soal-selidik yang dibina oleh pengkaji mengandungi tiga perkara iaitu akidah, syariah dan akhlak. Item-item soal selidik ini diadaptasi daripada kajian-kajian terdahulu (Solahuddin Abdul Hamid, 2012, 2015; Khairul Anuar Mastor *et al.*, 2011), hasil temu bual dengan pihak MARA negeri Kedah serta ulasan karya dalam kajian ini. Soal selidik dibahagikan kepada dua bahagian iaitu :

Bahagian A: Maklumat Demografi

Bahagian B: Pengamalan Keusahawanan Sunnah Usahawan

i. Bahagian A: Maklumat Demografi

Bahagian ini memfokuskan kepada profil usahawan seperti umur, jantina, taraf perkahwinan, taraf pendidikan, tahap pendidikan agama, penubuhan syarikat, jenis perniagaan yang diusahakan, serta tempoh masa melibatkan diri dalam perniagaan serta mengenal pasti pekerjaan hakiki semasa responden.

ii. Bahagian B: Pengamalan Keusahawanan Sunnah Usahawan

Pengkaji membahagikan bahagian ini kepada tiga perkara utama yang mengandungi 32 soalan iaitu akidah, syariah dan akhlak seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3.1 di bawah:

Jadual 3.1

Pembahagian Item-Item Soalan Pengamalan Keusahawanan Sunnah Usahawan

Motif	Bil. Item
Akidah	9
Syariah	9
Akhlak	14

Set soal selidik akan dinilai berdasarkan skala likert lima mata iaitu :

- 1: Sangat Tidak Setuju
- 2: Tidak Setuju
- 3: Tidak Pasti
- 4: Setuju
- 5: Sangat Setuju

Item-item berkenaan adalah seperti berikut:

i. Akidah:

1. Saya sangat merasakan Allah S.W.T sentiasa melihat dan mengawasi perbuatan saya.
2. Saya yakin dengan maksud hadis “9/10 daripada rezeki datang daripada perniagaan”.
3. Malaikat mencatatkan semua amalan saya sama ada yang baik mahupun yang buruk.
4. Saya menjadikan isi kandungan Al-Quran sebagai panduan kehidupan seharian.
5. Setiap amalan dan perbuatan manusia di dunia akan dihitung pada hari akhirat kelak.
6. Saya amat teliti dalam pengambilan bahan mentah atau bahan jualan dari pembekal.
7. Saya percaya bahawa untung dan rugi dalam perniagaan adalah ketentuan Allah.
8. Saya tidak mengeluh dengan pendapatan yang diperoleh.
9. Saya tahu Allah menilai setiap tindakan yang dilakukan dalam perniagaan.

ii. Syariah:

1. Kesibukan berniaga tidak menghalang saya daripada menunaikan solat.
2. Berniaga tidak menghalang saya daripada berpuasa.
3. Saya memperuntukkan keuntungan perniagaan sebagai simpanan mengerjakan haji.
4. Saya memperuntukkan hasil perniagaan untuk mengerjakan umrah.
5. Tidak kira keuntungan kecil atau besar, saya tetap membayar zakat.
6. Saya selalu solat bersendirian kerana kesibukan bekerja.*

7. Ada kalanya saya meninggalkan solat kerana terpaksa melayan pelanggan yang ramai.*
8. Ada kalanya saya tidak berlaku jujur demi melariskan perniagaan.*
9. Saya sanggup menerima pembiayaan kewangan dari pemberi pinjaman tanpa lesen.*

iii. Akhlak:

1. Pembiayaan kewangan yang diperoleh merupakan satu amanah dan tanggungjawab yang perlu diuruskan dengan sebaik-baiknya.
2. Saya sentiasa berusaha membayar semula wang pinjaman tepat pada masa yang telah ditetapkan.
3. Saya berusaha untuk menunaikan apa yang saya janjikan dalam perniagaan.
4. Saya menjaga hubungan baik dengan masyarakat di kawasan saya berniaga.
5. Saya memberikan layanan baik kepada semua pelanggan.
6. Dalam urusan perniagaan, saya sanggup melakukan apa sahaja untuk meningkatkan keuntungan.
7. Saya menerima rungutan pelanggan dengan hati yang terbuka.
8. Saya menjaga kebersihan persekitaran perniagaan saya.
9. Saya menghalalkan hutang pelanggan saya sekiranya terdapat pelanggan yang mempunyai masalah kewangan yang kritikal.
10. Setiap barangan yang dijual dipastikan kualitinya sentiasa berada dalam keadaan baik.
11. Ada kalanya saya menganggap hutang daripada pembeli sebagai sedekah.
12. Saya mengambil berat tentang semua peraturan perniagaan yang ditetapkan.

13. Saya mencadangkan kepada pelanggan agar membeli dari rakan yang menjual barang seperti saya.

14. Saya sanggup untuk menjaga premis perniagaan rakan ketika ketiadaannya.

(* Pernyataan negatif)

3.3.2 Kajian Kepustakaan

Dalam kajian ini, pengkaji mengumpul data dengan merujuk kepada dokumen-dokumen yang diperolehi. Pengkaji akan merujuk pelbagai bahan penerbitan seperti disertasi, buku, laporan penyelidikan, jurnal, artikel, majalah, akhbar dan sebagainya bagi membantu menghuraikan data-data yang diperolehi dalam kajian ini. Dokumen-dokumen tersebut akan dibaca, diteliti, dianalisis seterusnya dirumuskan dan membuat kesimpulan kepada persoalan yang berkaitan dengan masalah yang dikaji. Penggunaan kaedah ini adalah penting bagi menyiapkan kajian ini.

3.4 Sampel Kajian

Sampel kajian ini terdiri daripada usahawan-usahawan Melayu yang terdapat di negeri Kedah. Semua usahawan ini dipilih berdasarkan senarai usahawan kecil dan sederhana yang berdaftar dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA) negeri Kedah bagi tahun 2008-2010. Pemilihan usahawan-usahawan MARA bagi tempoh masa 2008-2010 dibuat adalah atas cadangan daripada pihak MARA negeri Kedah Darul Aman sendiri. Kategori usahawan yang dipilih adalah mereka yang mendapatkan bantuan pembiayaan tidak lebih daripada RM10ribu. Pemilihan kategori usahawan ini dibuat adalah kerana ia merupakan kategori yang paling banyak diceburi oleh usahawan Melayu. Sebanyak 838 orang senarai personaliti usahawan telah dibekalkan oleh pihak MARA negeri Kedah. Daripada jumlah tersebut, seramai 350 orang telah

dipilih sebagai responden dengan mewakili seluruh daerah di negeri Kedah. Namun begitu, pengkaji menghadapi kesukaran untuk mendapatkan data kerana kebanyakan alamat rumah dan premis yang dibekalkan sudah tidak berpenghuni atau perniagaan yang sudah tidak beroperasi. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 268 set soal selidik sahaja telah diterima untuk diguna pakai dalam kajian ini.

Taburan responden mengikut daerah adalah seperti Jadual 3.2 di bawah:

Jadual 3.2

Bilangan Responden Mengikut Daerah-daerah di Negeri Kedah Darul Aman

Bil.	Daerah	Jumlah
1	Baling	20
2	Bandar Baharu	19
3	Kota Setar	29
4	Kuala Muda	23
5	Kubang Pasu	24
6	Kulim	20
7	Padang Terap	21
8	Pendang	19
9	Pulau Langkawi	27
10	Sik	20
11	Yan	21
12	Pokok Sena	25
Jumlah		268

3.5 Kajian Rintis

Kajian rintis dilakukan bagi menentukan ciri-ciri soalan yang perlu diubah suai atau dikekalkan selain bertujuan menguji kefahaman responden terhadap struktur ayat dan item-item yang terdapat dalam set soal selidik (Fraenkel dan Wallen, 1996). Untuk mendapatkan kebolehpercayaan soal selidik ini, satu kajian rintis telah diadakan pada

September 2015. Sebanyak 30 set soal selidik telah diedarkan kepada para peniaga IKS di beberapa daerah di negeri Kedah. Analisis kebolehpercayaan kajian ini menunjukkan majoriti responden dapat memahami soalan dengan baik. Skor kebolehpercayaan instrumen daripada kajian rintis ini adalah seperti dalam Jadual 3.3 di bawah:

Jadual 3.3

Ujian Kebolehpercayaan Pemboleh Ubah-Kajian Rintis

Pemboleh Ubah	Sebelum Ubahsuai		Selepas Ubahsuai	
	Bil Item	Nilai Alfa Cronbach	Bil. Item	Nilai Alfa Cronbach
Akidah	10	0.414	9	0.728
Syariah	9	0.666	8	0.756
Akhlaq	16	0.650	15	0.737

*Dikeluarkan item A3, B6 dan C11.

Nilai α -Cronbach ini jauh lebih besar daripada nilai alpha yang sesuai (0.60) bagi tujuan penyelidikan (Nunnally, 1978). Oleh itu, ia amat sesuai digunakan dalam kajian ini. Kutipan data sebenar dilakukan selepas pemurnian instrumen dilakukan.

Selain itu, pemilihan item soal selidik ini juga dilakukan berasaskan kriteria berikut:

- Memudahkan penyelidik mentadbir responden semasa kajian dijalankan.
- Memperolehi data yang lebih tepat daripada responden
- Kuantiti responden yang ramai sedangkan masa adalah terhad.
- Mudah untuk menganalisis data
- Menjimatkan kos, masa dan bilangan tenaga sumber manusia.

3.6 Analisis Data

Kajian ini merupakan penyelidikan kuantitatif dan kualitatif. Berikut merupakan kaedah analisis bagi setiap data:

i. Data Kuantitatif

Perisian *IBM Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) 19* digunakan bagi menganalisis data-data berbentuk kuantitatif daripada soal selidik melalui kaedah statistik deskriptif. Analisis deskriptif adalah untuk memberi gambaran tentang sesuatu data seperti purata, jumlah, *standard deviation*, varian, *range*, nilai maksimum, nilai minimum dan sebagainya.

Dalam kajian ini, SPSS digunakan untuk menguji kebolehpercayaan set soal selidik dan menganalisis data soal selidik bagi kajian yang sebenar. Pengkaji menggunakan SPSS untuk melihat kekerapan bagi setiap item dan korelasi antara elemen utama; akidah, syariah dan akhlak.

ii. Data Kualitatif

Analisis dokumen adalah satu prosedur yang sistematik untuk mengkaji dan menilai dokumen sama ada daripada bahan-bahan bercetak atau elektronik (Bowen, 2009). Data perlu disemak dan ditafsirkan untuk mendapatkan maksud, memahami dan membangunkan pengetahuan empirikal (Corbin dan Strauss, 2008; Rapley, 2007).

Data yang dianalisis akan melalui tiga proses utama iaitu penyaringan data (*data reduction*), persembahan data (*data display*) dan penulisan kesimpulan (*conclusion drawing*) atau pengesahan (*verification*). Sumber tema dalam proses penyaringan

data melibatkan analisis kandungan (*content analysis*), sorotan kajian dan berdasarkan tema yang terdapat pada persoalan kajian.

3.7 Kesimpulan

Kajian ini merupakan penyelidikan yang menggunakan pendekatan kajian kes. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik. Sebelum kajian sebenar dijalankan, satu kajian rintis telah dijalankan bagi melihat kebolehpercayaan set soal selidik. Kajian sebenar melibatkan 268 usahawan Melayu MARA di negeri Kedah Darul Aman sebagai sampel kajian. Kemudian, aplikasi SPSS digunakan untuk menganalisis data daripada soal selidik.



BAB EMPAT

ANALISIS KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan dapatan kajian berdasarkan analisis data yang ditetapkan iaitu secara kualitatif dan kuantitatif. Analisis data kualitatif adalah bagi menghuraikan objektif kajian berkaitan tasawur Islam terhadap keusahawanan dan setiap elemen yang terdapat dalam keusahawanan berasaskan sunnah Rasulullah S.A.W yang menjadi landasan teori terhadap kajian ini. Konsep keusahawanan sunnah yang menjadi asas utama dalam kajian ini adalah merangkumi elemen akidah, syariah dan akhlak. Manakala analisis secara kuantitatif adalah melibatkan data-data yang diperoleh daripada kajian tinjauan melalui soal selidik. Hasil analisis akan dilaporkan berdasarkan kepada objektif-objektif kajian yang telah ditetapkan.

4.2 Tasawur Islam Terhadap Aktiviti Keusahawanan

Berdasarkan analisis kandungan yang dibuat terhadap kajian literatur, jurnal, artikel dan penulisan-penulisan ilmiah lain, Islam sangat menggalakkan aktiviti keusahawanan sehingga mengiktirafnya sebagai fardu kifayah. Hal ini dibuktikan dengan dalil-dalil daripada al-Quran dan hadis Rasulullah S.A.W. Dalam bab ini, tasawur Islam terhadap keusahawanan akan dibincangkan dengan melihat kepada dua perspektif iaitu perspektif al-Quran dan perspektif al-sunnah. Ini kerana al-Quran dan al-sunnah merupakan sumber hukum dalam ajaran Islam.

4.2.1 Perspektif al-Quran

Agama Islam adalah agama yang serba lengkap. Setiap keperluan manusia sama ada di dunia mahupun di akhirat, sama ada dari segi ibadah mahupun muamalah, Islam telah menjelaskan segalanya. Perkara ini dibuktikan dengan firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“... Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu....”

(Surah al-Maidah, (5): 3)

Kesempurnaan dalam Islam termasuklah perkara yang melibatkan pencarian rezeki. Rezeki perlu diusahakan, bukan sekadar berdoa dan menanti rezeki hadir di depan mata tanpa sebarang ikhtiar. Malah usaha untuk mencari rezeki juga telah disyariatkan dalam Islam apabila Allah S.W.T memberitahu bahawa nasib sesuatu kaum hanya akan berubah dengan usaha sendiri sepertimana firman-Nya yang bermaksud:

“... Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa-apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa-apa yang ada pada diri mereka sendiri”

(Surah al-Ra'd, (13): 11)

Selain itu, Allah S.W.T telah menggariskan beberapa etika yang perlu dipatuhi apabila mencari nikmat kurnia-Nya berdasarkan ayat al-Quran yang bermaksud:

“Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing) dan carilah segala yang kamu hajati daripada limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).”

(Surah al-Jumuah, (62): 10)

Rezeki merupakan limpah kurnia Allah S.W.T yang perlu dicari oleh segenap makhluk, tidak kira sama ada yang sihat mahupun yang sakit, yang bermastautin mahupun yang bermusafir. Allah S.W.T berfirman yang maksudnya:

“... Dia juga mengetahui akan ada di antara kamu orang-orang yang sakit; dan yang lainnya orang-orang yang musafir di muka bumi untuk mencari rezeki daripada limpah kurnia Allah; dan yang lainnya lagi orang-orang yang berjuang pada jalan Allah (membela agamaNya). Maka bacalah mana-mana yang sudah kamu dapat membacanya daripada al-Quran; dan dirikanlah sembahyang serta berikanlah zakat; dan berilah pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (ikhlas). Dan (ingatlah), apa jua kebaikan yang kamu kerjakan sebagai bekalan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasannya pada sisi Allah, sebagai balasan yang sebaik-baiknya dan yang amat besar pahalanya. Dan mintalah ampun kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

(Surah *al-Muzammil*, (73): 20)

Selain dinyatakan secara umum tentang pensyariatan mencari rezeki melalui dalil-dalil al-Quran, Allah S.W.T turut mensyariatkan aktiviti keusahawanan sebagai mekanisme bagi manusia mencari rezeki. Galakan terhadap aktiviti keusahawanan di dalam al-Quran boleh diklasifikasikan kepada ciri-ciri berikut:

i. Melaksanakan Ibadah Adalah Perniagaan

Allah S.W.T mengumpamakan pelaksanaan ibadah utama seperti mendirikan solat dan bersedekah sebagai aktiviti keusahawanan yang tidak akan pernah mengalami kerugian. Ini menunjukkan perniagaan merupakan satu aktiviti yang melibatkan untung dan rugi bukan sahaja dari segi material, bahkan melibatkan ganjaran pahala dan dosa. Jika dilihat kepada ayat ke-29 daripada Surah *al-Fatir* dan ayat ke-10 hingga 11 daripada Surah *al-Saff*, Allah S.W.T telah menegaskan bahawa amalan mentaati segala pensyariatan Islam juga merupakan satu bentuk perniagaan.

“Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca kitab Allah dan mendirikan solat dan menafkahkan sebahagian daripada rezeki yang Kami anugerahkan kepada mereka dengan diam-diam dan terang-terangan, mereka itu mengharapkan perniagaan yang tidak akan merugi”.

(Surah *al-Fatir*, (35): 29)¹⁴

“Wahai orang-orang yang beriman! Mahukah Aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu daripada azab seksa yang tidak terperi sakitnya? Iaitu, kamu beriman kepada Allah dan rasul-Nya, serta kamu berjuang membela dan menegakkan agama Allah dengan harta benda dan diri kamu; yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui (hakikat yang sebenarnya)”.

(Surah *al-Saff*, (61): 10-11)

Ibnu Kathir (2000) menjelaskan, ‘*perniagaan*’ yang dinyatakan dalam Surah *al-Saff* ayat 10 merupakan sebuah perniagaan yang besar, tidak akan mengalami kerugian, dapat menghantar pengusahanya mencapai matlamat dan menghilangkan segala halangan. Perniagaan yang dimaksudkan adalah dengan beriman kepada Allah S.W.T dan rasul-Nya serta berkorban harta dan jiwa untuk berjihad di jalan Allah. Perniagaan tersebut adalah lebih utama berbanding perniagaan dunia.

ii. Pekerjaan Yang Diredai Allah S.W.T

Pensyariatan aktiviti keusahawanan atau perniagaan (*al-tijarah*) yang dinyatakan di dalam al-Quran secara jelas membuktikan bahawa bidang ini merupakan satu pekerjaan yang diredai Allah S.W.T.

Firman Allah S.W.T, maksudnya:

“... Dan Allah menghalalkan jual beli iaitu perniagaan dan mengharamkan riba....”

(Surah *al-Baqarah*, (2): 275)¹⁵

¹⁴ Lihat 2.2 Sejarah Keusahawanan Dalam Islam (m/s 22).

Dalam masa yang sama, Allah S.W.T mengharamkan setiap Muslim yang beriman daripada terlibat dengan segala aktiviti berunsur riba, penipuan atau mana-mana cara yang bertentangan dengan syariat Islam.

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihani kamu.”
(Surah al-Nisa', (4): 29)¹⁶

Selain itu, para sahabat r.a yang juga golongan usahawan hebat pernah berasakan seperti telah melakukan satu kesalahan kerana menjalankan perniagaan pada musim haji. Kisah ini dinukilkan dalam hadis riwayat al-Bukhari bagi menceritakan sebab turunnya ayat 198 daripada surah al-Baqarah yang bermaksud:

“... Tidak menjadi salah, kamu mencari limpah kurnia daripada Tuhan kamu (dengan meneruskan perniagaan ketika mengerjakan Haji)....”

Ibnu Kathir (2000) telah memetik beberapa buah hadis Rasulullah S.A.W ketika mentafsirkan ayat di atas. Salah satu daripada hadis tersebut adalah sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari yang bermaksud:

“Telah menceritakan kepada kami Muhammad, telah menceritakan kepadaku Ibnu Uyaynah, daripada Amr, daripada Ibnu Abbas yang menceritakan bahawa semasa Jahiliah, Ukaz, Majinnah dan Zul Majaz merupakan pasar-pasar tahunan. Mereka berasa berdosa bila melakukan perniagaan dalam musim haji. Maka turunlah firman Allah: ‘Tidaklah menjadi salah, kamu mencari limpah kurnia (rezeki hasil perniagaan) daripada Tuhan kamu’ dalam musim haji.”¹⁷

¹⁵ Lihat 2.7 Kajian Lepas (m/s 40).

¹⁶ Lihat 2.3 Tasawur Islam Terhadap Keusahawanan (m/s 26).

¹⁷ Al-Bukhari, *Al-Jami' Al-Sahih Al-Musnad Min Hadisi Rasulillah S.A.W Wa Sunanihi Wa Ayyamihi* (Sahih Bukhari), *Kitab Al-Buyu'*, *Bab Al-Aswaq Allati Kanat Fi Al-Jahiliah Fatubayi'u Biha Al-Nas Fi Al-Islam*, no: 2098. Hadis ini diriwayatkan oleh Abdullah ibnu Abbas r.a. no: 1770, 2050, 4519. Kisah yang sama turut diriwayatkan oleh Abdul Razak dan Sa'id ibnu Mansur r.a. Malah hadis dengan lafaz yang sama telah diriwayatkan oleh Sufyan ibnu Uyaynah r.a.

Berdasarkan dalil daripada al-Quran dan hadis tersebut, jelaslah bahawa aktiviti keusahawanan merupakan satu kegiatan yang diredai Allah S.W.T selagi mana tidak mengabaikan tanggungjawab sebagai seorang Muslim dalam beribadah.

iii. Aktiviti Penting Dalam Kehidupan

Dalam konteks kehidupan manusia, keusahawanan merupakan satu aktiviti yang sangat penting. Aktiviti ini melibatkan berlakunya transaksi-transaksi seperti jual beli, sewa menyewa dan sebagainya. Setiap transaksi ini pasti berlaku dalam kehidupan seharian manusia. Melalui keusahawanan pelbagai ibadah lain dapat dilakukan. Berbekalkan keuntungan yang diperoleh, zakat dapat ditunaikan dan keperluan lain dapat dipenuhi. Kehidupan keluarga menjadi lebih terjamin. Namun begitu, Allah S.W.T mengecam mereka yang meletakkan cinta dunia melebihi cinta kepada Allah S.W.T, rasul-Nya dan jihad demi agama. Allah S.W.T berfirman, maksudnya:

“Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika bapa-bapa kamu dan anak-anak kamu dan saudara-saudara kamu dan isteri-isteri (atau suami-suami) kamu dan kaum keluarga kamu dan harta benda yang kamu usahakan dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, - (jika semuanya itu) menjadi perkara-perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah dan Rasul-Nya dan (daripada) berjihad untuk agama-Nya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusan-Nya (azab seksa-Nya); kerana Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik (derhaka).”

(Surah al-Taubah, (9): 24)

Dalam pada itu, Allah S.W.T memuji mereka yang tidak lalai dalam melaksanakan ibadah walaupun sibuk dengan perniagaan.

“(Ibadat itu dikerjakan oleh) orang-orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual-beli daripada menyebut serta mengingati Allah dan mendirikan sembahyang serta memberi

zakat; mereka takutkan hari (kiamat) yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan.”

(Surah *al-Nur*, (24): 37)

Ibnu Kathir (2000) menyatakan bahawa ayat tersebut adalah sama seperti firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah harta-harta kalian dan anak-anak kalian melalaikan kalian daripada mengingat Allah.”

(Surah *al-Munafiqun*, (63): 9)

Ayat-ayat ini menjelaskan bahawa dunia dan keindahannya serta keseronokan melakukan jual beli tidak dapat melalaikan mereka daripada mengingat Allah S.W.T yang telah mencipta serta memberi mereka rezeki. Golongan ini mengetahui bahawa pahala di sisi Allah S.W.T adalah lebih baik berbanding harta yang dimiliki oleh mereka. Ini kerana harta benda suatu ketika nanti pasti akan habis, tetapi pahala tetap akan kekal.

Berdasarkan ayat-ayat di atas, dapat dirumuskan bahawa perniagaan merupakan aktiviti yang sangat penting. Allah S.W.T sangat menggalakkan hamba-Nya terlibat dalam aktiviti komersial, tetapi penglibatan itu mestilah berdasarkan syariat Islam dan tidak menjadi penyebab para usahawan semakin menjauhi Allah S.W.T. Sesuatu yang dijalankan dengan berpandukan ajaran Allah S.W.T dan Rasulullah S.A.W akan menatijahkan ketenangan dalam hati. Ini kerana, Allah S.W.T telah menjanjikan bahawa taufik dan petunjuk-Nya hanya akan diberikan kepada hamba-Nya yang beriman. Allah S.W.T juga menjanjikan azab yang sangat pedih kepada hamba-Nya yang menderhaka dan membelakangkan agama.

iv. Memberi Manfaat Yang Besar

Keusahawanan merupakan salah satu medium utama untuk membangunkan agama, bangsa dan negara. Tugas ini merupakan salah satu daripada tanggungjawab manusia yang bertindak sebagai khalifah Allah S.W.T di muka bumi. Melalui keusahawanan, pelbagai peluang untuk membantu golongan yang memerlukan dapat dilaksanakan. Fakir miskin, anak-anak yatim dan asnaf-asnaf dapat dibantu. Allah S.W.T telah berfirman di dalam al-Quran supaya berbuat baik kepada semua terutamanya ibu bapa dan membantu mereka yang tidak berdaya.

“Dan (ingatlah), ketika Kami mengambil janji daripada Bani Israil (iaitu): janganlah kamu menyembah selain Allah dan berbuat kebaikanlah kepada ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim dan orang-orang miskin, serta ucapkanlah kata-kata yang baik kepada manusia, dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat....”

(Surah al-Baqarah, (2): 83)

Firman Allah S.W.T, maksudnya:

“... Kami telah menentukan antara mereka penghidupan mereka dalam kehidupan dunia dan kami telah meninggikan sebahagian mereka atas sebahagian yang lain beberapa darjat, agar sebahagian mereka dapat mempergunakan sebahagian yang lain....”

(Surah al-Zukhruf, (43): 32)

Begitu teliti ketentuan Allah S.W.T terhadap setiap hamba-Nya. Segala yang ditakdirkan pasti bertujuan dan bermanfaat. Ayat ke-32 daripada surah *al-Zukhruf* tersebut menggambarkan bahawa golongan yang berkemampuan seharusnya bermanfaat kepada golongan yang memerlukan sama ada dalam bentuk zakat, sedekah dan sebagainya. Sebagai contoh, seorang usahawan yang mengusahakan produk berasaskan makanan boleh membantu dalam mengedarkan makanan secara percuma kepada gelandangan mahupun anak-anak yatim yang terabai.

Istilah membantu juga tidak hanya terbatas kepada fakir miskin atau para asnaf yang lain, tetapi boleh diperluaskan lagi kepada membantu sahabat-sahabat usahawan. Bantuan yang diberikan mungkin dalam bentuk mengambil atau membekalkan produk, menyalurkan suntikan modal, melahirkan usahawan-usahawan francais dan membantu dalam pengurusan pemasaran serta latihan.

v. Membentuk Personaliti Yang Sabar

Selain itu, aktiviti keusahawanan yang penuh dengan pelbagai cabaran akan mendidik usahawan agar menjadi insan yang sabar. Secara tidak langsung, keusahawanan menjadi platform dalam memberi latihan kesabaran kepada usahawan. Sifat sabar merupakan salah satu sifat mahmudah yang sangat dituntut dalam Islam. Biarpun sifat sabar adalah suatu sifat yang sukar untuk dipraktikkan, tetapi ganjaran yang dijanjikan Allah S.W.T adalah sangat besar seperti firman-Nya yang bermaksud:

Katakanlah: "Wahai hamba-hamba-Ku yang beriman. bertakwalah kepada Tuhanmu". Orang-orang yang berbuat baik di dunia ini memperoleh kebaikan dan bumi Allah itu adalah luas. Sesungguhnya hanya orang-orang yang bersabar yang dicukupkan pahala mereka tanpa batas.

(Surah al-Zumar, (39): 10)

Ketika menjalankan perniagaan, sudah pasti akan berlaku ketegangan mahupun salah faham antara usahawan dengan pihak-pihak yang terlibat. Dalam situasi tersebut, setiap usahawan perlu mengawal emosi agar suasana tegang kembali tenang untuk mencari penyelesaian terbaik. Bahkan, mengawal kemarahan juga merupakan sifat orang yang bertakwa. Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

"Dan bersegeralah kamu kepada keampunan daripada Tuhanmu dan kepada syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertakwa, (iaitu) orang-orang yang

menafkahkan (hartanya), baik di waktu lapang mahupun sempit dan orang-orang yang menahan amarahnya dan memaafkan (kesalahan) orang. Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebajikan.”.

(Surah *al-Zumar*, (3): 133-134)

Sifat marah yang tidak terkawal akan mendorong kepada dendam serta mendatangkan kerugian kepada diri sendiri dan juga perniagaan. Namun, jika seseorang usahawan dapat menahan kemarahan, lantas menghulurkan kemaafan kepada pihak yang bekerjasama, maka satu sifat murni berjaya terdidik dalam diri seseorang melalui aktiviti keusahawanan.

4.2.2 Perspektif al-Sunnah

Dari segi perspektif al-Sunnah, hadis-hadis Rasulullah S.A.W telah menceritakan bahawa ikhtiar seseorang dalam mencari rezeki merupakan satu amalan yang lebih mulia berbanding mendapatkan rezeki dengan cara meminta-minta daripada orang lain. Malah, para Nabi dan Rasul juga berusaha sendiri bagi mendapatkan hasil untuk dimakan. Sabda Nabi Muhammad S.A.W yang bermaksud:

“Tidaklah seorang (hamba) memakan makanan yang lebih baik daripada hasil usaha tangannya (sendiri) dan sesungguhnya Nabi Daud a.s makan daripada hasil usaha tangannya (sendiri).”¹⁸

Rasulullah S.A.W sendiri menggalakkan para sahabat baginda supaya berkecimpung dalam dunia keusahawanan. Walaupun Rasulullah S.A.W tidak pernah membiarkan mana-mana umatnya yang datang meminta bantuan daripada baginda pulang sebelum hajat mereka tertunai, namun baginda juga akan mengajarkan mereka bagaimana untuk berikhtiar hidup terutamanya dengan cara menjalankan aktiviti keusahawanan.

¹⁸ Al-Bukhari, *Kitab Al-Buyu'*, Bab *Kasbi Al-Rojuli Wa 'Amalihi Biyadihi*, no: 2072. Hadis ini diriwayatkan oleh Miqdam r.a.

Selain berfungsi sebagai ikhtiar meneruskan kelangsungan hidup, melalui keusahawanan juga manusia mampu menempa kekayaan yang akhirnya dapat membantu dalam setiap perjuangan mendaulatkan Islam.

i. Sunnah Para Nabi a.s

Aktiviti keusahawanan secara umumnya melibatkan kegiatan yang berpotensi untuk meraih keuntungan dan berisiko mengalami kerugian. Budaya usahawan dalam Islam bukanlah suatu perkara yang baru. Malah, keusahawanan merupakan sunnah para nabi. Antara nabi yang disebutkan oleh Rasulullah S.A.W dalam hadis ialah Nabi Zakaria a.s bekerja sebagai tukang kayu untuk mencari rezeki dan Nabi Daud a.s juga bekerja sendiri walaupun baginda pada ketika itu merupakan seorang nabi dan raja. Secara adatnya, seseorang yang berkedudukan dan berpengaruh hanya mengarahkan para pekerja melakukan semua perkara. Rasulullah S.A.W bersabda yang bermaksud:

“... Dan sesungguhnya Nabi Daud a.s makan daripada hasil usaha tangannya (sendiri).”¹⁹

Rasulullah S.A.W juga bersabda yang maksudnya:

“Sesungguhnya Zakaria a.s adalah tukang kayu.”²⁰

Dalam sebuah hadis yang lain, baginda menjelaskan bahawa setiap daripada para nabi yang diutuskan oleh Allah S.W.T tidak akan terlepas daripada menjadi seorang pengembala kambing. Hadis ini menegaskan bahawa aktiviti keusahawanan merupakan satu sunnah para nabi Allah S.W.T. Hadis tersebut bermaksud:

¹⁹ Al-Bukhari, *Kitab al-buyu'*, Bab kasbi al-rojuli wa 'amalihi biyadihi, no: 2072.

²⁰ Muslim, *Al-Musnad al-Sahih bi naqli al-adli, Kitab al-Fadhail, Bab fi fadhail Zakaria 'alaihissalam*, no: 2380. Hadis ini diriwayatkan oleh Abdul Rahman bin Sakhr r.a.

*“Allah tidak mengutuskan seorang nabi melainkan orang itu mengembala kambing”. Para sahabat bertanya, “Dan kamu bagaimana?”. Baginda menjawab, “Ya, aku pernah mengembala kambing penduduk Mekah dengan (upah) beberapa qirath (nama mata wang lama)”.*²¹

Hal ini membuktikan bahawa keusahawanan bukanlah satu pekerjaan keduniaan yang hanya akan membawa kepada sifat lupa Allah S.W.T yang memberi rezeki. Selagi mana aktiviti ekonomi dijalankan dengan bersyariat, maka ganjaran Allah S.W.T untuk hamba-Nya yang berusaha pasti ada.

ii. Pekerjaan Terbaik

Rasulullah S.A.W merupakan insan terbaik di muka bumi. Setiap sesuatu yang dilakukan oleh baginda merupakan pekerjaan yang terbaik. Tokoh-tokoh seperti Sir George Bernard Shaw (1936), Mahatma Gandhi (1924) dan Michael H Hart (1978) dalam penulisan-penulisan mereka mengakui bahawa Nabi Muhammad S.A.W merupakan manusia terbaik di dunia. Maka, sebagai umat kepada Nabi Muhammad S.A.W, adalah menjadi satu kemestian untuk meniru setiap pekerjaan baginda seperti yang disyariatkan oleh Allah S.W.T. Rasulullah S.A.W pernah menyatakan, pekerjaan terbaik bagi seseorang itu ialah pekerjaan yang diusahakan sendiri. Memandangkan pekerjaan seperti tukang, pengembala mahupun pengusaha tergolong dalam kelompok aktiviti keusahawanan, dapatlah disimpulkan bahawa setiap cabang keusahawanan merupakan pekerjaan mulia.

²¹ Al-Bukhari, *Kitab Al-Ijarah, Bab Ra'yi Al-Ghanami 'Ala Qararith*, no: 2262. Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a.

Selain menjana keuntungan yang banyak, usahawan yang menginfakkan harta hasil keuntungan di jalan kebaikan akan diberi ganjaran oleh Allah S.W.T dengan pahala bersedekah. Ini berdasarkan hadis Nabi S.A.W yang bermaksud:

“Tidaklah seseorang memperoleh suatu penghasilan yang lebih baik daripada jerih payah tangannya sendiri. Dan tidaklah seseorang menafkahi dirinya, isterinya, anaknya dan pembantunya melainkan ia dihitung sebagai sedekah.”²²

Dalam menyelusuri hidup, Rasulullah S.A.W merupakan usahawan hebat. Jika baginda yang mulia memilih untuk menjadi usahawan, jelaslah bahawa melibatkan diri dalam keusahawanan merupakan satu pilihan tepat dan terbaik asalkan dengan niat, tujuan dan perilaku yang baik.

iii. Memupuk Sikap Toleransi dan Bertimbang Rasa

Sesiapa sahaja yang mendalami ajaran Islam pasti akan mengakui bahawa Islam sangat menitikberatkan tentang toleransi atau sifat bertolak ansur sesama insan. Bidang keusahawanan merupakan medan terbaik dalam memupuk sikap toleransi. Perusahaan yang dijalankan tidak kira sama ada dalam skala yang besar mahupun kecil, isu berhutang dan memberi hutang seolah-olah tidak dapat dielakkan. Biar pun hutang wajib dibayar walaupun tidak dituntut, tetapi toleransi dalam memberi kelonggaran kepada penghutang dari segi tempoh dan jumlah adalah sangat dituntut. Rasulullah S.A.W bersabda yang bermaksud:

“Barangsiapa memberi tempoh kepada orang yang kesulitan membayar hutang atau menggugurkannya (membebaskan penghutang daripada hutang tersebut), nescaya pada hari kiamat Allah akan menaunginya di

²² Abu Abdullah Muhammad bin Yazid bin Abdullah bin Majah al-Rab'i al-Quzwaini (Ibnu Majah, w. 275H), *Al-Sunan, Kitab Al-Tijaroot, Bab Al-Hatstsu 'Ala Al-Makasibi*, no. 2138. Hadis ini diriwayatkan oleh Miqdam bin Ma'dikarib r.a. Al-Albani menyatakan bahawa hadis ini berstatus 'Sahih'.

bawah naungan 'arasy-Nya, iaitu pada hari tidak ada naungan kecuali naungan-Nya."²³

Berdasarkan hadis tersebut, dapat difahami bahawa sikap toleransi sangat digalakkan terutamanya melibatkan hutang. Tolak ansur boleh berlaku sama ada dengan memberi penangguhan pembayaran, mengurangkan jumlah hutang ataupun membebaskan penghutang daripada semua hutangnya. Galakan terhadap sikap toleransi ini disertakan dengan ganjaran mendapat naungan daripada Allah S.W.T di akhirat kelak.

Sikap bertimbang rasa adalah penting dalam dunia keusahawanan. Pengusaha perlu bertimbang rasa kepada pekerja dan begitulah sebaliknya. Setelah pekerja berpenat lelah dalam memastikan produktiviti perusahaan meningkat, pengusaha atau usahawan merangkap majikan wajib membayar upah seperti yang telah dipersetujui tanpa berlaku kezaliman di mana-mana pihak. Pensyariatan memberi upah dengan segera terakam dalam hadis baginda Nabi S.A.W yang bermaksud:

*"Berikan kepada seorang pekerja upahnya sebelum keringatnya kering."*²⁴

Tuntutan menyegerakan pembayaran upah turut disertai dengan amaran dan peringatan bagi mereka yang lewat-lewatkan pemberian upah. Rasulullah S.A.W bersabda yang bermaksud:

*"Menunda dalam menunaikan kewajipan (bagi yang mampu) termasuk kezaliman."*²⁵

²³ Al-Tirmizi, *Jami' Al-Tirmizi, Kitab Al-Buyu'*, Bab *Ma Jaa Fi Inzar Al-Mu'sir Wa Al-Rifq Bihi*, no:1306. Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. Ia mengatakan; Dalam hal ini ada hadis serupa dari Abul Yasar, Abu Qatadah, Hudzaifah, Ibnu Mas'ud, Ubadah dan Jabir. Abu Isa berkata: Hadis Abu Hurairah adalah hadis '*Sahih Gharib*' daripada jalan periwayatan ini. Hadis ini turut terdapat dalam *Sahih Muslim* (1565, 3015), *Sunan Abi Daud* (3460), *Sunan Ibnu Majah* (2199, 2418, 2419) dan banyak lagi dengan lafaz yang berbeza.

²⁴ Ibnu Majah, *Kutub Al-Rahun, Bab Ajru Al-Ujrai*, no: 2443. Hadis ini diriwayatkan oleh Abdullah ibn Umar. Al-Albani menyatakan bahawa hadis ini berstatus '*Sahih*'.

Namun, jika kelewatan pembayaran kerana terpaksa dan pekerja meredakannya, situasi ini tidak termasuk dalam kezaliman sepertimana yang dinyatakan dalam hadis tersebut.

iv. Mendidik Sikap Bertanggungjawab

Seorang Muslim sejati merupakan seseorang yang bertanggungjawab dalam menjaga agama, maruah dan manusia sekelilingnya. Usahawan yang bertanggungjawab akan dipandang mulia oleh semua terutamanya rakan-rakan kongsi dan para pelanggan dalam perniagaan. Keusahawanan sebenarnya mampu mendidik manusia untuk bertanggungjawab. Apabila usahawan berjanji untuk menyediakan produk yang berkualiti, janji tersebut perlu ditunaikan. Selain itu, usahawan harus bertanggungjawab terhadap setiap pekerjaannya dari segi upah dan kebajikan. Bukan sahaja untuk menjamin kelangsungan perniagaannya, malah untuk mengelak daripada mendapat kemurkaan Allah S.W.T. Ini berdasarkan sebuah hadis qudsi yang disampaikan oleh Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

“Allah berfirman: Ada tiga jenis orang yang Aku menjadi musuh mereka pada hari kiamat, seseorang yang bersumpah atas nama-Ku lalu mengingkarinya, seseorang yang menjual orang yang telah merdeka lalu memakan (wang dari) harganya dan seseorang yang mengupah pekerja kemudian pekerja itu menyelesaikan pekerjaannya namun tidak dibayar upahnya.”²⁶

²⁵ Al-Bukhari, *Kitab Fi Al-Istiqradh Wa Adai Al-Duyun Wa Al-Hajr Wa Al-Taflis, Bab Mathl Al-Ghaniyy Zulm*, no: 2400. Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. Hadis ini turut diriwayatkan dalam *Sahih Al-Bukhari* (2287, 2288), *Sahih Muslim* (1566), *Jami' al-Tirmizi* (1308, 1309), *Sunan Abi Daud* (3345), *Sunan Al-Nasaie Al-Sughra* (4688, 4691) dan *Sunan Ibnu Majah* (2403, 2404) dengan penambahan dalam lafaz.

²⁶ Al-Bukhari, *Kitab Al-Buyu', Bab Ithmi Man Ba'a Hurra*, no: 2227. Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. Hadis ini juga terdapat dalam *Sahih Al-Bukhari* (2270), *Sunan Ibnu Majah* (2442).

Berdasarkan hadis tersebut juga, Allah S.W.T memberi amaran kepada tiga jenis manusia dengan ancaman menjadi musuh-Nya pada hari kiamat. Mereka ialah manusia yang bersumpah dengan nama Allah S.W.T lalu mengingkarinya, menjual orang yang merdeka lalu memakan hasil jualannya dan seseorang yang mengupah pekerja untuk menyempurnakan pekerjaannya tetapi tidak memberikan upah. Sedangkan pada hari kiamat semua umat manusia sangat berharap kepada rahmat dan reda-Nya.

v. Menjana Keuntungan

Setiap usahawan tidak akan terkecuali daripada meletakkan keuntungan sebagai *key performance indicator* (KPI) biarpun dengan nilai yang kecil. Keuntungan juga merupakan penanda aras kemajuan sesebuah aktiviti keusahawanan. Daripada keuntungan, aset-aset lain akan mula dimiliki. Menjana keuntungan dalam perniagaan adalah sesuatu yang diharuskan pada pandangan Islam. Buktinya, terdapat satu kisah yang diceritakan dalam hadis Rasulullah S.A.W yang maksudnya:

Ali bin Abdullah menceritakan kepada kami, Sufyan menceritakan kepada kami, Syahib bin Gharqadah menceritakan kepada kami, ia berkata: Aku mendengar penduduk bercerita tentang 'Urwah r.a bahawa Nabi S.A.W memberikan wang satu dinar kepadanya agar dibelikan seekor kambing. Lalu dengan wang tersebut dia membeli dua ekor kambing, kemudian dia menjual seekor dengan harga satu dinar. Dia pulang membawa satu dinar dan seekor kambing. Rasulullah S.A.W mendoakannya dengan keberkatan dalam jual belinya. Rasulullah S.A.W berkata: "Seandainya 'Urwah membeli debu sekalipun, dia pasti beroleh keuntungan."²⁷

²⁷ Al-Bukhari, *Kitab Al-Manaqib, Bab Sual Al-Musyrikin An Yuriyahum Al-Nabi S.A.W Ayah Faarahum Insiyiq Al-Qamar*, no: 3443. Hadis ini diriwayatkan oleh 'Urwah r.a. Hadis ini turut terdapat dalam *Jami' Al-Tirmizi* (1258), *Sunan Abi Daud* (3384) dan *Sunan Ibnu Majah* (2402) dengan sedikit kelainan pada lafaz.

Hadis ini memperlihatkan tiada tegahan daripada Rasulullah S.A.W terhadap perbuatan ‘Urwah r.a yang sepatutnya menggunakan wang satu dinar untuk membeli seekor kambing sahaja. Namun begitu, dengan satu dinar tersebut beliau berjaya membeli dua ekor kambing yang mana salah seekor daripadanya telah dijual dan dibawa pulang seekor lagi bersama satu dinar hasil jualan. Intipati hadis ini menunjukkan bahawa ‘Urwah r.a telah mendapat keuntungan berganda dan Nabi S.A.W tidak menegur perbuatan tersebut sebagai satu kesalahan, bahkan baginda mendoakan keberkatan buat ‘Urwah r.a dan menyatakan bahawa sekiranya beliau menjual debu sekalipun, sudah pasti beliau akan mendapat keuntungan.

vi. Berdikari dan Tidak Meminta-minta

Melalui aktiviti keusahawanan, seseorang mampu berdikari dan terhindar daripada tabiat meminta-minta. Islam melarang umatnya memiliki tabiat suka meminta-minta. Sabda Nabi S.A.W yang bermaksud:

*“... Seseorang sentiasa meminta-minta kepada orang lain sehingga dia akan datang pada hari kiamat dalam keadaan tidak mempunyai secebis daging pun di wajahnya”*²⁸

Dalam hadis yang lain, Rasulullah S.A.W bersabda maksudnya:

“Wahai Hakim, sesungguhnya harta itu indah dan manis. Barangsiapa mengambilnya dengan berlapang hati, maka akan diberikan keberkatan padanya. Barangsiapa mengambilnya dengan kerakusan (mengharap-harap harta), maka Allah tidak memberikan keberkatan kepadanya dan perumpamaannya (orang yang meminta dengan mengharap-harap) bagaikan orang yang makan, tetapi ia tidak kenyang (kerana tiada keberkatan). Tangan yang di atas (yang memberi) lebih baik daripada tangan yang di bawah (yang meminta).”

²⁸ Al-Bukhari, *Kitab Al-Zakah, Bab Man Saala Al-Nas Takathsura*, no:1475; Muslim, *Kitab Al-Zakah, Bab Karahati Masalati Li Al-Nas*, no: 1042, 1043. Hadis ini diriwayatkan oleh Abdullah ibn ‘Umar r.a. dan Abu Hurairah r.a. (*Sahih Muslim*; 1043). Hadis ini turut terdapat dalam *Jami’ Al-Tirmizi* (650), *Sunan Abi Daud* (1626, 1627, 1629) dan *Sunan Ibnu Majah* (1838, 1840).

Kemudian Hakim berkata: “Wahai Rasulullah, demi zat yang mengutusmu dengan kebenaran, aku tidak menerima dan mengambil sesuatu pun sesudahmu hingga aku meninggal dunia.”

Ketika Abu Bakar r.a menjadi khalifah, beliau memanggil Hakim r.a untuk memberi suatu bahagian yang berhak diterima. Namun, Hakim r.a tidak mahu menerimanya kerana telah berjanji kepada Rasulullah S.A.W. Ketika ‘Umar r.a menjadi khalifah, beliau memanggil Hakim r.a untuk memberikan sesuatu namun dia tidak mahu menerimanya juga. Kemudian ‘Umar bin al-Khathab r.a berkata di hadapan para sahabat: “Wahai kaum Muslimin, aku saksi kepada kalian tentang Hakim bin Hizam r.a, aku menawarkan kepadanya haknya yang telah Allah S.W.T berikan kepadanya melalui harta rampasan ini (fa’i), namun dia tidak mahu menerimanya. Dan Hakim r.a tidak mahu menerima suatu apa pun daripada sesiapa pun setelah Nabi S.A.W sehingga dia meninggal dunia.”²⁹

Berdasarkan hadis tersebut, Rasulullah S.A.W telah menasihati dan memberitahu status manusia yang memberi adalah lebih mulia daripada manusia yang meminta-minta. Setelah peristiwa itu juga, sahabat yang bernama Hakim bin Hizam r.a itu tidak lagi menerima bantuan daripada sesiapa pun walaupun pada hakikatnya beliau berhak.

Rasulullah S.A.W juga bersabda yang bermaksud:

“Wahai Qabisah, sesungguhnya meminta-minta itu tidak halal kecuali bagi salah satu daripada tiga orang: (1)seseorang yang menanggung hutang orang lain, dia boleh meminta-minta sampai dia melunasinya, kemudian berhenti, (2)seseorang yang ditimpa musibah yang menghabiskan hartanya, dia boleh meminta-minta sampai dia mendapatkan sandaran hidup dan (3)seseorang yang ditimpa kesengsaraan hidup sehingga ada tiga orang yang berakal daripada kaumnya mengatakan, ‘Si fulan telah ditimpa kesengsaraan hidup’, dia boleh meminta-minta sampai mendapatkan sandaran hidup. Meminta-minta selain untuk ketiga hal itu wahai Qabisah adalah haram dan orang yang memakannya adalah memakan yang haram.”³⁰

²⁹ Al-Bukhari, *Kitab Al-Zakah, Bab Al-Isti’faf ‘An Al-Mas’alah*, no: 1472. Hadis ini diriwayatkan oleh Hakim bin Hizam r.a. Hadis ini juga terdapat dalam *Sahih al-Bukhari* (2750, 3143, 6441), *Sahih Muslim* (1037) dan *Sunan Al-Nasaie* (2531, 2601, 2602, 2603).

³⁰ Muslim, *Kitab Al-Zakah, Bab Man Tahillu Lahu Al-Masalah*, no: 1045. Hadis ini diriwayatkan oleh Qabisah bin Mukhariq al-Hilali r.a. Hadis ini juga terdapat dalam *Jami’ Al-Tirmizi* (653), *Sunan Abi Daud* (1640) dan *Sunan Al-Nasaie* (2579).

Saranan supaya manusia hidup berdikari juga terdapat dalam hadis Nabi S.A.W yang bermaksud:

“Sungguh, seseorang daripada kalian mengambil talinya lalu membawa seikat kayu bakar di atas punggungnya, kemudian ia menjualnya sehingga dengannya Allah menjaga wajahnya (kehormatannya), itu lebih baik baginya daripada ia meminta-minta kepada orang lain, mereka memberinya atau tidak memberinya.”³¹

Dalam hadis yang lain, Anas bin Malik r.a meriwayatkan bahawa (maksudnya):

Pada suatu hari seorang lelaki Ansar datang kepada Nabi Muhammad meminta bantuan. Baginda bertanya, “Apakah kamu mempunyai sesuatu di rumah?”. Lelaki Ansar menjawab, “Ya ada, iaitu pakaian kasar yang dapat mengalas punggung unta. Sehelai kami guna dan sehelai lagi kami hamparkan. Dan juga bekas minum”. Rasulullah pun terus berkata, “Bawa kedua-duanya kepada aku”. Maka lelaki Ansar itu tadi pun membawa kedua-duanya kepada Rasulullah lantas baginda mengambilnya lantas berkata kepada orang ramai, “Siapa yang mahu membeli dua barang ini?” Seorang lelaki menjawab, “Aku akan membelinya dengan 1dirham”. Rasulullah berkata dan mengulangnya 2, 3 kali, “Siapa yang mahu menawarkan 2dirham?” Seseorang pun menjawab, “Saya mahu membelinya dengan 2dirham”. Rasulullah pun mengambil 2dirham tersebut dan diberikan kepada lelaki Ansar tadi lalu berkata, “Belilah makanan 1dirham untuk keluargamu dan 1dirham lagi gunakan untuk membeli (mata) kapak dan bawa kepadaku”. Lelaki Ansar tadi pun melaksanakan arahan Rasulullah dan memberikan (mata) kapak tersebut kepada baginda. Rasulullah memasangkannya dengan kayu lalu berkata, “Nah (kapak) dan sila pergi mencari kayu. Aku tak mahu melihat kamu di sini selama 15 hari ini”. Lelaki Ansar itu pun beredar, mencari kayu dan menjualnya. Selepas 15 hari lelaki Ansar itu datang kepada Rasulullah bersama 15 dirham. Rasulullah pun berkata, “Beli makanan dan bakinya beli pakaian. Sesungguhnya ini adalah lebih baik daripada kamu datang meminta-minta kerana perbuatan meminta-minta itu akan merosakkan wajah kamu pada hari akhirat. Sesungguhnya meminta-minta itu hanya untuk yang sangat miskin, orang yang kerugian teruk atau darah yang menyakitkan.”³²

Daripada hadis-hadis di atas, dapat disimpulkan bahawa Allah S.W.T memberkati rezeki hasil ikhtiar sendiri, menggalakkan manusia agar menjaga diri (*ta'affuf*) dan

³¹ Al-Bukhari, *Kitab Al-Zakah, Bab Al-Isti'faf 'An Al-Mas'alah*, no: 1471. Hadis ini diriwayatkan oleh Zubair bin 'Awwam r.a.

³² Abu Daud (w. 275H), *Sunan Abi Daud, Kitab Al-Zakah, Bab Ma Tajuzu Fihi Al-Masalah*, no:1400. Abu Daud mengklasifikasikan hadis ini berstatus 'Sakata anhu'. Menurut beliau, 'sakata anhu' bagi ahli Mekah bermaksud 'Salih'.

tidak bersikap meminta-minta, sikap meminta-minta akan mengurangkan rasa malu sedangkan malu adalah sebahagian daripada iman. Perbuatan suka meminta-minta akan menyebabkan wajah menjadi tidak sempurna di akhirat kelak dan Islam sangat menggalakkan umatnya untuk berdikari.

4.3 Elemen-Element Yang Terdapat Dalam Keusahawanan Yang Berasaskan Sunnah Rasulullah S.A.W.

Huraian elemen-elemen keusahawanan yang berasaskan sunnah Rasulullah S.A.W adalah berdasarkan kepada ayat-ayat al-Quran *al-karim* dan hadis-hadis sahih yang terkandung dalam *Sunan Sittah*, iaitu *Sahih Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan Nasaie*, *Sunan Abi Daud*, *Sunan Tirmizi* dan *Sunan Ibnu Majah*. Setiap elemen akan diklasifikasikan kepada tiga perkara iaitu akidah, syariah dan akhlak.

4.3.1 Akidah

Islam bukanlah agama yang menghalang kemajuan dunia. Matlamat hidup yang berasaskan akidah Islam adalah matlamat yang diredai Allah S.W.T. Usahawan yang mempunyai matlamat untuk mencari keredaan Allah S.W.T perlu berusaha untuk tidak hanya menjadi jutawan yang berjaya di dunia semata-mata, tetapi menjadi hamba yang kaya di akhirat (Sakinah Salleh, 2013). Rasulullah S.A.W merupakan usahawan muda hebat yang sangat berpegang teguh dengan akidah Islam. Baginda S.A.W percaya segala kurniaan adalah daripada Allah S.W.T Bahkan baginda menanamkan dalam jiwa setiap sahabat r.a tentang akidah yang benar mendorong manusia melakukan perkara yang benar. Secara hakikatnya, akidah Islam membentuk usahawan untuk berlaku adil terhadap perniagaan dan tuntutan syariah.

i. Percaya Allah S.W.T Maha Melihat

Allah S.W.T bersifat dengan sifat-sifat kesempurnaan. Salah satu sifat Allah S.W.T adalah *al-Basir* atau Maha Melihat. Mengimani bahawa Allah S.W.T bersifat dengan sifat Maha Melihat adalah satu kewajipan kepada setiap umat Islam. Malah, jika terdapat keraguan walaupun sedikit, maka rosaklah akidah Muslim tersebut. Dalam keusahawanan, setiap usahawan perlu meyakini dan percaya bahawa Allah S.W.T sentiasa melihat segala perbuatan hamba-Nya. Dalil-dalil yang membuktikan sifat Maha Melihat Allah S.W.T terdapat dalam al-Quran dan juga hadis Rasulullah S.A.W. Antaranya ialah firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.”
(Surah *al-Nisa*, (4): 58)

Dalam ayat yang lain, Allah S.W.T berfirman, maksudnya:

“Tidakkah dia mengetahui bahawa sesungguhnya Allah melihat segala perbuatannya?”
(Surah *al-Ala*, (96): 14)

Bidang keusahawanan menjadi sangat mencabar pada zaman sekarang. Terdapat pelbagai kaedah yang dilakukan dalam penghasilan produk, pengurusan perniagaan dan pemasaran. Ada yang menguruskannya dengan cara yang betul dan tidak kurang juga ada yang menguruskannya dengan cara yang tidak sah (*illegal*). Tujuannya tetap sama iaitu mendapatkan sebanyak mungkin keuntungan. Dalam situasi ini, keyakinan bahawa Allah S.W.T melihat setiap perbuatan hamba-Nya akan menghalang seseorang usahawan untuk bertindak di luar kebenaran syarak. Usahawan yang benar juga seharusnya mempunyai matlamat yang lebih utama daripada keuntungan material iaitu keberkatan dan keredaan Allah S.W.T.

ii. Percaya Rezeki Adalah Ketetapan Allah S.W.T

Kepercayaan dan pegangan agama seseorang adalah penentu kepada hala tuju tingkah lakunya dalam kehidupan. Apabila setiap yang dipercayai adalah perkara yang baik, maka usahanya akan terdorong ke arah kebaikan dan hasilnya juga adalah baik. Dari segi perspektif Islam, setiap Muslim wajib bersangka baik dengan Allah S.W.T dan yakin bahawa setiap takdir yang berlaku adalah yang terbaik dari sisi-Nya untuk setiap hamba. Firman Allah S.W.T di dalam hadis qudsi yang bermaksud:

“Aku adalah seperti sangkaan hamba-Ku terhadap Aku. Dan Aku bersamanya tatkala Dia mengingati-Ku. Sekiranya dia mengingati-Ku dalam dirinya, maka Aku akan mengingatnya dalam diri-Ku. Sekiranya dia mengingati-Ku di khalayak ramai, maka Aku akan mengingatnya di depan khalayak ramai yang lebih mulia (para malaikat dan nabi-nabi). Jika hamba-Ku mendekati-Ku sejengkal, Aku akan mendekatnya sehasta. Jika hamba-Ku mendekati-Ku sehasta, Aku akan mendekatnya sedepa. Jika hamba-Ku mendekati-Ku dalam keadaan berjalan, Aku akan mendekatnya dalam keadaan berlari (cepat).”³³

Dari aspek mencari rezeki pula, setiap ikhtiar yang dilakukan perlu disusuli dengan tawakal. Berserah sepenuhnya kepada Allah S.W.T sebelum, semasa dan selepas berikhtiar akan mendorong seseorang untuk bersyukur serta bersabar. Jika hasil usaha adalah seperti yang diharapkan, hatinya akan bersyukur. Namun, apabila setiap usahanya belum membuahkan hasil seperti yang diinginkan, hatinya tetap bersabar dan terus berusaha dengan lebih baik. Rasulullah S.A.W telah memberi jaminan, sekiranya manusia benar-benar bertawakal kepada Allah S.W.T, Dia pasti akan mengurniakan rezeki kepada mereka. Sabda baginda Rasulullah S.A.W bermaksud:

“Sekiranya kamu bertawakal kepada Allah S.W.T dengan sebenar-benar tawakal, nescaya Allah S.W.T akan memberi rezeki kepadamu sebagaimana rezeki yang diberikan kepada burung yang berangkat

³³ Al-Bukhari, *Kitab Al-Tauhid, Bab Ma Yuzkara Fi Al-Zat Wa Al-Nu'ut Wa Asami Allah*, no:7405, 7505; Muslim, *Kitab Al-Zikr Wa Al-Du'a Wa Al-Taubah Wa Al-Istighfar, Bab Al-Hassu 'Ala Zikrillahi Ta'ala*, no: 2677, 2687, 2744. Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. Hadis ini turut terdapat dalam *Jami' Al-Tirmizi* (2388, 3603), *Sunan Ibnu Majah* (3822).

pada waktu pagi hari dengan perut yang kosong dan kembali dengan perut yang kenyang.”³⁴

Tawakal kepada Allah S.W.T hanya mampu dilakukan oleh hamba-Nya yang bertakwa. Manusia yang bertakwa adalah manusia yang benar-benar taat mengerjakan setiap perintah Allah S.W.T dan meninggalkan segala larangan-Nya. Allah S.W.T telah menjanjikan rezeki daripada sumber yang tidak disangka-sangka kepada *muttaqin* (orang-orang yang bertakwa) sepertimana firman-Nya yang bermaksud:

“...Barangsiapa bertakwa kepada Allah, nescaya Dia akan mengadakan baginya jalan keluar dan memberinya rezeki dari arah yang tidak disangka-sangka. Dan barangsiapa yang bertawakal kepada Allah, nescaya Allah akan mencukupkan (keperluan)nya. Sesungguhnya Allah melaksanakan urusan (dikehendaki)Nya. Sesungguhnya Allah telah mengadakan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu.”

(Surah *al-Talaq*, (65): 2-3)

Setiap usahawan Muslim yang ingin berjaya perlu menanamkan sifat tawakal dalam diri. Usahawan juga perlu yakin dan percaya bahawa setiap rezeki yang diperoleh bukanlah kerana usaha semata-mata tetapi ia adalah ketetapan daripada Allah S.W.T. Orang yang bertawakal akan sentiasa tenang kerana yakin dengan janji Allah S.W.T berdasarkan firman-Nya yang bermaksud:

“... Dan hanya kepada Allah hendaknya kamu bertawakal jika kamu benar-benar orang beriman.”

(Surah *al-Maidah*, (5): 23)

iii. Percaya Setiap Amalan Akan Dihitung

Setiap Muslim wajib mempercayai adanya hari kiamat. Pada hari tersebut, setiap amalan akan dihitung tidak kira sama ada amalan tersebut adalah ibadah khusus

³⁴ Al-Tirmizi, *Jami' Al-Tirmizi, Kitab Al-Zuhud, Bab Fi Al-Tawaakul 'Ala Allah*, no:2345. Hadis ini diriwayatkan oleh Umar ibn al-Khattab r.a. Hadis ini berstatus '*Hasan Sahih*'. Hadis ini turut terdapat dalam *Sunan Ibnu Majah* (4164).

mahupun aktiviti seharian seperti aktiviti keusahawanan. Allah S.W.T berfirman yang maksudnya:

“Pada hari itu kamu dihadapkan (kepada Tuhanmu), tiada sesuatu pun daripada keadaanmu yang tersembunyi (bagi Allah).”
(Surah al-Haqqah, (69): 18)

Allah S.W.T berfirman lagi, maksudnya:

“Pada hari (ketika) lidah, tangan dan kaki mereka menjadi saksi atas mereka terhadap apa yang dahulu mereka kerjakan.”
(Surah al-Nur, (24): 24)

Berdasarkan ayat di atas, dapatlah difahami bahawa setiap sesuatu yang dilakukan di dunia ini akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. Pada hari tersebut setiap makhluk diberi peluang oleh Allah S.W.T untuk membuat sebarang tuntutan hak masing-masing seperti sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

“Barangsiapa yang berasa pernah berbuat aniaya kepada saudaranya, sama ada dari segi kehormatan badan, harta atau lainnya, hendaklah segera meminta halal (maaf) sekarang juga sebelum datang suatu hari yang tiada harta, dinar atau dirham. Jika dia punya amal soleh, maka akan diambil menurut penganiayaannya dan jika tidak mempunyai kebaikan, maka diambilkan daripada kejahatan orang yang dianiaya untuk ditanggungkan kepadanya.”³⁵

Hadis tersebut menjelaskan bahawa setiap manusia akan dipertanggungjawabkan atas setiap kezaliman atau penganiayaan kepada manusia lain. Dalam konteks usahawan, sekiranya demi mengejar keuntungan yang berlipat kali ganda, usahawan tersebut sanggup untuk menipu, menganiaya atau menzalimi pengguna atau usahawan lain,

³⁵ Al-Bukhari, *Kitab Al-Riqaq, Bab Al-Qisas Yawm Al-Qiamah*, no: 2449, 6534. Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. Hadis ini turut terdapat dalam *Jami' Al-Tirmizi* (2419).

maka di akhirat kelak semuanya akan diperhitungkan. Saat itu penyesalan tidak lagi berguna.

Selain itu, seorang usahawan yang yakin bahawa setiap amalan akan dihisab pasti akan menguruskan perniagaannya mengikut segala yang dibenarkan oleh Allah S.W.T dan menjauhi setiap larangan-Nya. Bermula daripada sumber asas, prosedur, proses pembuatan, penjenamaan sehinggalah kepada proses pemasaran dan pengurusan hasil keuntungan, semuanya dipastikan berada dalam ruang lingkup '*patuh syariah*'.

Menurut Aizuddinur Zakaria (2012), adalah menjadi satu kewajaran bagi setiap Muslim untuk mempelajari garis panduan Islam sebagai panduan pengurusan harta yang efisien kerana segalanya akan dihitung di akhirat kelak. Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“Harta dan anak-anak adalah perhiasan kehidupan dunia tetapi amalan-amalan yang kekal lagi saleh adalah lebih baik pahalanya di sisi Tuhanmu serta lebih baik untuk menjadi harapan.”

(Surah *al-Kahfi*, (18): 46)

Ayat tersebut menjelaskan, harta diibaratkan sebagai sesuatu yang indah, tetapi amal saleh adalah lebih baik di sisi Allah S.W.T. Ini kerana, harta lebih merupakan satu ujian kepada hamba-Nya berdasarkan firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“Dan ketahuilah bahawa hartamu dan anak-anakmu itu hanyalah sebagai ujian dan sesungguhnya di sisi Allah pahala yang besar.”

(Surah *al-Anfal*, (8): 28)

Namun begitu, tidaklah bermakna bahawa aktiviti keusahawanan yang bertujuan menjana harta sebagai satu perkara yang sia-sia. Jika difahami dengan betul,

keusahawanan sebenarnya akan membuka ruang kepada lebih banyak amal saleh yang lain. Dalam masa yang sama, keusahawanan juga dapat membuka peluang kepada kejahatan lain seperti rasuah dan riba. Hakikatnya, semuanya berbalik kepada keimanan bahawa setiap yang dilakukan ketika di dunia akan dihitung di akhirat kelak. Hanya iman yang akan menyelamatkan manusia daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang dalam Islam dan membuka pintu-pintu keberkatan rezeki.

iv. Al-Quran Sebagai Panduan Hidup

Allah S.W.T berfirman, maksudnya:

“Alif, Lam, Mim. Kitab al-Quran ini tiada sebarang keraguan padanya (tentang datangnya daripada Allah dan tentang kesempurnaannya), ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang bertakwa. Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib dan mendirikan solat serta membelanjakan sebahagian daripada rezeki yang kami berikan kepada mereka.”

(Surah al-Baqarah, (2): 1-3)

Al-Quran telah dianugerahkan oleh Allah S.W.T kepada Rasulullah S.A.W sebagai satu mukjizat yang agung. Malah, Rasulullah S.A.W dinyatakan dalam sebuah hadis yang panjang sebagai memiliki akhlak sesempurna dan seindah al-Quran.

“... Sesungguhnya akhlak Nabi S.A.W adalah al-Quran....”³⁶

Hadis ini menggambarkan bahawa Rasulullah S.A.W telah menjadikan al-Quran sebagai panduan hidup dalam setiap aktiviti yang dilakukan. Keperibadian, sifat dan sikap, pemikiran, tingkah laku, kehidupan, semangat dan perjuangan baginda Rasulullah S.A.W merupakan natijah daripada asuhan al-Quran. Begitu jugalah

³⁶ Muslim, *Kitab Solat Al-Musafirin Wa Qasaruha, Bab Jami' Solati Al-Lail Wa Man Nama 'Anhu Aw Maridha*, no: 746. Hadis ini diriwayatkan oleh Aishah r.a.

seorang usahawan Melayu Muslim, seharusnya menjadikan al-Quran sebagai bahan bacaan utama dan sumber rujukan dalam kehidupan kerana mempercayai al-Quran merupakan pelengkap kepada kesempurnaan iman seseorang. Selain menjadi ibadah apabila membacanya, al-Quran juga sarat dengan rahsia dan hikmah yang tinggi dan hanya akan terungkai apabila setiap ayatnya *ditadabbur*³⁷.

Setiap perkara yang berlaku dalam kehidupan seharian seperti aktiviti keusahawanan dan urusan perniagaan telah diterangkan dalam al-Quran. Malah, perinciannya juga telah dijelaskan melalui hadis-hadis Nabi S.A.W. Al-Quran bukan sahaja menyatakan aktiviti komersial secara umum, tetapi turut menjelaskan kriteria-kriteria keusahawanan dan perniagaan yang diharuskan dalam kehidupan seorang Muslim. Penjelasan tersebut merangkumi aktiviti-aktiviti yang boleh dan tidak boleh dilakukan sebagai seorang usahawan, panduan dalam jual beli, sewa-menyewa dan hutang-piutang. Bahkan, al-Quran turut menceritakan bidang-bidang keusahawanan yang telah diusahakan oleh umat terdahulu sejak zaman Nabi Adam a.s dan nabi-nabi selepas baginda.

Kesimpulannya, dengan menjadikan al-Quran sebagai panduan hidup, setiap aspek kehidupan akan menjadi lebih teratur dan diberkati Allah S.W.T. Al-Quran akan bertindak sebagai petunjuk kepada kebenaran dan menjadi perisai dalam menangani setiap permasalahan yang menguji seperti keruntuhan moral, penyalahgunaan kuasa, perlakuan riba dan rasuah.

³⁷ Ibnu Kathir mentafsirkan kata *tadabbur* sebagai memahami makna lafaz-lafaz al-Quran dan memikirkan segala yang ayat-ayat al-Quran tunjukkan tatkala tersusun dan segala yang terkandung di dalamnya, serta segala yang menjadikan makna-makna al-Quran itu sempurna, daripada segala isyarat dan peringatan yang tidak nampak dalam lafaznya, serta pengambilan manfaat oleh hati dengan tunduk di hadapan nasihat-nasihat al-Quran, patuh terhadap perintah-perintahnya, serta pengambilan ibrah/pengajaran darinya (Hashim Ali al-Ahdal, 2009. *Ta'limu Tadabbur al-Quran al-Karim*, hlm. 11).

4.3.2 Syariah

Dalam Islam, setiap perkara yang dilakukan perlu selari dengan landasan syariah yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T, termasuk aktiviti keusahawanan. Biarpun banyak pihak salah tanggap terhadap pengamalan agama di mana mereka melihat agama hanya berkait rapat dengan ibadah khusus seperti solat dan puasa, tetapi harus difahami bahawa melakukan aktiviti keusahawanan juga boleh menjadi ibadah jika mengikut panduan syarak.

i. Memelihara Ibadat Khusus

Sebagai seorang usahawan Muslim, kesibukan menguruskan perniagaan atau syarikat seharusnya tidak menjadi halangan untuk tetap mentaati perintah Allah S.W.T. Perkara paling utama yang perlu dipelihara adalah tetap melaksanakan ibadat khusus seperti solat, puasa, zakat dan haji.

Solat fardu lima kali setiap hari merupakan satu tanggungjawab yang tidak boleh diabaikan sama sekali. Seorang usahawan Muslim mesti mendirikan solat lima waktu tepat pada masanya. Solat merupakan kunci kepada segala bentuk kejayaan. Firman Allah S.W.T, maksudnya:

“Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman, (iaitu) orang-orang yang khusyuk dalam solatnya.”
(Surah *al-Mu'minun*, (23): 1-2)

Allah S.W.T menjanjikan kejayaan sebenar kepada *mukmin* yang menunaikan solat dengan khusyuk. Rasulullah S.A.W juga menyatakan, solat bertindak sebagai kayu pengukur yang membezakan seseorang sama ada taat atau kufur. Baginda bersabda, maksudnya:

“Sesungguhnya batas pemisah antara seseorang dengan kekafiran adalah solat.”³⁸

Kedudukan solat fardu adalah terlalu tinggi sehingga ia menjadi medium yang membezakan antara seorang Muslim dengan bukan Muslim. Seorang usahawan Muslim yang sanggup meninggalkan solat ketika sibuk berniaga memberi gambaran yang jelas bahawa mereka masih tidak faham matlamat hidup yang sebenar iaitu mencari keredaan Allah S.W.T dan keuntungan di akhirat hasil pelaburan di dunia. Usahawan yang mengharapkan keberkatan dan keredaan Allah S.W.T serta rasul-Nya perlulah menjaga solat fardu tidak kira sama ada ketika senang, susah, mahupun sibuk. Meluangkan waktu untuk menunaikan solat juga merupakan satu pelaburan dengan Allah S.W.T yang pastinya menjanjikan keuntungan yang besar.

Seterusnya, berpuasa di bulan Ramadhan. Pada bulan tersebut, pintu-pintu perniagaan dan keuntungan seakan-akan terbuka luas. Malah, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa bulan Ramadhan merupakan ‘lubuk emas’ bagi setiap usahawan. Namun, kesibukan berniaga pada bulan Ramadhan membuatkan usahawan berhadapan dengan risiko tidak berpuasa dengan alasan terlalu letih. Sedangkan sepanjang tempoh berpuasa merupakan tempoh waktu mustajab doa. Puasa mendidik nafsu agar tunduk kepada perintah Allah S.W.T. Melalui puasa, seorang usahawan mampu untuk mendidik dirinya menjadi seorang yang penyabar, memahami erti kesusahan manusia lain dan tidak mementingkan diri.

Puasa juga menyuburkan keikhlasan dalam jiwa (Mohd Asri Zainal Abidin, 2012). Lantas puasa membentuk rasa khusyuk yang luar biasa dan mendorong doa orang

³⁸ Muslim, *Kitab Al-Iman, Bab Bayan Itlaq Ism Al-Kufr ‘Ala Man Taraka Al-Solah*, no: 82. Hadis ini diriwayatkan oleh Jabir bin Abdullah r.a.

yang berpuasa dimustajabkan. Usahawan Melayu yang bijak akan merebut peluang ini untuk perbanyakkan doa agar aktiviti komersial yang diceburi mendatangkan keuntungan di dunia dan di akhirat. Bahkan, galakan untuk berdoa ketika berpuasa telah dirakamkan dalam hadis Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

Ada tiga golongan yang tidak tertolak doa mereka, iaitu orang yang berpuasa saat berbuka, imam atau pemimpin yang adil dan doa daripada orang teraniaya. Doanya itu dinaikkan Allah menembus awan dan dibukakan baginya pintu-pintu langit, serta Allah berfirman kepadanya: "Demi kemuliaan-Ku, akan Kutolong engkau walau di belakang nanti".³⁹

Seorang usahawan Muslim tidak sepatutnya menggunakan alasan terlalu letih menjalankan aktiviti keusahawanan sebagai sebab untuk mereka tidak berpuasa. Sepertimana seorang usahawan inginkan setiap pekerjaanya menuruti setiap arahannya tanpa sebarang rungutan, begitu juga seorang hamba perlu mentaati perintah Penciptanya tanpa mengingkari satu pun suruhan-Nya. Allah S.W.T merupakan pemilik dunia dan Dia juga penentu kejayaan setiap hamba-Nya.

Selain itu, menunaikan zakat diwajibkan ke atas setiap Muslim apabila memenuhi syarat-syarat tertentu. Manfaat berzakat sangat besar, merangkumi diri usahawan sendiri, warga miskin dan pembangunan sesebuah negara. Secara umumnya, fungsi zakat adalah untuk mengawasi perkembangan pendapatan individu agar tidak melebihi pertimbangan keadilan sesama manusia selain memastikan perkembangan harta dapat dimanfaatkan untuk kecukupan diri dan semua manusia (Mohd Adib Abd Muin *et al.*, 2015). Tanda seseorang usahawan bersyukur dengan segala yang

³⁹ Al-Tirmizi, *Kitab Sifat Al-Jannah, Bab Ma Jaa Fi Sifat Al-Jannah Wa Na'imiha*, no:2525, 3598. Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a dengan sanad yang *hasan*. Hadis ini turut terdapat dalam *Sunan Ibnu Majah* (1752).

dimilikinya adalah dengan berzakat kerana zakat adalah satu proses penyucian harta dan jiwa.

Rasulullah S.A.W berpesan dalam sabda baginda yang bermaksud:

*Dari Ibnu Abbas r.a bahawasanya Nabi Muhammad S.A.W mengutuskan Muadz ke Yaman dan baginda bersabda: "Serulah mereka untuk menyaksikan bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan sesungguhnya aku adalah utusan Allah. Sekiranya mereka mentaati perkara itu, ajarkanlah mereka bahawa Allah telah mewajibkan solat lima waktu setiap sehari semalam. Jika mereka mentaatinya maka ajarkanlah kepada mereka bahawa Allah S.W.T mewajibkan ke atas mereka sedekah (zakat) yang diambil daripada orang kaya dan diberikan kepada orang miskin dalam kalangan mereka. Jika mereka telah mengikuti, maka berhati-hatilah terhadap kekayaan yang mereka anggap mulia."*⁴⁰

Kewajipan zakat menjadi lambang keadilan ekonomi Islam dengan memberi jaminan pengagihan kekayaan secara adil dan amanah (Mohd Adib Abd Muin *et al.*, 2015). Agihan zakat yang sempurna akan memberi kesan secara langsung kepada keseimbangan pengagihan kekayaan dalam masyarakat. Ini bertepatan dengan maksud perkataan zakat itu sendiri iaitu menambah, menyubur, menyuci dan mendamaikan (Al-'Ayni, 1972) serta bersifat memberi perhatian kepada pembangunan sosio-ekonomi. Kesimpulannya, usahawan yang berzakat akan mendapat lima manfaat daripadanya. Zakat dapat membersihkan harta usahawan, menghapuskan segala keburukan yang terdapat pada harta, menjemput keberkatan rezeki, mendidik usahawan untuk sentiasa bersyukur dan berfungsi sebagai medan menjana pahala.

⁴⁰ Al-Bukhari, *Kitab Al-Zakah, Bab Wujub Al-Zakah*, no: 1458, 1395, 1496, 4347, 7372. Hadis ini diriwayatkan oleh Abdullah ibn Abbas r.a. Hadis ini juga terdapat dalam *Sahih Muslim* (21), *Jami' Al-Tirmizi* (625), *Sunan Abi Daud* (1584).

Selain itu, ibadah haji merupakan ibadah yang memerlukan seseorang Muslim mempunyai kemampuan dalam dua aspek iaitu fizikal dan kewangan. Menunaikan haji hanya diwajibkan sekali seumur hidup kepada setiap Muslim memandangkan ia memerlukan komitmen yang sangat besar untuk melaksanakannya. Kedudukan haji juga terlalu hampir dengan jihad kerana kebanyakan dalil tentang haji sama ada daripada ayat al-Quran mahupun hadis Nabi S.A.W adalah selepas perkataan jihad. Oleh itu, haji adalah satu bentuk jihad kerana Allah S.W.T berdasarkan hadis yang bermaksud:

Aishah r.a berkata: "Wahai Rasulullah, kami memandang bahawa jihad adalah amalan yang paling afdhal. Apakah bererti kami harus berjihad?". Rasulullah menjawab: "Tidak. Jihad yang paling utama adalah haji mabrur."⁴¹

Dalam hadis lain, maksudnya:

Rasulullah ditanya tentang suatu amal yang terbaik, maka baginda S.A.W menjawab: "Iman kepada Allah S.W.T dan Rasul-Nya", orang tersebut pun kembali bertanya "kemudian apa?", baginda menjawab: "Jihad di jalan Allah", orang tersebut kembali bertanya. "kemudian apa?", baginda menjawab: "Haji yang mabrur".⁴²

Hadis-hadis di atas menjelaskan bahawa menunaikan haji mempunyai manfaat yang sangat besar. Namun begitu, tidak semua Muslim berkemampuan untuk melaksanakannya terutamanya apabila melibatkan faktor kewangan. Justeru, setiap usahawan harus bersyukur dengan nikmat harta yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T dengan menginfakkannya untuk menunaikan ibadah haji. Allah S.W.T juga memberi kepastian bahawa sesiapa yang berhaji dan berumrah akan diselamatkan

⁴¹ Al-Bukhari, *Kitab Al-Jihad Wa Al-Siyar, Bab Fadhl Al-Jihad Wa Al-Siyar*, no: 2784.

⁴² Al-Bukhari, *Kitab Al-Iman, Bab Al-Haya' Min Al-Iman*, no: 26, 1519.

Muslim, *Kitab Al-Iman, Bab Bayan Kawn Al-Iman Billah Ta'ala*, no: 261. Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a.

daripada kemiskinan dan dihapuskan segala dosa sepertimana sabda Rasulullah S.A.W, maksudnya:

“Ikutkanlah umrah kepada haji, kerana kedua-duanya menghilangkan kemiskinan dan dosa-dosa sebagaimana pembakaran menghilangkan karat pada besi, emas dan perak. Sementara tidak ada pahala bagi haji yang mabrur kecuali syurga.”⁴³

Berdasarkan hadis di atas, Allah S.W.T juga menjanjikan syurga kepada setiap Muslim yang mendapat haji mabrur. Untuk tujuan itu, setiap jemaah perlu mengerjakan haji dengan ikhlas, menghindarkan diri daripada berbuat dosa dan memperbanyakkan amalan kebajikan.

ii. Bersih Daripada Riba

Allah S.W.T mengharamkan riba dan terdapat banyak dalil pengharamannya di dalam al-Quran dan hadis Nabi S.A.W. Allah S.W.T berfirman, maksudnya:

“Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan tinggalkan sisa-sisa (dari berbagai jenis) riba jika kamu orang-orang yang beriman. Maka jika kamu tidak mengerjakan (meninggalkan sisa riba) maka ketahuilah, bahawa Allah dan rasul-Nya akan memerangimu. Dan jika kamu bertaubat (dari pengambilan riba), maka bagimu pokok hartamu; kamu tidak menganiaya dan tidak pula dianiaya.”

(Surah al-Baqarah, (2): 278-279)

Selain itu, Rasulullah S.A.W turut bersabda yang bermaksud:

“Jauhilah tujuh perkara yang membinasakan. Para sahabat bertanya: “Wahai Rasulullah, apakah tujuh perkara itu?, Baginda S.A.W berkata: “Syirik kepada Allah, sihir, membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah kecuali dengan sebab yang dibenarkan agama, memakan riba, memakan harta anak yatim, membelot dalam peperangan, melontarkan

⁴³ Al-Tirmizi, *Kitab Al-Hajj, Bab Ma Jaa Fi Al-Hajj Wa Al-'Umrah*, no: 810. Hadis ini diriwayatkan oleh Abdullah ibn Mas'ud r.a. Hadis ini juga terdapat dalam *Sunan Al-Nasaie* (2631). Al-Albani mengklasifikasikan hadis ini sebagai 'Hasan sahih'.

tuduhan zina kepada wanita yang terjaga kehormatannya, yang beriman yang tidak tahu-menahu dengannya.”⁴⁴

Perbuatan riba tidak dilarang dengan dalil-dalil pengharaman semata-mata, bahkan Rasulullah S.A.W melaknat perbuatan tersebut berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Jabir bin Abdullah r.a yang bermaksud:

*“Rasulullah mengutuk orang yang menerima riba, orang yang membayarnya dan orang yang mencatatnya dan dua orang saksinya, kemudian baginda bersabda: “Mereka itu semuanya sama.”*⁴⁵

Pengamalan riba akan menyebabkan hilangnya keberkatan pada rezeki seseorang. Usahawan yang mengamalkan riba akan sentiasa berasa tidak puas dengan kemewahan yang dimiliki. Mereka merasakan kekayaan yang dikecapi pada ketika itu masih belum cukup untuk menampung kehidupan seharian dan akan datang. Sedangkan Islam telah menjanjikan keuntungan yang sebenar kepada usahawan yang menjauhi riba dan bertakwa kepada Allah S.W.T sepertimana firman-Nya yang bermaksud:

“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memakan riba dengan berlipat-ganda dan bertakwalah kamu kepada Allah supaya kamu mendapat kejayaan (keberuntungan).”

(Surah Ali Imran, (3): 130)

iii. Bebas Daripada Rasuah

Rasuah adalah haram walaupun terdapat segelintir pihak yang beranggapan rasuah atau lebih dikenali dengan ‘duit kopi’, ‘duit *under table*’ atau hadiah sebagai sesuatu yang wajib dalam dunia perniagaan. Abdul Muhaimin Mahmood (2010) mendapati, kebanyakan usahawan mempercayai bahawa rasuah sangat membantu dalam proses

⁴⁴ Al-Bukhari, *Kitab Al-Wasaya, Bab Al-Isyhad Fi Al-Waqf Wa Al-Sadaqah*, no: 2767. Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. Hadis ini juga terdapat dalam *Sahih Muslim* (91).

⁴⁵ Muslim, *Kitab Al-Musaqah, Bab La'ani Akili Al-Riba Wa Mu'kilah*, no: 715.

mendapatkan projek dan peluang perniagaan yang lebih luas, melancarkan perjalanan projek serta memudahkan ‘*after sale service*’ yang dijanjikan.

Dari pandangan mata kasar, rasuah kelihatan seperti membawa keuntungan dan membuka peluang kejayaan kerana segala urusan akan menjadi lebih mudah hanya dengan sedikit ‘hadiah’, tetapi hakikatnya rasuah menghakis keberkatan dalam perniagaan. Bahkan, Rasulullah S.A.W telah bersabda dalam sebuah hadis yang bermaksud:

*“Rasulullah melaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah.”*⁴⁶

Dalam *Sunan Ibnu Majah*, Rasulullah S.A.W bersabda, maksudnya:

*“Allah melaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah.”*⁴⁷

Justeru, seorang usahawan Muslim yang sejati sepatutnya menghindari perbuatan rasuah dalam setiap urusan yang dijalankan supaya beroleh keuntungan yang diberkati Allah S.W.T. Perbuatan ini jelas sekali mendapat laknat (dijanjikan kebinasaan dan kehinaan) daripada Allah S.W.T dan juga baginda Nabi S.A.W.

iv. Tidak Menipu dan Bersumpah Bagi Melariskan Produk

Dalam melariskan produk, pelbagai kaedah pemasaran digunakan termasuklah iklan yang menarik dan janji-janji tentang keberkesanan dan kebaikan produk yang dijual. Islam tidak melarang segala bentuk pemasaran tersebut selagi semua itu bersih

⁴⁶ Abu Daud, *Sunan Abi Daud, Kitab Al-Aqdhiah, Bab Fi Karahiyah Al-Rasywah*, no: 3580. Hadis ini diriwayatkan oleh Abdullah bin ‘Amru r.a.

⁴⁷ Ibnu Majah, *Kitab Al-Ahkam, Bab Al-Taghlidh Fi Al-Haifi Wa Al-Rasywah*, no: 2313. Hadis ini diriwayatkan oleh Abdullah bin ‘Amru r.a.

daripada unsur penipuan. Rasulullah S.A.W telah memberi kecaman kepada peniaga yang menipu melalui sebuah hadis yang bermaksud:

Rasulullah S.A.W telah melalui satu timbunan makanan (yang dijual) seraya memasukkan tangannya ke dalam timbunan makanan tersebut dan mendapati jari-jemari baginda basah. Rasulullah bersabda: "Apakah semua ini wahai pemilik makanan?" Lelaki itu menjawab: "Makanan ini telah ditimpa hujan wahai Rasulullah S.A.W." Seraya Rasulullah bersabda: "Kenapa tidak kamu letakkan yang basah itu di sebelah atas makanan agar manusia dapat melihatnya, barang siapa yang menipu maka dia bukan daripada agamaku (yang sempurna)." ⁴⁸

Perbuatan menipu akan merosakkan hubungan muamalah dan mengakibatkan hilang kepercayaan antara pelanggan dengan usahawan. Menyembunyikan kerosakan barang jualan daripada pengetahuan pelanggan adalah termasuk dalam kategori menipu. Bagi menjelaskan perkara ini dengan lebih terperinci, Rasulullah S.A.W bersabda, maksudnya:

"Sesama Muslim adalah bersaudara. Oleh kerana itu, seseorang tidak boleh menjual barang yang mempunyai kecacatan kepada saudaranya tanpa menjelaskan tentang kecacatan tersebut." ⁴⁹

Selain itu, terdapat usahawan yang bersumpah tentang kelebihan produk semata-mata untuk melariskan jualan sedangkan pada dasarnya produk tersebut adalah tiruan, mengandungi bahan-bahan yang terlarang, memudaratkan dan sebagainya. Malah, terdapat peniaga yang bersumpah dengan menyatakan barangan dijual dengan harga modal sahaja sedangkan keuntungan berlipat ganda telah diambil daripada jualan tersebut. Perbuatan menyumpah sebegini adalah dilarang dalam aktiviti keusahawanan sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

⁴⁸ Muslim, *Kitab Al-Iman, Bab Qawli Al-Nabi S.A.W "Man Ghashshana Falaisa Minna"*, no:104. Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a.

⁴⁹ Ibnu Majah, *Kitab Al-Tijarat, Bab Man Ba'a 'Aiban Falyubayyinhu*, no: 2246. Hadis ini diriwayatkan oleh 'Uqbah bin 'Ameer r.a.

“Hati-hati kamu daripada banyak bersumpah dalam berniaga. Sesungguhnya banyak bersumpah dalam berniaga boleh melariskan barangan, tetapi ia akan menghilangkan keberkatan.”⁵⁰

Oleh itu, seorang usahawan Melayu Muslim yang beriman seharusnya mengelakkan daripada dua perkara tersebut dalam menjalankan aktiviti keusahawanan iaitu terlibat dalam penipuan dan banyak bersumpah demi keghairahan dengan tujuan mendapatkan keuntungan yang besar (Abdul Muhaimin Mahmood, 2010).

v. Memelihara *Maqasid Syariah*

Setiap ciptaan dan ketentuan Allah S.W.T pasti bersebab dan terdapat hikmah di sebalik segalanya. *Maqasid syariah* merujuk kepada setiap tujuan penciptaan syariat keseluruhannya dan hikmah dalam setiap hukum (Mahmood Zuhdi Abd Majid, 2012). Apabila Allah S.W.T mensyariatkan sesuatu hukum, tujuannya adalah untuk memelihara kemaslahatan manusia dengan membuka ruang-ruang manfaat kepada mereka dan mengangkat kemudharatan (Mohd Adib Abd Muin, Shuhairimi Abdullah & Azizan Bahari, 2015).

Matlamat keusahawanan dan *maqasid syariah* adalah selari iaitu untuk beroleh keredaan Allah S.W.T. Islam tidak pernah menghalang umatnya untuk memiliki harta kekayaan. Kekayaan juga bukan penghalang kepada seseorang daripada beroleh petunjuk dan syurga Allah S.W.T. Seorang sahabat Nabi S.A.W iaitu Abdul Rahman bin Auf r.a adalah bukti seorang usahawan yang tersangat kaya pada zaman tersebut yang dijamin syurga oleh Allah S.W.T. Aktiviti keusahawanan yang berpaksikan *maqasid syariah* akan menghasilkan kesan yang positif, sama ada dari segi

⁵⁰ Muslim, *Kitab Al-Musaqah, Bab Al-Nahyi ‘An Al-Halfi Fi Al-Bay’i*, no: 1608. Hadis ini mempunyai dua jalan periwayatan iaitu daripada Abu Hurairah r.a. dan Abu Qatadah al-Ansari r.a.

keuntungan perniagaan mahupun mencapai keredaan Allah S.W.T (Asyaf Wajdi Dusuki, 2009; Ahmed, Habib, 2011; dan Mohd Adib Abd Muin *et al.*, 2015).

Maqasid syariah di dalam keusahawanan akan memberi jaminan ‘win-win situation’ kepada kedua-dua belah pihak iaitu antara usahawan dan pelanggan. ‘Win-win situation’ dalam situasi ini bermaksud usahawan mendapat keuntungan daripada perusahaannya, manakala pelanggan beroleh keuntungan dengan mendapatkan semua keperluan dengan harga dan kualiti yang sepatutnya. Perkara ini juga dapat mengelakkan berlakunya penindasan dalam aktiviti komersial. Rasulullah S.A.W pernah melarang peniaga menjual sesuatu yang tidak jelas atau *gharar*⁵¹ kerana dikhuatiri berlaku penipuan terhadap pembeli setelah membuat pembayaran. Dalam sebuah hadis Rasulullah S.A.W melarang jual beli yang tidak pasti, maksudnya:

“Nabi melarang menjual anak unta yang masih berada dalam perut unta”⁵²

Objektif utama keusahawanan dalam Islam adalah mencari keuntungan yang diberkati Allah S.W.T yang digunakan untuk diri, keluarga dan kebaktian kepada agama serta ummah. Dasar *maqasid syariah* pula adalah menjamin keselamatan agama, jiwa, keturunan, akal dan harta. Oleh itu, perlaksanaan keusahawanan berasaskan sunnah Rasulullah S.A.W yang berpaksikan *maqasid syariah* adalah satu anjakan paradigma yang sangat relevan dan tepat dalam dunia keusahawanan hari ini.

⁵¹ *Gharar* adalah tiada kepastian bagi sesuatu barangan sama ada dari segi bentuk, kualiti atau kuantiti. Contoh jual beli *gharar* ialah menjual ikan yang masih berada di lautan atau menjual burung yang masih berterbangan di udara.

⁵² (*Muttafaqun ‘alaih*) Hadis diriwayatkan oleh Abdullah bin ‘Amru. Al-Bukhari, *Kitabal-Buyu*, Bab Bay’i Al-Gharar Wa Habali Al-Habalati, no: 2143. Muslim, *Kitab Al-Buyu*, Bab Tahrim Bay’i Habali Al-Habalati, no: 1412.

4.3.3 Akhlak

Dalam setiap perkara yang dilakukan, Rasulullah S.A.W adalah contoh terbaik. Rasulullah S.A.W adalah usahawan yang sangat berjaya dan cekap dalam perniagaan. Setiap kawan dan lawan baginda kagum dengan akhlak yang dipamerkan oleh baginda. Sebagai seorang usahawan, akhlak sangat berperanan dalam menarik minat pelanggan dan juga rakan kongsi untuk bekerjasama. Tidak mungkin seorang usahawan yang angkuh akan bertahan lama dengan kejayaan yang diperoleh. Berikut adalah akhlak dan sikap yang Rasulullah S.A.W tonjolkan dan ajarkan kepada para sahabat r.a.

i. **Siddiq (Benar dan Jujur)**

Sebagai usahawan Muslim, aktiviti keusahawanan yang dijalankan seharusnya berasaskan sunnah Rasulullah S.A.W. Mohd Faisol Ibrahim *et al.* (2008) menyatakan, seseorang usahawan hendaklah menjadikan sifat-sifat Nabi Muhammad S.A.W sebagai panduan dalam setiap aktiviti komersial. Sifat yang pertama ialah *siddiq* atau benar. Seorang usahawan yang hebat tidak sepatutnya menipu atau berniat untuk menipu semata-mata untuk kepentingan perniagaan. Islam melarang keras perniagaan yang tidak jujur seperti mengurangkan timbangan, memalsukan status produk, mengkhianati perjanjian dan lain-lain lagi. Allah S.W.T berfirman, maksudnya:

“Kecelakaan besarlah bagi orang-orang yang curang (menipu dalam timbangan dan sukatan), (yaitu) orang-orang yang apabila menerima sukatan daripada orang lain mereka minta dipenuhi dan apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka mengurangi. Tidakkah mereka itu menyangka bahawa sesungguhnya mereka akan dibangkitkan pada suatu hari yang besar (huru-hara), (yaitu) hari (ketika) manusia berdiri menghadap Tuhan semesta alam?”

(Surah *al-Mutaffifin*, (83): 1-6)

Galakan untuk berlaku benar dan jujur dalam keusahawanan dinyatakan oleh Rasulullah S.A.W dalam sepotong hadis yang bermaksud:

*“Sesungguhnya para pedagang (pengusaha) akan dibangkitkan pada hari kiamat sebagai para penjahat kecuali pedagang yang bertakwa kepada Allah S.W.T, berbuat baik dan jujur.”*⁵³

ii. Amanah

Amanah sangat sinonim dengan integriti. Dunia komersial memerlukan usahawan yang berintegriti dan amanah untuk menguruskannya. Usahawan yang beriman perlu amanah dalam melaksanakan aktiviti keusahawanan dan percaya dengan konsep *ihsan*, iaitu melakukan sesuatu perkara seolah-olah sedang melihat Allah S.W.T atau yakin bahawa Allah S.W.T sedang melihat setiap perkara yang dilakukan (Mohd Adib Abd Muin *et al.*, 2015). Beramanah dalam setiap urusan akan menjadikan usahawan mendapat kepercayaan daripada pelbagai pihak.

Larangan mengkhianati amanah terakam dalam firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul (Muhammad S.A.W) dan (juga) janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah yang dipercayakan kepadamu, sedang kamu mengetahui.

(Surah *al-Anfal*, (8): 27)

Salah satu bentuk pengkhianatan amanah adalah apabila peniaga menyembunyikan barang jualan dengan tujuan meningkatkan permintaan. Apabila permintaan tinggi, peniaga mula menaikkan harga berlipat kali ganda untuk mengaut keuntungan dengan mudah. Islam menegah perbuatan sebegini dan perbuatan ini juga mengundang

⁵³ Al-Tirmizi, *Kitab Al-Buyu'*, Bab *Ma Jaa Fi Al-Tujjar Wa Tasmiyatu Al-Nabi S.A.W Iyyahum*, no:1210. Hadis ini diriwayatkan oleh Rafi' bin Malik r.a dan Abu Isa menyatakan bahawa hadis ini berstatus '*Hasan Sahih*'.

kemurkaan Allah S.W.T. Sifat ini menjadi penentu kepada jatuh bangun sesebuah perniagaan yang diusahakan dan penyebab untuk mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T. Rasulullah S.A.W menyarankan para peniaga untuk bersifat amanah dengan menyatakan ganjaran yang mulia melalui sabda baginda yang bermaksud:

*“Peniaga yang benar dan amanah bersama dengan para nabi, siddiqin dan golongan mati syahid.”*⁵⁴

iii. **Tabligh (Menyampaikan Dengan Ikhlas)**

Konsep *tabligh* atau menyampaikan sesuatu dengan ikhlas adalah sangat dituntut dalam dunia keusahawanan. Konsep ini perlu diterapkan di awal penubuhan syarikat perusahaan dan diteruskan sehingga fasa pemasaran. Mengambil pendekatan *tabligh* dalam menjelaskan setiap perincian produk seperti bahan-bahan yang digunakan, kualiti dan lain-lain dengan tepat adalah satu kemestian. Mohd Adib Abd Muin *et al.* (2015) berpendapat, usahawan yang berjaya perlu menyampaikan sesuatu maklumat tentang produk mereka secara telus. Mempraktikkan konsep *tabligh* dalam pemasaran perlu berlandaskan kepada dua aspek iaitu *ta'awun* (bekerjasama) dan ikhlas (Mohd Faisol Ibrahim *et al.*, 2008). Allah S.W.T berfirman, maksudnya:

“... Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwalah kamu kepada Allah. Sesungguhnya Allah amat berat seksa-Nya.”

(Surah *al-Maidah*, (5): 2)

Oleh yang demikian, usahawan Muslim yang beriman perlu menggunakan pendekatan pemasaran yang Islami melalui contoh teladan sunnah Rasulullah S.A.W. Setiap yang

⁵⁴ Al-Tirmizi, *Kitab Al-Buyu'*, Bab *Ma Jaa Fi Al-Tujjar Wa Tasmiyat Al-Nabi S.A.W Iyyahum*, no:1209. Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Sa'id al-Khudri dan berstatus '*Hasan*'.

disampaikan dalam bentuk lisan mahupun bertulis tentang produk yang dikeluarkan mestilah benar dan telus.

iv. ***Fathanah (Bijaksana)***

Rasulullah S.A.W merupakan seorang usahawan yang bijak. Kebijaksanaan baginda mengurus perdagangan sehingga digeruni oleh para pesaing turut dicontohi oleh para sahabat r.a. Dunia keusahawanan yang mencabar memerlukan ahlinya untuk memiliki kebijaksanaan dalam segala aspek. Bijak untuk berhadapan dengan setiap cabaran, mengawal emosi, menyusun strategi perniagaan dan bijak mengurus hal dunia tanpa mengabaikan urusan akhirat. Mohd Faisol Ibrahim *et al.* (2008) menyatakan, seorang usahawan Muslim perlu bijak menguruskan urusan dunia dan akhirat, berfikiran positif, bijak memasarkan produk dan sedar bahawa bidang keusahawanan tidak menjanjikan keuntungan semata-mata, tetapi untung dan rugi merupakan lumrah perniagaan. Oleh itu, usahawan perlu bijak membezakan halal dan haram dalam setiap aktiviti keusahawanan agar setiap keuntungan yang diperoleh merupakan keuntungan yang bersih dan diberkati Allah S.W.T. Islam tidak mengiktiraf harta dan kekayaan hasil daripada jalan yang salah seperti rasuah. Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“Dan jangan kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian daripada harta manusia dengan (berbuat dosa) padahal kamu mengetahuinya (salahnya).”

(Surah al-Baqarah, (2): 188)

Usahawan berjaya perlu bijak dalam menguruskan keuntungan yang diperoleh supaya keuntungan yang tersebut tidak hanya memberi kepuasan di dunia, tetapi memberi manfaat di akhirat nanti. Mereka sepatutnya memperbanyakkan aktiviti yang

mempunyai nilai-nilai murni dan aktiviti keusahawanan sosial (Mohd Adib Abd Muin *et al.*, 2015).

v. Bekerjasama dan Toleransi

Kerjasama yang baik akan meluaskan jaringan sosial dan memberi kesan positif kepada aktiviti ekonomi. Sikap toleransi harus ditonjolkan dalam setiap aktiviti keusahawanan. Toleransi bukan sahaja mententeramkan hati pelanggan serta rakan usahasama, malah mereka yang bertoleransi dalam urusan jual beli telah dijanjikan oleh Allah S.W.T untuk mendapat rahmat-Nya. Rasulullah S.A.W bersabda, maksudnya:

“Semoga Allah merahmati seseorang yang sentiasa bertoleransi ketika menjual, membeli dan menuntut haknya.”⁵⁵

Rasulullah S.A.W bukan sahaja mengajar manusia bagaimana untuk mengabdikan diri kepada Allah S.W.T dalam bentuk ibadah khusus, malah Rasulullah S.A.W juga adalah contoh terbaik dalam urusan muamalah. Akhlak mulia yang dimiliki baginda S.A.W sebenarnya telah berjaya membeli jiwa semua orang untuk berurusan dan bekerjasama dalam aktiviti komersial dengan baginda.

Justeru, setiap usahawan Muslim mestilah mencontohi akhlak Rasulullah S.A.W. Mereka perlu berusaha untuk mengikut sunnah baginda dalam setiap aktiviti. Sikap tersebut akan mendorong usahawan untuk lebih kuat berikhtiar mencari keuntungan duniawi dan memperbanyakkan pahala. Hasilnya, beroleh keuntungan harta dan ketenangan jiwa di dunia serta mendapat kejayaan (*al-falah*) di akhirat.

⁵⁵ Al-Bukhari, *Kitab Al-Buyu'*, Bab *Al-Suhulah Wa Al-Samahah Fi Al Syira' Wa Al-Bay'*, no:1934. Hadis ini diriwayatkan oleh Jabir bin Abdullah r.a.

4.4 Tahap Pengamalan Keusahawanan Yang Berasaskan Sunnah Dalam Kalangan Usahawan Melayu

Kajian tahap pengamalan keusahawanan berasaskan sunnah Rasulullah S.A.W melibatkan 268 orang usahawan Melayu yang menjalankan aktiviti komersial di 12 buah daerah di negeri Kedah.

Responden terdiri daripada usahawan-usahawan Melayu yang mendapatkan bantuan pembiayaan kewangan daripada pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA) negeri Kedah antara tahun 2008 hingga 2010. Nilai pembiayaan kewangan tersebut tidak lebih daripada RM10,000.00.

4.4.1 Maklumat Deskriptif Responden

Seramai 268 usahawan telah terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Daripada jumlah tersebut, 107 responden merupakan usahawan lelaki (39.9%) manakala 161 lagi merupakan usahawan wanita (60.1%). Jika dilihat kepada lingkungan umur responden, bilangan usahawan yang berumur 20 hingga 30 tahun dengan bilangan usahawan yang berumur 31 hingga 40 tahun tidak jauh berbeza iaitu masing-masing 76 orang (28.3%) dan 75 orang (28.0%). Usahawan yang berusia 41 hingga 50 tahun pula seramai 67 orang (25.0%), 51 hingga 60 tahun seramai 42 orang (15.7%) dan usahawan yang berumur 61 tahun ke atas hanya 8 orang (3.0%). Majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini berstatus berkahwin iaitu seramai 196 orang (73.1%), diikuti oleh mereka belum berkahwin seramai 56 orang (20.9%), mereka yang berstatus balu atau duda pula seramai 11 orang (4.1%) dan bilangan yang paling sedikit adalah mereka yang bercerai iaitu seramai 5 orang (1.9%).

Jika melihat kepada tahap pendidikan tertinggi, daripada 268 orang responden yang terlibat dalam kajian ini, seramai 134 orang (50.0%) usahawan merupakan berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau *Malaysian Certificate of Education* (MCE), 42 orang (15.7%) berkelulusan Diploma, 29 orang (10.8%) berkelulusan Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau setaraf iaitu Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dan *Malaysia Lower Certificate of Education* (LCE), 20 orang berkelulusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau *Malaysian Higher School Certificate* (HSC), 18 orang (6.7%) sekadar menamatkan sekolah rendah, hanya 14 orang (5.2%) yang berkelulusan Sarjana Muda dan selebihnya iaitu 11 orang (4.1%) menamatkan pendidikan tertinggi dalam kategori lain-lain. Secara keseluruhannya, majoriti responden pernah mendapatkan pendidikan akademik secara formal.

Namun begitu, sebaliknya berlaku dalam pendidikan agama tertinggi responden. Kebanyakan responden sekadar mendalami ilmu agama di surau dan masjid dengan jumlah majoriti seramai 186 orang (69.4%). Kemudian diikuti dengan bilangan responden yang memperolehi Sijil Penilaian Menengah Rendah Ugama (PMRU) atau Sijil Menengah Rendah Agama (SMRA) iaitu seramai 22 orang (8.2%), berkelulusan agama dari universiti seramai 19 orang (7.1%), berpengajian pondok seramai 18 orang (6.7%) dan yang memperolehi Sijil Menengah Ugama (SMU) seramai 16 orang (6.0%). Bilangan responden yang paling sedikit adalah mereka yang mendapatkan pendidikan agama tertinggi di peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau Sijil Tinggi Ugama (STU) seramai 4 orang (1.5%) dan mereka yang mendapatkan pendidikan agama di peringkat syahadah atau 4 Thanawi seramai 3 orang (1.1%).

Jadual 4.1

Maklumat Deskriptif Personaliti Responden (n=268)

Kategori	Kekerapan	Peratus
<i>Jantina</i>		
Lelaki	107	39.9
Perempuan	161	60.1
Jumlah	268	100
<i>Umur</i>		
20 – 30 tahun	76	28.3
31 – 40 tahun	75	28.0
41 – 50 tahun	67	25.0
51 – 60 tahun	42	15.7
60 tahun ke atas	8	3.0
Jumlah	268	100
<i>Taraf Perkahwinan</i>		
Belum berkahwin	56	20.9
Berkahwin	196	73.1
Bercerai	5	1.9
Balu/duda	11	4.1
Jumlah	268	100
<i>Tahap Pendidikan</i>		
Sekolah rendah	18	6.7
PMR/SRP/LCE	29	10.8
SPM/MCE	134	50.0
STPM/HSC	20	7.5
Diploma	42	15.7
Sarjana muda	14	5.2
Lain-lain	11	4.1
Jumlah	268	100
<i>Pendidikan Agama</i>		
PMRU/SMRA	22	8.2
SMU	16	6.0
STAM/STU	4	1.5
Syahadah/4Thanawi	3	1.1
Universiti	19	7.1
Pondok	18	6.7
Surau/masjid	186	69.4
Jumlah	268	100

Dalam konteks pemilikan syarikat pula, majoriti responden memulakan perniagaan dengan inisiatif sendiri dan mempunyai perniagaan sendiri iaitu seramai 191 orang (71.3%), diikuti dengan responden yang menjalankan perniagaan milik keluarga iaitu seramai 31 orang (11.5%), lain-lain jenis pemilikan seramai 30 orang (11.2%) dan hanya sebilangan kecil responden yang menjalankan perniagaan yang berdaftar bawah akta syarikat iaitu seramai 16 orang (6.0%).

Daripada jumlah 268 responden tersebut, seramai 77 orang (28.7%) terlibat dalam perniagaan makanan dan minuman, 68 orang (25.4%) terlibat dalam perniagaan kategori lain-lain, 55 orang (20.5%) melibatkan diri dalam perusahaan tekstil, 30 orang (11.2%) mengusahakan perniagaan peruncitan dan 16 orang (6.0%) menjalankan perniagaan dengan membaiki kenderaan. Tidak ramai responden yang melibatkan diri dengan perusahaan dalam bidang kejuruteraan iaitu hanya seramai 8 orang (2.9%). Jumlah ini diikuti oleh bilangan responden yang mengusahakan perniagaan berkaitan kayu, rotan dan buluh serta perusahaan dalam bidang pertukangan dengan kedua-duanya berkongsi jumlah yang sama iaitu seramai 5 orang (1.9%). Seterusnya, responden yang menjalankan perusahaan dobi dan dalam bidang lanskap masing-masing 3 orang (1.1%) dan 1 orang (0.4%).

Bagi tempoh perniagaan responden pula, majoriti responden (106 orang, 39.5%) masih baru dalam dunia keusahawanan yang mana usia perniagaan masih dalam lingkungan 1 hingga 5 tahun. Manakala responden yang berpengalaman selama 6 hingga 10 tahun pula adalah seramai 78 orang (29.1%), diikuti oleh tempoh perniagaan 11 hingga 15 tahun seramai 39 orang (14.6%) dan 16 hingga 20 tahun pula seramai 24 orang (9.0%). Responden yang berpengalaman lebih lama dalam bidang

keusahawanan adalah dalam jumlah yang kecil iaitu hanya 11 orang (4.1%) telah menjalankan perniagaan selama 21 hingga 25 tahun dan 10 orang (3.7%) berpengalaman lebih daripada 26 tahun.

Jadual 4.2

Maklumat Deskriptif Aktiviti Keusahawanan Responden (n=268)

Kategori	Kekerapan (n=268)	Peratus
<i>Pemilikan Syarikat</i>		
Sendiri	191	71.3
Milik keluarga	31	11.5
Akta syarikat	16	6.0
Lain-lain	30	11.2
Jumlah	268	100
<i>Jenis Perniagaan</i>		
Baiki kenderaan	16	6.0
Makanan/minuman	77	28.7
Tekstil	55	20.5
Kayu/rotan/buluh	5	1.9
Runcit	30	11.2
Kejuruteraan	8	2.9
Pertukangan	5	1.9
Lanskap	1	0.4
Dobi	3	1.1
Lain-lain	68	25.4
Jumlah	268	100
<i>Tempoh Perniagaan</i>		
1 – 5 tahun	106	39.5
6 – 10 tahun	78	29.1
11 – 15 tahun	39	14.6
16 – 20 tahun	24	9.0
21 – 25 tahun	11	4.1
26 tahun ke atas	10	3.7
Jumlah	268	100

4.4.2 Hubungan Antara Akidah, Syariah dan Akhlak

Hasil kajian mendapati, terdapat korelasi antara akidah, syariah dan akhlak yang telah dibentuk. Item-item yang terdapat dalam setiap perkara tersebut menunjukkan nilai korelasi positif. Lihat Jadual 4.3.

Jadual 4.3

Korelasi Perkara Akidah, Syariah dan Akhlak

Pembolehubah	1	2	3
Akidah (1)	.486**		
Syariah (2)		.619**	
Akhlak (3)			.526**

Dapatan tersebut selari dengan konsep keusahawanan berasaskan sunnah Rasulullah S.A.W yang menekankan kepada pegangan akidah yang benar, pelaksanaan syariah yang tepat dan mempunyai akhlak yang mulia.

4.4.3 Tahap Amalan Keusahawanan Yang Berasaskan Sunnah Rasulullah

S.A.W Dalam Kalangan Usahawan Melayu

Secara keseluruhannya, tahap amalan keusahawanan yang berasaskan sunnah Rasulullah S.A.W dalam kalangan usahawan Melayu adalah tinggi. Responden kajian juga faham tentang hadis yang menyatakan bahawa sembilan pintu daripada sepuluh pintu rezeki adalah melalui jalan perniagaan walaupun kebanyakan daripada mereka menjelaskan bahawa penglibatan mereka lebih kepada untuk mengukuhkan ekonomi diri dan keluarga. Tahap amalan yang menjadi pegangan mereka boleh dilihat melalui tiga perkara berikut:

i. Akidah

Aktiviti keusahawanan seharusnya bersandarkan kepada falsafah tauhid yang mana berpaksikan keimanan kepada keesaan Allah S.W.T (Nik Mustapha Nik Hassan, 2012). Dapatan kajian ini menunjukkan 99.6% responden meyakini Allah S.W.T bersifat Maha Melihat dan sentiasa mengawasi setiap perbuatan. Malah, 90.7% responden yakin bahawa setiap amalan yang dilakukan sama ada baik atau buruk akan dicatat oleh malaikat dan 98.5% daripada mereka percaya setiap amalan akan dihisab di akhirat kelak.

Selain itu, 98.1% responden menyatakan pendirian mereka menjadikan al-Quran sebagai panduan dalam menjalani aktiviti kehidupan seharian, manakala 75.4% daripada mereka sangat bersetuju bahawa setiap tindakan mereka dalam aktiviti perniagaan akan dinilai oleh Allah S.W.T. Lantas, mereka menjadi amat teliti dalam pengambilan bahan mentah atau bahan jualan daripada pembekal. Walaupun masih terdapat sebilangan kecil responden (0.8%) yang kurang bersetuju untuk tidak mengeluh dengan setiap pendapatan yang diperoleh setelah usaha keras dilakukan, tetapi majoriti responden (97%) menyatakan mereka bertawakal dalam setiap usaha yang dilakukan. Dalam 268 orang responden yang terlibat, 98.9% daripadanya percaya bahawa untung rugi dalam perniagaan adalah urusan Allah S.W.T. Lihat Jadual 4.4 di bawah:

Jadual 4.4

Peratus Mengikut Item Bagi Perkara Akidah (n=268)

	A1	A2	A3	A4	A5	A6	A7	A8	A9
	Peratus (%)								
1.Sangat Tidak Setuju	0	0.4	6.0	0	0	0	0	0.4	0
2.Tidak Setuju	0	1.9	1.1	0	0	0	0.7	0.4	0.4
3.Tidak Pasti	0.4	5.2	2.2	1.9	1.5	2.2	0.4	2.2	3.0
4.Setuju	10.8	25.0	12.3	16.4	12.7	32.5	23.5	30.2	21.3
5.Sangat Setuju	88.8	67.5	78.4	81.7	85.8	65.3	75.4	66.8	75.4

Dapatan kajian ini selari dengan kajian Solahuddin Abdul Hamid *et al.* (2015) yang mengkaji tahap penghayatan agama dalam kalangan usahawan Melayu yang diklasifikasikan sebagai berjaya oleh MARA negeri Kedah. Hasil kajian mendapati, terdapat hubungan yang signifikan antara tahap agama yang tinggi dengan kejayaan usahawan tersebut. Kajian tersebut juga menjelaskan, akidah sangat dititberatkan oleh Rasulullah S.A.W dalam membangunkan usahawan. Selepas berhijrah ke Madinah, baginda telah memecahkan monopoli berat sebelah Yahudi dalam bidang ekonomi dan meletakkan akidah sebagai teras bagi membangunkan sosioekonomi masyarakat Islam ketika itu. Dapatan tersebut adalah selari dengan rumusan Zulkiple Abd. Ghani dan Nor Salimah Abu Mansor (2005) berdasarkan pandangan Imam al-Ghazali bahawa pentingnya memahami dua kalimah syahadah dalam usaha mendukung sunnah Rasulullah S.A.W dan terhindar daripada ajaran yang menyimpang daripada Islam. Selain itu, dalam memperkasakan kerohanian seseorang, penekanan harus diberikan kepada elemen syariah dan ibadah. Dalam masa yang sama, keluhuran budi pekerti dan akhlak mulia merupakan elemen yang penting kerana ia adalah pantulan daripada jiwa yang baik.

Walau bagaimanapun, dapatan ini tidak selari dengan dapatan kajian Shuhairimi Abdullah (2008) yang mendapati segelintir premis milik usahawan Melayu masih menggunakan pelaris sebagai mekanisme untuk menarik pelanggan datang berkunjung ke kedai mereka serta menjana keuntungan dalam perniagaan yang dijalankan. Malah, ada juga yang menggunakan sihir untuk merosakkan perniagaan pesaing.

ii. Syariah

Dalam konteks syariah, dapatan kajian menunjukkan tahap pengamalan dalam kalangan responden berada pada tahap yang tinggi. Hasil kajian mendapati kebanyakan responden mengakui sentiasa mempamerkan identiti Islam ketika berniaga. Sebanyak 77.6% responden tidak bersetuju terhadap perbuatan tidak berlaku jujur dengan pelanggan semata-mata untuk melariskan jualan. Majoriti responden menjaga amalan wajib seperti solat (98.2%), puasa (98.9%), zakat (95.9%) dan menyimpan niat untuk ke Mekah sama ada untuk menunaikan ibadah umrah (88.8%) mahupun haji (92.6%). Terdapat responden yang mengasingkan keuntungan yang diperoleh khusus untuk menunaikan haji seawal mungkin kerana percaya adanya keberkatan dalam rezeki yang telah diniatkan untuk beribadah. Ab. Aziz Yusof (2010) menyatakan, matlamat utama dalam pelaksanaan keusahawanan Islam adalah membentuk spiritual usahawan yang sentiasa mencari keredaan Allah S.W.T.

Namun begitu, dapatan kajian turut mendapati bahawa isu halal dan haram dalam semua aspek aktiviti keusahawanan terutamanya dari segi modal perniagaan masih berada pada tahap sederhana. Walau bagaimanapun, 11.6% daripada kalangan responden menyatakan, sekiranya pinjaman daripada pemberi pinjaman tidak berlesen

lebih memudahkan urusan mereka, mereka sanggup untuk menerimanya. Seharusnya setiap usahawan sedar bahawa langkah pertama yang diambil adalah sangat penting untuk mencorakkan langkah yang akan datang. Sekiranya permulaan perniagaan adalah dengan sesuatu yang salah, adalah mustahil untuk mengharapkan perjalanan aktiviti komersial yang diusahakan beroleh keberkatan daripada Allah S.W.T.

Masih terdapat sebilangan kecil responden yang agak cuai dengan tanggungjawab sebagai seorang Muslim. 29.1% responden mengaku melewatkan atau meninggalkan solat sekiranya terpaksa kerana urusan perniagaan yang terlalu sibuk, 0.7% daripada mereka menyatakan tidak bersetuju untuk mengeluarkan zakat perniagaan sekiranya hasil keuntungan yang diperoleh adalah kecil dan 1.1% tidak bercadang untuk mempunyai simpanan haji dan umrah. Lihat Jadual 4.5. Ini mungkin kerana kefahaman responden yang masih cetek berkenaan halal haram serta keberkatan sesuatu perkara yang dilakukan. Dapatan ini juga selari dengan kajian Mohd Adib Abd Muin *et al.* (2014) yang menyatakan, pelaksanaan *maqasid syariah* dalam konteks keusahawanan adalah sangat dituntut bagi melahirkan usahawan yang bukan sahaja berjaya di dunia tetapi rezeki yang diperoleh diberkati oleh Allah S.W.T.

Jadual 4.5

Peratus Mengikut Item Bagi Perkara Syariah (n=268)

	B1	B2	B3	B4	B5	B6	B7	B8	B9
	Peratus (%)								
1.Sangat Tidak Setuju	0.4	0.4	0.7	0.4	0	0	34.7	50.7	49.6
2.Tidak Setuju	1.5	0.4	0.4	1.1	0.7	0	26.9	26.9	29.9
3.Tidak Pasti	0	0.4	6.3	9.7	3.4	3.7	9.3	9.7	9.0
4.Setuju	23.9	18.7	35.1	44.8	29.9	44.0	19.4	9.0	6.7
5.Sangat Setuju	74.3	80.2	57.5	44.0	66.0	52.2	9.7	3.7	4.9

iii. Akhlak

Hasil kajian mendapati, 87% responden mengakui bahawa pembiayaan kewangan yang diperoleh merupakan satu amanah dan tanggungjawab yang perlu diuruskan dengan baik. Justeru, 92.9% daripada responden menyatakan pendirian bahawa setiap bantuan kewangan yang berbentuk pinjaman akan diusahakan agar dapat dibayar mengikut jadual yang telah dipersetujui. Majoriti responden juga sangat menjaga hubungan baik dengan masyarakat sekeliling (97.0%) dan memberi layanan yang baik kepada setiap pelanggan (96.3%) kerana sikap yang baik akan memberi impak positif dalam aktiviti keusahawanan. Kajian juga menunjukkan 87.7% responden sangat menitik beratkan tentang kebersihan premis dan sekitarnya selain memastikan setiap barangan jualan berada pada kualiti yang baik. Dapatan ini selari dengan tasawur Islam yang menekankan personaliti usahawan berakhlak serta membentuk sikap dan daya penggerak positif kepada kemajuan perniagaan dari semua dimensi (Nik Mustapha Nik Hassan, 2012).

Selain itu, hasil kajian mendapati 79.9% responden sanggup untuk menghalalkan hutang pelanggan (dengan jumlah yang tidak terlalu besar) yang memiliki masalah kewangan dan menganggapnya sebagai satu bentuk sedekah. Sikap sebegini adalah sangat dituntut kerana banyak memberi sedekah adalah satu bentuk tanggungjawab sosial sebagai usahawan berjaya. Sebanyak 76.5% responden bersetuju untuk mencadangkan kepada pelanggan untuk membeli barangan yang sama daripada rakan usahawan yang lain, manakala 7.4% tidak bersetuju. Lihat Jadual 4.6 di bawah:

Jadual 4.6

Peratus Mengikut Item Bagi Perkara Akhlak (n=268)

	C1	C2	C3	C4	C5	C6	C7	C8	C9	C10	C11	C12	C13	C14
	Peratus (%)													
1	7.8	0.7	0.4	0	0	1.1	0	3.7	0.7	0	2.6	3.7	1.1	0.7
2	2.6	6.3	4.5	0.4	0.4	4.1	1.1	2.6	3.0	0	3.4	9.0	6.3	8.2
3	2.6	0	0	2.6	3.4	17.9	11.6	6.0	14.2	2.6	14.2	9.0	16.0	22.4
4	28.0	36.2	41.0	35.4	31.7	41.4	51.1	48.5	46.3	45.9	47.4	42.5	38.1	41.0
5	59.0	56.7	54.1	61.6	64.6	35.4	36.2	39.2	35.8	51.5	32.5	35.8	38.4	27.6

*Kunci:

1 - Sangat Tidak Setuju

2 - Tidak Setuju

3 - Tidak Pasti

4 - Setuju

5 - Sangat Setuju


4.4.4 Perbincangan

Berdasarkan huraian sebelum ini, aktiviti keusahawanan yang berasaskan sunnah Rasulullah S.A.W adalah konsep yang sangat sempurna. Pemantapan akidah, kepatuhan syariah dan kelestarian akhlak adalah aspek yang sangat diberi perhatian oleh Rasulullah S.A.W. Ketiga-tiga elemen tersebut sangat berpengaruh dalam memastikan kejayaan atau kegagalan sesebuah perniagaan, menarik minat masyarakat sekeliling untuk terlibat dan menjalinkan usahasama serta memajukan lagi perniagaan. Usahawan Melayu sepatutnya menjadikan akhlak Rasulullah S.A.W sebagai satu garis panduan dalam menguruskan aktiviti keusahawanan. Rasulullah S.A.W adalah seorang usahawan berjaya yang mampu meningkatkan penghasilan dan keuntungan perniagaan dengan akhlak yang terpuji serta dapat meyakinkan para

pelanggan dengan strategi perniagaan yang mantap. Justeru, mempraktikkan nilai-nilai agama dalam keusahawanan seperti mana yang telah diajar oleh Rasulullah S.A.W akan memacu usahawan Melayu untuk berjaya di dunia dan di akhirat.

4.5 Kesimpulan

Hadis-hadis Rasulullah S.A.W yang telah dikemukakan telah menjelaskan tentang elemen-elemen keusahawanan berasaskan sunnah yang patut diteladani oleh para usahawan. Dapatan analisis kajian ini mendapati tahap pengamalan keusahawanan berasaskan sunnah dalam kalangan usahawan Melayu semakin menjadi ikutan. Walaupun sebahagian usahawan tidak menyedari keusahawanan yang mereka jalani selama ini adalah seperti yang dianjurkan oleh Rasulullah S.A.W dan Islam, tetapi sekurang-kurangnya mereka berusaha untuk menjalankan aktiviti komersial dengan baik.



UUM
Universiti Utara Malaysia

BAB LIMA

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini merupakan bab yang terakhir dalam laporan kajian ini. Dalam bab ini, pengkaji akan merumuskan semua bab secara menyeluruh. Selain itu, pada penghujung bab ini, pengkaji akan mengemukakan beberapa cadangan yang munasabah dan berkait rapat dengan tajuk kajian ini.

5.2 Implikasi Kajian

Hasil kajian ini menunjukkan terdapat beberapa implikasi terhadap beberapa pihak yang berkaitan dengan kajian ini. Setiap implikasi melibatkan usahawan Melayu, aktiviti keusahawanan, masyarakat secara amnya dan badan-badan yang berkaitan dengan kajian ini.

Walaupun bidang keusahawanan seolah-olah dimonopoli oleh bangsa tertentu, tetapi mutakhir ini masyarakat Melayu juga semakin banyak melibatkan diri dalam bidang ini. Menjalankan aktiviti keusahawanan dengan pelaksanaan dan pengamalan yang berpaksikan akidah, syariah dan akhlak yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W adalah kunci kepada keberkatan rezeki yang diperoleh. Keberkatan rezeki tidak terletak kepada banyaknya harta tetapi pada rasa cukup dengan harta yang dimiliki. Elemen kerohanian merupakan asas yang perlu dijadikan nadi dalam sistem keusahawanan orang Melayu kerana keusahawanan tanpa jiwa Islam hanya boleh mendatangkan keuntungan di dunia semata-mata, sedangkan akhirat adalah tempat yang kekal.

Dalam konteks usahawan Melayu dalam kajian ini, tahap pengamalan keusahawanan yang berasaskan sunnah Rasulullah S.A.W berada pada tahap yang tinggi (Rujuk Jadual 4.3). Kepercayaan kepada sifat Allah S.W.T yang Maha Melihat mampu mencegah mereka daripada melakukan perkara-perkara terkutuk. Manakala, keyakinan bahawa malaikat mencatat segala amalan dan Allah S.W.T akan menghitung setiap pekerjaan yang dilakukan di akhirat kelak menjadikan mereka lebih teliti dalam pengambilan bahan mentah mahupun barang jualan daripada pembekal. Di samping itu, sifat tawakal telah menatijahkan rasa reda dan tidak mengeluh dengan keadaan untung rugi dalam perniagaan. Mereka percaya bahawa rezeki yang diperoleh adalah hak milik mutlak Allah S.W.T.

Namun begitu, terdapat juga dalam kalangan responden yang agak cuai tentang kewajipan melaksanakan ibadah khusus dalam keadaan-keadaan tertentu. Faktor kejahilan menyebabkan mereka berandaian bahawa meninggalkan ibadah khusus seperti solat dan puasa adalah dimaafkan jika keadaan memaksa mereka berbuat demikian. Selain itu, perkara sebegini juga berlaku kerana kurangnya kefahaman berkenaan *fiqh awlawiyat* dalam menguruskan kehidupan seharian. Usahawan yang menjadikan sunnah Rasulullah S.A.W sebagai panduan akan sedar mana yang perlu dilakukan terlebih dahulu dan mana yang perlu ditangguhkan buat seketika.

Konsep *fiqh awlawiyat* adalah meletakkan segala sesuatu pada peringkatnya dengan adil, dari segi hukum, nilai dan pelaksanaannya. Pekerjaan yang mula-mula dikerjakan harus didahulukan berdasarkan penilaian syariah yang sahih, yang diberi petunjuk oleh cahaya wahyu dan diterangi oleh akal (Yusuf al-Qardhawi, 1995).

Dapatan kajian juga mendapati, usahawan yang berpendidikan formal lebih cenderung untuk bersetuju dengan item soal selidik berbanding usahawan yang berpendidikan pondok. Pandangan yang dikemukakan oleh usahawan berpendidikan pondok juga lebih rigid berbanding mereka yang berpendidikan formal, yang dilihat lebih terbuka. Kajian ini turut menggambarkan kefahaman usahawan yang berpendidikan formal adalah lebih baik. Hal ini mungkin kerana mereka mendapat lebih pendedahan dan maklumat berkaitan daripada sumber yang lebih luas, lantas dapat menilai sesuatu perkara dengan lebih rasional. Terdapat juga usahawan yang meletakkan keuntungan material sebagai matlamat utama sehingga sanggup mengenyahkan nilai dan etika yang patut dipatuhi. Mereka hanya melihat aktiviti keusahawanan sebagai sumber pendapatan, bukan satu bentuk ibadah yang disyariatkan dalam Islam. Sedangkan firman Allah S.W.T dalam surah *al-Baqarah* (2: 282) menjelaskan bahawa keusahawanan sangat dituntut dalam Islam. Berdasarkan ayat tersebut, Allah S.W.T menyeru kepada setiap mukmin agar bertakwa serta mengarahkan supaya setiap muamalah haruslah dilakukan dengan jujur dan tidak menyukarkan mana-mana pihak. Ini kerana Allah S.W.T telah mengajarkan setiap perkara dan Dia Maha Mengetahui segala sesuatu.

Berdasarkan huraian-huraian sebelum ini juga, Rasulullah S.A.W tidak hanya menjual barang dagangan yang dibawa, tetapi baginda turut mempromosikan akhlak yang mulia. Akhlak mulia menarik minat masyarakat dan pesaing untuk menjalankan usahasama perniagaan bersama baginda sehingga mendapat keuntungan dalam masa yang singkat.

Justeru, seorang usahawan Melayu yang hebat perlu menjadikan keperibadian Rasulullah S.A.W sebagai garis panduan dalam menguruskan keusahawanan. Sifat yang baik pada diri seseorang adalah faktor kepada kejayaannya dalam perniagaan. Pembinaan sikap usahawan berasaskan kepada nilai-nilai ajaran Islam adalah satu perkara yang sangat penting

Perhubungan antara keteguhan akidah, pelaksanaan syariah dan kemuliaan akhlak memberi implikasi besar terhadap pengamalan keusahawanan yang berasaskan sunnah Rasulullah S.A.W dalam kalangan usahawan Melayu. Majoriti usahawan Melayu sebenarnya tidak menyedari bahawa aktiviti keusahawanan yang dijalankan selama ini sedikit sebanyak berkisar tentang pengamalan keusahawanan yang berasaskan sunnah. Mereka telah memenuhi tuntutan *fardu kifayah* dengan menceburi bidang *muamalah* dan membangunkan sosio-ekonomi ummah.

Dalam konteks aktiviti pula, dapatan kajian ini juga boleh dirumuskan bahawa aktiviti keusahawanan yang dijalankan berasaskan panduan sunnah Rasulullah S.A.W lebih mendapat tumpuan dan disenangi semua pihak. Aktiviti yang selari dengan akidah, patuh syariah dan meneladani akhlak Rasulullah S.A.W akan mempengaruhi prestasi perniagaan serta menarik minat pelanggan tidak kira sama ada daripada kalangan Melayu, Muslim ataupun bukan Muslim. Cabaran dunia keusahawanan juga dapat ditempuhi dengan tenang apabila semuanya dikembalikan kepada Allah S.W.T.

Selain itu, masyarakat sekeliling lebih memilih untuk terlibat dengan muamalah yang berasaskan sunnah Rasulullah S.A.W. Mereka yakin transaksi tersebut lebih telus

dan mesra. Bahkan, terdapat pelanggan bukan Muslim yang berminat untuk berurusan dengan usahawan Melayu yang menjalankan aktiviti ekonomi yang lebih Islamik.

Dalam konteks yang lebih luas, badan-badan yang berkaitan dengan keusahawanan seperti agensi-agensi kerajaan yang terlibat memberi bantuan pembiayaan dan pinjaman juga perlu diberi perhatian. Agensi tersebut didapati terlalu longgar dalam menuntut kembali pinjaman pembiayaan kewangan yang telah diberikan. Malah, terdapat premis-premis yang dilawati sudah tidak beroperasi lagi tetapi perkara ini berada di luar pengetahuan pihak agensi pemberi pinjaman pembiayaan. Perkara ini secara tidak langsung akan memberi impak kepada bakal usahawan kerana akan menyukarkan proses permohonan pembiayaan. Selain itu, terdapat pihak agensi yang didakwa tidak menyediakan saluran untuk para usahawan mengemukakan aduan atau permasalahan yang dihadapi. Justeru, badan-badan yang berkaitan perlu memandang serius isu-isu sebegini supaya ada tindakan yang boleh dirangka untuk menjamin kelangsungan aktiviti keusahawanan dalam kalangan orang Melayu.

5.3 Cadangan Kajian

Berdasarkan huraian sebelum ini, terdapat beberapa cadangan kajian yang akan dikemukakan. Pengkaji sangat berharap agar percambahan usahawan Melayu akan memanfaatkan lagi jihad ekonomi terutamanya di Malaysia. Pertambahan usahawan Melayu juga diharapkan dapat memberi keuntungan dalam membangunkan sosio-ekonomi umat Islam.

Namun begitu, usahawan Melayu sering dikaitkan dengan perubahan gaya hidup yang kurang sihat apabila berlaku transformasi tahap ekonomi kehidupan mereka.

Pembelian perabot dan barangan peribadi mewah selalunya menjadi keutamaan kepada sebilangan besar usahawan Melayu yang meningkat naik berbanding melunaskan hutang pinjaman atau dijadikan sebagai modal memperbesarkan lagi perniagaan. sedangkan pada hakikatnya, usahawan Melayu terpaksa bersaing secara terpinggir dalam skala yang sangat kecil dari segi modal, keupayaan kerja, kemahiran, jaringan sosial dan sebagainya. Justeru, berikut merupakan cadangan daripada pengkaji kepada pihak-pihak yang terlibat dalam pembangunan keusahawanan Melayu dan pengamalan keusahawanan yang berasaskan sunnah Rasulullah S.A.W iaitu para usahawan, agensi-agensi yang menguruskan keusahawanan orang Melayu, masyarakat dan golongan agamawan.

5.3.1 Cadangan Kepada Usahawan

Cadangan kepada usahawan terbahagi kepada tiga aspek berikut:

i. Mendalami Ilmu Etika Perniagaan

Penghayatan terhadap ajaran Islam mempunyai hubungan yang signifikan dengan pengamalan keusahawanan yang berasaskan sunnah Rasulullah S.A.W dalam kalangan usahawan. Untuk menghayati sesuatu, ilmu tentang perkara tersebut mestilah dipelajari. Begitu juga dengan Islam dan keusahawanan. Setiap bakal usahawan perlu menguasai ilmu etika perniagaan terlebih dahulu sebelum menceburkan diri dalam dunia keusahawanan. Dalam konteks keusahawanan berasaskan sunnah Rasulullah S.A.W, etika perniagaan merujuk kepada sifat-sifat usahawan yang mencangkupi penghayatan terhadap akidah, syariah dan akhlak. Hanya pemahaman yang benar dapat mencegah usahawan daripada melakukan perkara-perkara yang terlarang dalam setiap aktiviti keusahawanannya.

ii. Mendalami Ilmu *Fardu Ain*, *Fardu Kifayah* dan *Fiqh Muamalat*

Para usahawan perlu membekalkan diri dengan ilmu *fardu ain*, *fardu kifayah* dan ilmu keusahawanan. Ilmu *fardu ain* sangat penting untuk membimbing usahawan supaya tetap taat kepada Allah S.W.T dan rasul-Nya tanpa mengira tempat dan waktu. Manakala ilmu *fardu kifayah* akan mendorong usahawan untuk lebih kreatif dalam menguruskan aktiviti keusahawanan supaya setiap perbuatan yang dilakukan dalam perniagaan akan mendatangkan manfaat kepada agama, diri dan ummah. Selain itu, usahawan perlu mempersiapkan diri dengan mendalami *fiqh muamalat* dan ilmu keusahawanan supaya lebih bersedia untuk berhadapan dengan segala cabaran, persaingan dan halangan dalam perniagaan. *Fiqh muamalat* adalah untuk memandu para usahawan supaya menjalankan kegiatan ekonomi yang bersih daripada segala larangan Allah S.W.T, mengelakkan penindasan dan menikmati kurniaan-Nya dengan jalan yang halal. Manakala, ilmu keusahawanan membentuk satu bentuk pemikiran yang lebih matang dalam menguruskan keusahawanan.

iii. Meneladani Akhlak Rasulullah S.A.W

Selain itu, setiap usahawan perlu meneladani akhlak Rasulullah S.A.W agar aktiviti keusahawanan yang dijalankan bukan sahaja menghasilkan keuntungan berbentuk harta di dunia tetapi beroleh keredaan dan keberkatan di sisi Allah S.W.T. Malah, setiap aktiviti keusahawanan yang dilakukan dengan niat untuk mengikuti sunnah Rasulullah S.A.W akan membuka pintu keberkatan dan limpahan pahala berganda sepertimana sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

